

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL KETIGA****MESYUARAT KETIGA**

Bil. 23*Isnin***7 Mei 2007**

K A N D U N G A N**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PM 18(1):****- Maybank Berhad Bersifat Diskriminasi***YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]*

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

(Halaman 3)

Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
(Pindaan) 2006

(Halaman 3)

Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006

(Halaman 52)

Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006

(Halaman 71)

USUL:Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 52)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) – MCA

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

8. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato’ Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB

12. Yang Berhormat Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Dato’ Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO

47. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Dato’ Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) – UMNO

83. Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Dato’ Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Dato’ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) – SUPP

118. Yang Berhormat Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

UNIT PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Meraliti binti Mamat

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 7 Mei 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

MAYBANK BERHAD BERSIFAT DISKRIMINASI PERKAUMAN

10.04 pagi

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, notis usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini meluluskan permintaan Ahli Parlimen bagi Bandar Kuching, YB Tuan Chong Chieng Jen untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincangkan satu perkara tertentu yang berkaitan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan yang berkenaan dengan langkah terkini yang diambil oleh Maybank Bhd. yang bersifat diskriminasi perkauman.

Pada April 2007, Maybank telah mengeluarkan pekeliling memaklumkan bahawa bermula daripada 1 Julai 2007, salah satu kriteria untuk terma-terma guaman menjadi panel Maybank ialah 50% ekuiti perkongsian firma guaman itu mestilah dipegang oleh bumiputera. Syarat yang dikenakan oleh Maybank supaya ekuiti 50% dalam semua terma guaman, panelnya perlu dipegang oleh bumiputera sememangnya merupakan satu bentuk diskriminasi kaum. Pengumuman ini telah mengecewakan bukan sahaja di kalangan peguam malahan juga di kalangan masyarakat bukan bumiputera.

Dasar sebegini yang diamalkan oleh bank terbesar dalam negara ini akan bermakna bahawa perkhidmatan guaman tidak lagi ditentukan berdasarkan kepakaran guaman tetapi mengikut warna kulit. Diskriminasi sebegini telah banyak dilaksanakan di dalam perolehan kontrak-kontrak kerajaan dan sekarang sebuah syarikat GLC seperti Maybank juga bermula dengan praktis-praktis diskriminasi sebegini dalam sektor profesional.

Ini secara mutlak akan menyebabkan kemerosotan standard perkhidmatan profesional, penambahan perniagaan Ali Baba di sektor perkhidmatan profesional, kehilangan golongan profesional bukan bumiputera ke luar negara dan yang paling teruk ialah ia akan memberikan faktor-faktor yang menyebabkan tidak bersatu padunya antara kaum di negara kita.

Oleh kerana Maybank ialah sebuah syarikat GLC, maka dasar-dasarnya mencerminkan pendirian semasa kerajaan. Adakah kerajaan akan membiarkan begitu sahaja? Adakah warna kulit sudah menjadi satu faktor yang begitu penting sehingga ia lebih diutamakan daripada kepakaran dalam perkhidmatan profesional? Adakah mesej yang akan disampaikan? Apakah mesej yang akan

disampaikan kepada masyarakat antarabangsa melalui praktis sebegini? Dewan yang mulia ini seharusnya memberi pertimbangan segera terhadap perkara ini supaya kerajaan dan Bank Negara akan campur tangan untuk menghentikan praktis ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lebih, ya? Sudah lebih perkataan. Tidak apalah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Bandar Kuching pada hari Khamis, 3 Mei 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan bagi kepentingan orang ramai dan ia berkehendak disegerakan. Pelantikan panel peguam adalah tertakluk kepada polisi atau dasar dalaman sesuatu institusi kewangan. Perkara ini tidak perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menggabungkan Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta 280 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993, Akta 499 untuk mengawal selia dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan aktiviti pasaran dan perantaraan dalam pasaran modal dan bagi perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya, di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEWANGAN
PERDAGANGAN ISLAM ANTARABANGSA 2007**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menguatkuasakan satu perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian perbadanan kewangan perdagangan Islam antara bangsa dan untuk membolehkan Kerajaan Malaysia menjadi anggotanya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN
TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PINDAAN) 2006**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2006 ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [25 April 2007]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Kubang Kerian untuk menyambung ucapan.

10.11 pagi

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya untuk menyambung perbahasan mengenai pindaan kepada Akta PTPTN yang telah saya bahaskan seminggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyatakan tentang nikmat yang seharusnya diberikan dan dirasakan oleh rakyat di dalam negara kita ini, kita merasakan akta ini seharusnya diberikan suatu pertimbangan yang sewajarnya bagi membolehkan kita berfikir dengan rasional tentang perkara-perkara yang diperuntukkan iaitu mengambil tindakan yang berbentuk kekerasan terhadap peminjam-peminjam dan ibu bapa mereka yang kemungkinan tidak mampu untuk membayar hutang-hutang ini disebabkan oleh elemen kemiskinan, ketidakupayaan, ataupun berlakunya beberapa halangan yang menyebabkan mereka terhalang daripada membayar hutang ini.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa Perlembagaan Persekutuan kita memiliki apa yang dikatakan dengan izin, *traditional element* iaitu tradisi yang mesti dipertahankan dan bila perlembagaan ini digubal pada hari yang pertama, ia tidak pernah dipertikaikan oleh mana-mana pihak, oleh mana-mana kaum dan bangsa dalam negara kita. Tentang Perkara 153 sebagai contoh,

yang menyebut dengan jelas bahawa biasiswa adalah suatu *privilege*, adalah suatu keistimewaan yang diberikan kepada golongan bumiputera, ini tidak pernah dipertikaikan oleh mana-mana pihak, mana-mana kaum dan mana-mana bangsa apabila ia diperkenalkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, kenapa hari ini tidak ada lagi biasiswa kepada golongan bumiputera. Ini persoalan yang ingin saya bawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Amat malang selepas 50 tahun kita merdeka, adakah ini hasil yang diberikan kepada golongan ini? Di mana mereka terpaksa meminjam dan apabila mereka tidak mampu membayar pinjaman mereka secara *general* dengan izin, secara keseluruhannya, maka mereka akan dikenakan tindakan undang-undang yang berbentuk kekerasan, menggeledah rumah, menyita, menahan perjalanan dan seumpamanya.

Adakah ini yang sepatutnya diterima oleh mereka yang tidak bernasib baik ini? Oleh itu, saya bukan datang ataupun berdiri di dalam Dewan yang mulia ini untuk membawa satu unsur *Malay chauvinisme*, bukan untuk menjadi putera Melayu dalam Dewan yang mulia ini tetapi ini persoalan hak. Ini persoalan *privilege*. Ini persoalan yang diberikan jaminan oleh Perlembagaan.

Kenapa cara ini boleh berlaku dan pindaan kepada akta ini dan bukannya memudahkan, bukannya meringankan dan bukannya mengambil kira tentang perkara-perkara yang dihadapi oleh masalah rakyat dalam negara kita sama ada mereka Melayu, mereka Cina, mereka India, Dayak, Iban, Kadazan dan seumpamanya, tetapi persoalan pindaan ialah persoalan yang menekankan, memberi tekanan hidup kepada mereka.

Secara jujur Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bertanya kepada setiap orang rakyat Malaysia pada hari ini. Akibat daripada kenaikan harga barang, apa barangan yang tidak naik di pasaran? Apa barang keperluan yang tidak naik di pasaran yang terpaksa rakyat bayar setiap hari daripada tolnya, barang keperluannya dan yang paling terkilan tentang susu anak, yang naik 100%...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Buah kelapa turun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Ini seharusnya diambil perkiraan, bukannya mengambil suatu inisiatif meminda akta untuk memberikan tekanan, melakukan kekerasan terhadap mereka yang tidak berupaya untuk membayar hutang pinjaman mereka. Silakan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu MARA juga mengeluarkan pinjaman kepada pelajar-pelajar tetapi MARA ada kalanya daripada pinjaman di *convert* kepada biasiswa apabila keputusan cemerlang diperoleh oleh pelajar-pelajar yang diberi pinjaman.

Apakah Yang Berhormat sedar dalam akta ataupun peranan tabung pendidikan tinggi dalam PTPTN ini, tidak terdapat konsep yang sama seperti mana MARA ajukan kepada pelajar-pelajar ini. Apakah pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya terdapat pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat keputusan cemerlang hasil daripada mendapat pinjaman ini, mereka belajar bersungguh-sungguh, kemudian mendapat keputusan cemerlang tetapi tabung ini cuba melangsaikannya daripada hutang kepada biasiswa, adakah Yang Berhormat setuju?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi adalah menunjukkan keterbukaan kita terhadap perkara yang baik yang dilakukan oleh kerajaan itu, mesti kita sokong.

MARA telah memberikan jasa yang besar kepada golongan bumiputera ini dan seharusnya kita akui. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi menyebut tentang pemberian hadiah biasiswa kepada mereka yang cemerlang. Ini seharusnya diberikan sebagai satu bentuk penerusan supaya mereka yang cemerlang ini terus mendapat faedah. Saya hendak balik kepada apa yang telah saya sebutkan tadi bahawa sekiranya hasil kekayaan negara ini dapat diuruskan dengan baik sebagai contoh, tidak berlaku penyelewengan, tidak berlakunya elemen-elemen yang boleh merugikan syarikat-syarikat besar negara seperti GLC dan seumpamanya.

Saya yakin dan percaya hasil kekayaan negara ini bukan sahaja boleh dilimpahkan kembali kepada golongan bumiputera tetapi juga keadaan golongan-golongan yang lain seperti orang-orang Cina, orang-orang India yang bila anak mereka benar-benar memerlukan keperluan pembelajaran, kita boleh bagi dengan percuma sebenarnya hasil daripada apa yang dinikmati oleh negara pada hari ini...

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Oleh itu saya ingin berbalik kepada masalah pindaan ini. Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri mestilah mengambil satu tanggungjawab...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Gerik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Pohon izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada menyebut tentang dengan adanya rang undang-undang, tabung pinjaman ini maka bumiputera tidak lagi akan merasa biasiswa. Tidakkah benar ataupun di mana kerajaan akan juga meneruskan program memberi biasiswa kepada mereka yang cemerlang seperti mana yang sedang berjalan pada hari ini boleh dikatakan ribuan yang memperoleh biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam setiap tahun dan juga PETRONAS mengeluarkan biasiswa, Bank Negara Malaysia juga mengeluarkan biasiswa, MARA juga mengeluarkan biasiswa dan beberapa syarikat-syarikat GLC yang lainnya, bukankah ini tidak akan dimansuhkan walau pun adanya pinjaman ini. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Gerik. Itu kita sambut baik. Itu sesuatu yang positif, yang mesti kita berikan satu galakan pada masa yang akan datang, tetapi saya bercakap tentang perkara yang luas. Bila keperluan negara memberikan suatu keluasan, jangan kita memandangkan benda yang sempit. Saya setuju pelajar cemerlang mesti diberikan kepada mereka suatu galakan, satu *encouragement* dengan izin, apa

Bank Negara Malaysia buat, apa yang PETRONAS, apa yang MARA buat, tetapi hanya berapa peratus yang cemerlang?

Kita berbicara tentang suatu golongan rakyat Malaysia dan rakyat Malaysia pada keseluruhannya yang perlu mendapat hak mereka yang memerlukan suatu..., yang menuntut *privilege* mereka. Ini yang saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang telah dikatakan sahabat saya Yang Berhormat bagi Gerik tadi ialah mereka yang cemerlang. Ini teruskan, tetapi bagaimana yang lain.

Saya hendak bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengambil kira mereka yang cemerlang..., ini satu penyakit lagi di dalam dasar yang mungkin diberikan ataupun yang akan diimplementasikan oleh PTPTN, yang akan memberikan hadiah kecemerlangan kepada mereka yang akan mengikuti kursus yang kritikal sebagai contoh dan mengabaikan pula yang ingin meneruskan dalam bidang aliran sastera. Ini tidak betul, ini tidak sihat. Modal insan dibina melalui sektor mana? Mana ada profesor di dalam dunia ini yang menyatakan modal insan terbina hanya di kalangan mereka yang profesional macam doktor, *engineer*, arkitek sahaja.

Mana boleh ada segolongan cendekiawan yang menafikan mereka yang lahir sebagai pemimpin besar dunia, yang juga lahir pada pelbagai disiplin ilmu, termasuk golongan-golongan yang mengambil dalam jurusan sastera. Jadi, jangan kita mengabaikan rakan kita, menjadikan satu dikotomi dalam pendidikan, dalam disiplin ilmu. Ini tidak betul sebenarnya dan ini akan memusnahkan masa depan pelajar-pelajar aliran sastera dalam negara kita.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mestilah mengambil suatu inisiatif untuk melihat dan kalau boleh *review* kembali akta yang dicadangkan ini. Saya amat kesal, saya tidak mahu berlakunya beberapa kecuaihan, berlakunya beberapa yang dikatakan terlepas pandang ataupun data *base* yang tidak cukup, ataupun pelbagai mekanisme yang PTPTN tidak dapat mengambil ataupun mengutip hutang mereka, maka beban ini terpaksa diberikan dan dilemparkan kepada pelajar-pelajar dan ibu bapa yang terpaksa membayar hutang ini. Kita tidak boleh menafikan, sebahagian besar mereka yang berhutang ialah merupakan mereka yang memerlukan kos pendidikan.

Adakah patut, Tuan Yang di-Pertua, selepas 50 tahun kita merdeka, ada lagi makcik-makcik di kampung, penoreh getah yang bangun seawal jam 3 pagi, ada lagi pakcik-pakcik, nelayan, nelayan yang bangun seawal 5 pagi, mereka yang bangun buat kuih jam 5 pagi, menjualnya di warung-warung, mereka yang bangun pagi memandu teksi, bersengkang mata apabila anak mereka pandai, anak mereka cemerlang, anak mereka dapat masuk universiti, mereka terpaksa meminjam lagi dan membayar kembali kos yang mereka terpaksa bayar kepada pihak PTPTN ini.

Sebab itu, saya menyatakan di Dewan yang mulia ini supaya akta ini hendaklah dikaji semula dan implikasinya amat besar terhadap rakyat yang terpaksa meminjam. Kenapa diberikan pinjaman kepada mereka yang berada? Secara borongnya, tabung ini memberikan pinjaman kepada mereka yang mampu untuk membiayai anak-anak mereka. Kita tidak fokus sebenarnya dan mereka ini semualah yang perlu diperbaiki, merekalah yang sepatutnya diberikan tumpuan, diperbaiki oleh

pengurusan PTPTN, bukan dengan cara tergesa-gesa dan tergopoh-gapah meminda akta ini dan melemparkan beban itu kepada ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu maju, kita kena melihat negara maju, bukan kalau kita hendak maju, kita menoleh negara yang tidak maju macam Bangladesh. Memang kita lebih baik daripada Bangladesh, memang kita lebih baik daripada Tanzania, daripada Republik Kongo tetapi kalau kita hendak maju, lihat sebuah buku yang antara yang paling baru di pasaran '*Chindia*', gabung China dan India, yang ditulis, yang mengangkat China dan India sekarang ini sebagai mereka ini akan menguasai pasaran ekonomi pada masa yang akan datang. Menjadi, *the main player* di dalam era globalisasi.

Di dalam buku ini ditulis dengan jelas, pelaburan paling penting dalam bidang pendidikan, bagaimana China, bagaimana India memberikan fokus terhadap industri pendidikan, memberikan galakan, memberikan insentif, memberikan biasiswa kepada mereka yang ingin mencapai ketinggian dan juga ilmu. Ini menjadikan asas mereka hari ini, bangun dan menguasai pengetahuan untuk mereka menguasai pasaran dunia yang ada pada hari ini. Tiba-tiba kita beralih ke belakang, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bercakap tentang hak, saya bercakap tentang *privilege*, saya bercakap tentang hak semua rakyat yang miskin, yang terpaksa mencari, kais pagi makan pagi untuk melahirkan anak mereka, memberikan pendidikan kepada anak mereka, membesarkan mereka dan mereka dapat masuk ke universiti tetapi mereka terpaksa meminjam dan dalam keadaan tertentu, mereka tidak dapat membayar balik maka ibu bapa terpaksa menghadapi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut tentang Perkara 153 ini, ini hak dan saya memberikan satu jaminan di dalam Dewan yang mulia ini saya akan mengambil inisiatif untuk mengumpulkan beberapa orang pakar undang-undang negara untuk kita mencabar perkara ini dalam mahkamah, insya-Allah sekiranya ianya tidak dapat untuk diberikan pertimbangan. Adakah Perkara 153 ini satu perkara yang tidak boleh dicabar di dalam mahkamah? Adakah ini satu pindaan yang memang menafikan langsung perkara yang dipersetujui di awal kita merdeka?

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang negara ini bukan dibuat oleh parti pembangkang. Apabila British meninggalkan tanah air kita, perkara-perkara yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah ditubuhkan oleh Suruhanjaya Reid. Ini ingat baik-baik. Reid lah yang mengetuai Suruhanjaya ini dan menggubal undang-undang ini yang terpakai sehingga pada hari ini, ia bukan undang-undang ciptaan pembangkang, PAS ataupun seumpamanya.

Ini satu konsensus, satu persetujuan awal yang tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak, yang tertulis adalah hak, yang tertulis adalah *privilege* yang mesti dipelihara, kenapa hari ini dipertikaikan. Kenapa ditiadakan biasiswa? Kenapa dalam hal ini kita menyaksikan berlakunya semakin jauh kita meninggalkan landasan kemerdekaan, nampaknya golongan bumiputera dan rakyat yang lain, yang miskin memang tidak dapat menikmati apa yang sepatutnya mereka dapat dalam sebuah negara yang didakwa makmur dan ekonominya berkembang baik. *Who benefit it?*

Baru-baru ini nilai dagangan dikatakan RM1.3 trilion. Jadi, siapa *got the benefit*, siapa yang dapat? Adakah rakyat dapat? Saya melihat kumpulan sasar inilah yang mesti diberikan perhatian, golongan pelajar, merekalah yang mesti diberi segala bentuk kemudahan yang ada. Tidak rugi dalam pelaburan jangka panjang, pelaburan modal insan, yang Perdana Menteri sendiri menyebut, menekankan dalam setiap kali ucapan, pelaburan modal insan. Tidak rugi bagi kerajaan membelanjakan wang yang besar untuk memberikan golongan ini kesempatan terbaik untuk mereka menggali segala bentuk kemungkinan-kemungkinan yang akan menaikkan darjat negara ini apabila rakyat mendapat suatu kemuncak pengetahuan yang sangat diperlukan dalam dunia untuk kita bersaing dalam era global pada hari ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara ini dan kalaulah pindaan ini tidak dapat diberikan perhatian, saya akan mengambil satu inisiatif untuk kita membuat satu diskusi ataupun satu perancangan....

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Sekejap. Supaya kita dapat melihat dan *review* kembali hak ini, sama ada ianya akan dicabar di mahkamah bagi membela golongan ini, insya-Allah. Sila, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tengok Yang Berhormat bercakap berapi-api, tetapi daripada akta pindaan ini, saya tidak nampak bahawa pihak PTPTN tidak ingin memberi pinjaman. Apa yang ada ialah pihak PTPTN hendak menguatkuasakan dan juga mengetatkan cara pungutan bayaran balik. Jadi, minta penjelasan, yang mana Yang Berhormat kata pihak PTPTN telah menafikan hak ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Biasiswa.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya baru sebut, saya menyebut tentang biasiswa, Tuan Yang di-Pertua. Saya membahaskan akta ini jangan lari daripada suatu keluasan hak yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan, kita lari daripada satu perkara yang sempit, yang kecil, yang di sudutkan ataupun yang dipinggirkan. Saya hendak balik kepada masalah biasiswa. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Batu Pahat sebentar tadi.

Apa yang penting di sini Tuan Yang di-Pertua, adalah kita melihat dengan dada yang terbuka bahawa PTPTN ini kalau ia satu mekanisme untuk membantu pelajar-pelajar untuk mendapatkan pinjaman, secara objektifnya saya boleh bersetuju, secara rasionalnya tetapi golongan mana yang boleh diberikan pinjaman, mereka yang macam mana yang boleh diberikan pinjaman...

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Sila, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikuti inti pati ucapan daripada saudara Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang menyebut Perkara 153. Jelas bahawa ini adalah sesuatu yang harus difikirkan dengan mendalam oleh kedua-dua pihak dalam negara ini. Saya cuma hendak minta penjelasan, apakah Yang Berhormat

berpendapat, selepas 50 tahun merdeka maka *privilege* ini perlu ditarik balik? Kerana perkataan *privilege* bererti sesuatu yang boleh diberi dan boleh ditarik. *This is not a right, it is a privilege. A right* adalah hak, *privilege* adalah keistimewaan. Jadi selepas 50 tahun keistimewaan ini ditarik balik sedangkan negara makin kaya dan makin miskin. Minta penjelasan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya daripada Ketereh. Kalau saya boleh menyebut secara akademik sebagai contoh, adakah perkara ini perlu ditarik balik? Sebab saya sudah mengatakan tadi, ini keluasan yang diberikan oleh undang-undang negara. Kita bercakap tentang undang-undang negara. Maka pemimpin yang ada pada hari ini, yang memelihara Perlembagaan ini. Kami sebagai pembangkang hanya memberikan pandangan. Itu pun kadang-kadang dianggap *extreme*, kadang-kadang dianggap *cauvinis* dan seumpamanya. Saya sedar perkara ini tetapi sila dengar bahawa ini Perlembagaan Persekutuan. Sejak..., *from the day one* kita *independent*, kita merdeka, siapa yang menjaga negara ini? Siapa yang diberikan kuasa, mandat dan Barisan Nasional mendapat mandat yang terbesar 2004. Jumlah 9/10 majoriti. Maka oleh itu, yang menjaga hal ini siapa? Janganlah beralasan bahawa apa yang dilakukan oleh rakyat akan memberikan mandat, menang pilihan raya, majoriti masih kekal. Itu bukan jawapan yang terbaik. Itu bukan jawapan orang-orang yang bijaksana, orang-orang yang budiman yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya telah meneliti dan mendengar ucapan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan perbahasan. Cuma saya masih lagi menanti-nanti yang disebut awal tadi bahawa pindaan kepada rang undang-undang ini telah menimbulkan satu kekerasan, satu kezaliman kepada pelajar-pelajar khususnya kepada peminjam-peminjam. Saya ingin tahu, yang dikatakan kekerasan, kezaliman itu apakah yang terdapat di dalam pindaan ini yang dikatakan kezaliman oleh pihak Yang Berhormat Kubang Kerian?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua seingatan saya dalam Dewan yang mulia ini, saya tentang pindaan Akta Tanah dulu. Menteri yang jawab dulu kita tidak akan mengambil tanah secara sukarela tetapi apa yang berlaku di Pantai Kundur, Tanah Merah? Apa yang berlaku di Kerpan? Sebagai contoh. Petani menjadi mangsa sampai ke hari ini akibat daripada mungkin berlaku perkara-perkara yang kita tidak ingini. Dan *worst scenario* pada akta ini adalah bila katalah pelajar yang miskin, yang benar-benar miskin macam anak penoreh getah sebagai contoh, yang memang ibu bapa mereka tidak berkeupayaan. Anak yang sulung dapat masuk universiti. Berapa gaji yang keluar *first bachelor*? Keluar, berapa gaji? RM1,800? Duduk di Kuala Lumpur, menyewa di setingan, ada anak lapan orang yang mesti belajar, adik-adik yang mesti belajar. Bila mereka dibawa ke mahkamah harta-harta ini, harta mereka disita, ditangkap, digeledah. Adakah ini bukan satu kezaliman?

Jadi jangan akta ini digunakan secara semberono begitu. Mesti fokus, mesti spesifik, telah dipersoalkan tadi, siapa yang layak mendapat pinjaman? Mekanisme itu menemu duga macam mana? Adakah temu duga dilakukan dilaksanakan dengan profesional? Ini masalahnya Tuan Yang

di-Pertua. Kalau ini benar-benar berlaku macam mana? Kita lihat di Pudu Raya jam tiga pagi, pukul empat pagi, *driver* teksi sama ada mereka Cina, mereka India, mereka siapa-siapa saja, bersengkang mata pukul 4.00 subuh, untuk apa? Mencari rezeki. Bang naik teksi bang? Bang naik teksi saya? Pukul 3.00 subuh, 4.00 subuh dapat RM10 paling jauh, hantar ke mana? Ke Cheras dapat RM20. Duit itulah esok untuk mereka biayai anak mereka. Kalau mereka dibawa ke mahkamah, di mana keadilan? Sila Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [*Berdiri*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah ya... cukuplah, cukup. Sungai Petani, silalah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya lihat di sini Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak tanya, banyak lagi jawabnya. Silalah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangkitkan di sini ialah banyak perkara yang saya rasa agak begitu celaru. Tidak ada fokus untuk kita membahaskan, sekarang ini ialah ke arah PTPTN. Sekarang Yang Berhormat bangkit tentang soal biasiswa. Kemudian Yang Berhormat bangkit Perkara 153.

Jadi saya hendak tahu, Yang Berhormat malah sahabat saya Yang Berhormat daripada Gerik tadi bangkit juga mengenai biasiswa. Biasiswa masih didapati pada hari ini. Jadi soalnya, adakah Yang Berhormat hendak berbincang perkara biasiswa atau PTPTN? PTPTN soal untuk mengutip balik wang itu tadi. Jadi saya tidak tahu Yang Berhormat bangkit itu, bangkit ini, saya faham, saya cukup faham, tetapi apakah Yang Berhormat bersetuju PTPTN itu diteruskan ataupun tidak? Sebab pada pengetahuan saya, biasiswa tetap diberi oleh pihak kerajaan dan badan-badan yang tertentu seperti sahabat saya Yang Berhormat bagi Gerik sebut tadi. Jadi, apakah kita tidak menarik balik biasiswa? Biasiswa berterusan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Malah dalam soal PTPTN yang kita sedang berbincang khas di sini adalah mengenai dengan pengutipan balik. Bagaimana dia hendak kutip balik? Ini soal dia. Bukan soal yang lain-lain ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, cukup. Sila tamatkan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya gulung dan sekali gus saya menjawab persoalan yang diberikan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Sungai Petani yang *long standing*, bersyarah sebagai orang yang kuat dalam bidang akademik. Saya rasa beliau faham sebenarnya apa yang saya hendak katakan, yang tersirat di hati saya. Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula.

Jadi saya ingin menggulung Tuan Yang di-Pertua bahawa kita kena berbalik kepada persoalan asal. Pada pokok persoalan yang mesti diperjuangkan. Saya mahu supaya pindaan ini dilihat secara objektif dan kalau bertanya PTPTN, adakah perlu diteruskan? Namun golongan mana yang seharusnya diberi pinjaman? Dan golongan mana yang mesti diberikan hak dan *privilege* ini? Jangan kita lari daripada tajuk ataupun persoalan asal yang mesti diperjuangkan bersama untuk

kebaikan semua bangsa rakyat Malaysia pada hari ini setelah 50 tahun kita mencapai kemerdekaan. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit berhubung dengan pindaan undang-undang, Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh persoalan yang telah dibangkit banyak oleh wakil rakyat di dewan ini saya dimaklumkan berhubung dengan pindaan penahanan pasport dan sebagainya, biarlah saya menyebut sedikit soalan pendidikan itu sendiri dahulu.

Pendidikan adalah satu proses untuk memberi ilmu kepada masyarakat dan proses ini bukan saja untuk mendapat sijil dan ijazah daripada universiti-universiti ataupun institusi pendidikan tinggi, tetapi memberi kegunaan keseluruhannya kepada masyarakat di negara mana mereka ini akan menetap ataupun duduk nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengikut perkara ini sebagai mukadimah saya ialah, oleh sebab saya, persoalan pendidikan adalah perkara asas bagi kita. Dan undang-undang PTPTN adalah, dengan izin, *consequential* dengan satu pindaan yang asal iaitu pindaan universiti dan maktab, perundangan aktanya, pada tahun 1994 kalau tak salah saya. Sayalah yang membincangkan undang-undang itu dengan panjang lebar. Persoalan yang saya bangkit semasa undang-undang universiti dipinda di Parlimen ini ialah berhubung dengan satu perkara yang asas. Apabila pihak lain selain daripada kerajaan dibenarkan untuk menubuhkan universiti ataupun kolej dengan izin, dengan sendirinya tempat untuk anak-anak kita di Malaysia ini belajar dan mencari ilmu akan bertambah. Penambahan itu nanti mendatangkan kesan positif dan negatif kepada negara. Yang positif dilihat ialah oleh kerana memberi peluang dan ruang yang banyak kepada semua masyarakat di negara ini untuk menimba ilmu di institusi-institusi bakal ditubuhkan itu.

Peluang negatif yang dipandang oleh saya ialah dari segi peluang pihak-pihak bumiputera khususnya ataupun orang yang tidak berkemampuan untuk memasuki institusi swasta ini nanti yang mungkin mempunyai *charge* ataupun pembayaran yang tinggi telah menyisihkan kumpulan-kumpulan miskin tidak berpeluang untuk memasuki universiti walaupun universiti itu banyak di negara kita. Jadi akhirnya pihak yang tersisih ini akan lebih jauh tersisih dan perantaraan ataupun gap di antara yang terpelajar dengan yang tidak terpelajar ini akan membesar dengan sendirinya.

Peluang dan ruang pendidikan boleh dibeli Tuan Yang di-Pertua sebenarnya dengan wang dan duit ringgit dengan memberi peluang dengan anak-anak kita pergi ke universiti. Jadi kalau ini tidak diwujudkan satu dana kata hujah saya, pada tahun 1994, akhirnya anak bumiputeralah yang akan tersisih nanti. Jadi hakikatnya saya secara peribadi undang-undang PTPTN dekat di hati saya oleh kerana saya salah seorang yang awal mencadangkannya di Dewan ini untuk diwujudkan satu dana khusus untuk membantu mereka tidak berpeluang untuk memasuki institusi-institusi pendidikan tinggi ataupun universiti swasta yang bakal ditubuhkan di negara ini selepas perundangan itu dipinda pada 1994 tetapi apa yang berlaku selepas itu ada berlainan sedikit daripada apa yang saya sangka

kerana PTPTN tidak menaja mereka yang memasuki universiti ataupun institusi swasta di negara ini. Hanya penaja mereka yang memasuki institusi ataupun universiti awam.

Jadi ini lagi memberi satu ruang yang tidak begitu menarik pandangan saya dan saya menyarankan supaya dibuka peluang ini kepada PTPTN menaja semua anak-anak kita masuk ke universiti ataupun institusi pengajian tinggi di seluruh negara sama ada swasta ataupun awam. Jadi dengan itu peluang dan ruang ini akan sama rata kita berikan kepada anak-anak negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh persoalan pendidikan. Secara ringkas saya banyak berbincang dengan para *academician*, bijak pandai dan bahkan saya berbincang dengan pihak pengguna, pihak swasta, syarikat dan pihak-pihak kerajaan khususnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam peringkat negeri dan peringkat pusat berhubung dengan kualiti pendidikan negara. Saya apabila melihat Suruhanjaya membuat satu temu duga di seluruh negara pada dua tahun yang lepas. Setelah tamat perjalanan mereka hampir tiga bulan di seluruh negara, untuk menemu duga anak-anak lepasan universiti untuk masuk kerja khususnya jabatan Polis Diraja Malaysia.

Saya dimaklumkan bahawa banyak kesedihan telah disebut, telah dikeluarkan oleh pihak suruhanjaya ini mengatakan bahawa kualiti para peminat untuk memasuki jabatan polis yang ditemu duga oleh mereka adalah jauh daripada yang disangka kan. Jadi dengan keadaan sedemikian, kita kena bertanya sendiri di mana letaknya kelemahan pendidikan kita untuk mengeluarkan graduan yang berkualiti tinggi yang boleh mengisi kehendak dan naluri jabatan-jabatan kerajaan itu sendiri, jabatan kerajaan kita sendiri yang berkehendakkan sejenis sumber insan yang diperlukan oleh jabatan. Ternyata sekali kita mengambil tindakan iaitu mengeluarkan *must production* dengan izin tetapi kita tidak melihat kualiti produk yang kita keluarkan.

Dalam keadaan yang lain saya berbincang dengan pihak-pihak yang tertentu bahawa ada orang mengatakan bahawa universiti-universiti dan institusi pengajian tinggi di Malaysia ini kita mahu pelajar-pelajar di universiti mendapat kelulusan yang cemerlang dalam pandangan mereka iaitu mendapat kelas satu sekurang-kurangnya kelas dua tingkat atas. Dengan itu untuk mengatasi masalah ini ialah dengan membantu pelajar ini dengan nota-nota dengan bimbingan-bimbingan tertentu dengan apa cara sekalipun. Dengan keadaan sedemikian, anak-anak kita tidak lagi perlu pergi ke *library*, tidak perlu lagi membaca banyak sangat, tidak perlu lagi membuat *research* apa yang perlu ialah menghafal nota-nota, *note-note* yang dibagi ataupun *handout-handout* yang di bagi oleh pihak *lecturer-lecturer* ataupun pensyarah universiti. Akhirnya apabila mereka boleh menghafal semua itu, mereka akan mendapat kelas satu ataupun kelas dua...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani... setakat mana?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sampai saya habis. Jadi, yang kelas satu, kelas dua ini menerusi menghafal dan mempelajari ilmu dalam bentuk yang begitu

narrow. Mereka tidak memenuhi kehendak jabatan-jabatan kerajaan yang saya sebutkan tadi. Sila Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Satu Yang Berhormat bercakap sekarang ialah mengenai dengan kuantiti dan kualiti. Jadi nampak macam Yang Berhormat seolah-olah sependapat dengan rakan-rakan Yang Berhormat mengatakan kualiti universiti kita sudah menurun nampaknya. Jadi saya tidak tahu bagaimana yang dikatakan sudah menurun dan apakah kaitannya dengan PTPTN kalau mereka menurun.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat ialah, apakah kualiti di universiti-universiti kita sekarang sudah menurun walhal apabila mereka hendak dimasukkan ke IPTA khususnya mestilah berdasarkan kepada kelayakan dan ramai yang memohon dan hari ini sistem peperiksaan kita sedemikian rupa yang lebih ramai anak-anak muda kita yang dapat memasuki universiti kerana kelayakan mereka dan ini yang kita bercakap fasal meritokrasi berasaskan kepada merit. Jadi saya tidak tahu apa Yang Berhormat boleh jelaskan kepada Dewan yang mulia ini kualiti kita menurun hari ini. Apakah disebabkan kerana macam Yang Berhormat katalah tidak pergi *library*. Kalau tidak pergi *library* pun mereka guna juga sistem sekarang dengan IT dan sebagainya. Itu memang saya tidak setuju dengan pendapat Yang Berhormat mengatakan universiti-universiti tempatan kita kualitinya sudah menurun terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya hampir sepuluh minit saya tidak guna pun perkataan menurun. Apa yang saya katakan tidak memenuhi kehendak semasa ataupun imbasan mengatakan, tidak memenuhi kehendak semasa. Bahkan saya boleh mengatakan, pelajar Tingkatan 6 sekarang lebih bijak daripada pelajar Tingkatan 6, 20 tahun yang lepas. Oleh kerana keadaan 20 tahun yang lepas, cabaran 20 tahun yang lepas lain daripada cabaran yang kita hadapi sekarang. Jadi anak-anak kita mesti dididik dalam keadaan dan cabaran semasa. Bukan saya kata menurun Yang Berhormat, tidak ada saya sebut perkataan menurun. Saya kata tidak memenuhi kehendak jabatan.

Saya ini melaporkan apa orang cakap. Saya berjumpa dengan orang, jadi inilah jawapan. Saya berjumpa dengan seorang pegawai kanan polis dengan mengatakan, saya sudah interviu 3000 dengan jawatankuasa saya, 3000 graduan yang kita boleh pilih hanya seratus lebih sahaja memenuhi kehendak. Saya tidak tahu sama ada memilih oleh kerana berbahasa Inggeris atau pun apa benda, tetapi persoalannya, memang dia bandingkan ilmu yang tahap dia sekarang, dengan ilmu anak-anak yang keluar daripada universiti itu. Memang saya menerima hakikat, ilmu..., dia memang sudah 48 tahun umurnya. Ilmu yang dia terima selama dia belajar di kolej dahulu hingga dia bekerja dengan kerajaan, hingga 48 tahun umurnya. Ilmu itu sebagai *benchmark* untuk menyukat kepandaian dan kebijaksanaan orang yang di hadapan dia semasa ditemu duga. Saya menerima hakikat, memang ada peningkatan daripada segi pencarian ilmu, tetapi yang kita sebutkan di sini ialah, adakah peningkatan itu sejajar dengan kehendak-kehendak semasa.

Di Amerika Yang Berhormat, *research is been done*, sekarang, mencaci *education institution* di Amerika, mengatakan cara pembelajaran di Amerika telah menurun. Sebenarnya bukan menurun

tetapi tidak boleh menyahut cabaran dan kehendak oleh negara Amerika. Saya sebut apa yang disebut oleh pihak-pihak di Amerika yang mengatakan bahawa cara pemikiran kritis tidak lagi diajar oleh kerana masyarakat Amerika sekarang telah dibendung dengan bermacam-macam undang-undang, peraturan, *rules* dan sebagainya hingga dia hanya mengetahui itu sahaja. Kalau *you* dah tahu ini dan *you will be alright*. Begitu juga soal menghafal nota dan sebagainya. Bila kita sudah tahu itu, *that's all we need to know, we needn't to read more than that*, dengan izin, kerana kita boleh lulus dengan itu sahaja.

Jadi Yang Berhormat, bukan saya mengatakan universiti telah menurun. Saya telah bertanya dengan menteri soalan pemikiran kritis. Menteri telah menjawab bahawa walaupun mungkin tidak diajar sebagai asas pemikiran kritis ini di pihak universiti pada masa sekarang ini, tetapi telah diajar untuk anak-anak kita mempunyai satu pemikiran yang terbuka, pemikiran yang kritis, pemikiran yang bebas daripada bendungan, pemikiran yang bebas daripada ajaran-ajaran yang konvensional untuk berfikir jauh lebih dari itu, *to get out of the box, to get out from the* belenggu pemikiran.

Dalam falsafah undang-undang yang saya pelajari daripada Profesor Dworkin dari Oxford mengatakan kita telah dibendung di dalam satu *circle*, kita tidak boleh keluar daripada *circle* itu. Apabila otak atau pemikiran kita dibendung sedemikian, itu sahajalah yang kita tahu yang dalam *circle* itu sahaja. Kita tidak perlu keluar *circle* itu lagi. Pak Lah kata "*Thinking outside the box*". Macam mana hendak *thinking outside the box* kalau kita diajar ilmu dalam *box* itu sahaja. Kita kena keluar daripada *the box* untuk mengetahui *what happen outside*, jangan jadi jaguh kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima menteri mengambil tindakan-tindakan yang sehalu dengan apa yang saya sebut. Ini supaya anak-anak kita bukan sahaja meningkat, tetapi meningkat dengan mendadak supaya boleh menyahut cabaran masa sekarang. Kerana kita bukan lagi hendak menjadi jaguh kampung, bukan hendak jadi jaguh bahagian, bukan hendak jadi jaguh negeri, kita bukan lagi hendak jadi jaguh nasional, kita hendak jadi jaguh antarabangsa. Kalau kita tidak boleh jadi jaguh antarabangsa oleh kerana pendidikan kita telah membendung pemikiran kita, kita tidak akan boleh berjaya dalam *globalize world*, dengan izin. Kita kena mencabarkan kita sendiri, tidak ada lain hanya menerusi institusi pendidikan tinggi.

Jadi kebijaksanaan menteri, saya cukup yakin kita boleh buat ini. Kita mesti, kalau hampir seribu tahun dulu, Imam Ghazali menyebut *critical thinking*, logik ini adalah satu ilmu yang boleh membendung pemikiran manusia. Kenapa sekarang kita tidak gunakan? Bahkan logik sepatutnya mengikut bijak pandai di Amerika diajarkan di peringkat sekolah sebelum memasuki universiti, kerana ilmu logik akan membangunkan inovasi dan kreativiti.

Kita tidak lagi berfikiran konvensional. Kita kena berfikir kalau kita menjadi saintis, saintis boleh *discover new things*, bukan hendak ikut benda orang lain. *Modified* barang orang lain, kerana eranya di sana lagi, era untuk *cloning* orang punya ilmu sudah tidak ada lagi. Kita kena *discover our own thing*, orang Malaysia. Kita boleh, tetapi lepaskan pemikiran anak-anak kita di universiti, bebaskan otak mereka daripada berfikiran sedemikian, galakkan mereka membaca, kurangkan

sedikit nota, kurangkan sedikit bendungan untuk menghafal dan menghafaz barang. Timbalah ilmu daripada khazanah-khazanah kita...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Isu yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Santubong, kalau kita melihat Kementerian Sumber Manusia, mereka membelanjakan RM2 bilion pada dua, tiga tahun yang lalu untuk *instill the emotional intelligence* di kalangan graduan kita yang *unemployable*. Maknanya, ada pendekatan kerajaan yang juga melihat kepentingan *emotional intelligence* ini, *soft skill* nya, pertuturan, pembawaan diri, *self confidence* dan sebagainya, tetapi di bawah kementerian yang lain, soal Kementerian Pengajian Tinggi cuma dinyatakan tanggungjawab untuk menggraduatkan pelajar, tetapi untuk *employable*, kerajaan memilih untuk mengatakan tanggungjawab itu di bawah Kementerian Sumber Manusia. Adakah Yang Berhormat tidak melihat perkara ini harus dikaji oleh kerajaan? Mengapa tidak pemikiran kritis itu diajar ketika penuntut belajar untuk mendapatkan ijazah? Mengapa tidak perkara ini, Kementerian Pengajian Tinggi yang melaksanakannya?

Bererti haruslah ada pendekatan baru melihat *approach* nya, melihat kesesuaian kursusnya dan pada masa yang sama, melihat untuk menentukan graduan yang keluar itu mempunyai *emotional intelligence* ini. Pada masa yang sama kerajaan tidak perlu membuang RM2 bilion untuk meletakkan graduan itu sebagai graduan *employable*. Adakah Yang Berhormat melihat perkara ini dan melihat agar kerajaan meneliti pendekatan baru agar graduan yang keluar daripada universiti bukan sahaja graduan tetapi graduan yang memiliki *emotional intelligence*, agar mereka itu tidak perlu dilatih lagi dan boleh di *employed* oleh mana-mana syarikat, kerajaan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Santubong?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pernah menyentuh dalam ucapan saya, saya balik kepada tahun 1994 Tuan Yang di-Pertua kerana ucapan saya panjang. Dalam 1994 semasa *University and University College Act* dipinda di Parlimen, saya menyebut persoalan, sama ada tugas pendidikan universiti untuk memenuhi kehendak negara, *human resource recruitment* ataupun untuk menjana sebanyak mungkin orang yang berilmu.

Kalau kita lihat di seluruh dunia Tuan Yang di-Pertua, khususnya negara Jerman, Jepun, Korea dan China, mereka mengkhususkan kepada *human resource development* untuk memenuhi kehendak negara mereka, tetapi kalau kita lihat di Amerika, ia tidak mirip kepada pengisian kehendak *human resource development* mereka tetapi untuk menjana dengan lebih besar lagi ilmu.

Jadi dengan keadaan sedemikian, negara-negara ini berjaya macam Jerman berjaya, Jepun berjaya dan Korea berjaya tapi dalam satu buku *research* mengatakan mereka *produce force* 75% dengan izin, *Nobel Peace Prize* dalam *natural science* di *compare* dengan..., dan *the rest of the world* hanya 25%. Boleh, kerana minda seseorang itu dibendung untuk kehendak negara mereka, kehendak teknologi, birokrat mereka dan birokrasi mereka, tapi Amerika mengajar orang berilmu,

critical thinking, inovasi dan sebagainya. Hingga mereka ini menjadi *whole human rather than half human*. Minta maaf. Saya tak tahu apa kita nak sebut orang yang belum boleh memenuhi kehendak ini. Selepas itu saya bagi pada Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya bagi kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dulu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Semalam kita seperti berbicara dalam dua ekstrem. Yang pertama ialah kita hendak melahirkan melalui tabung ini sebenarnya bantuan kewangan, kita nak supaya anak-anak kita di IPT ini *excellent* ataupun cemerlang dan gemilang, dia menjadi manusia yang kreatif dan kemudian mencetuskan kreativiti bukan sahaja membantu dirinya tetapi juga menaikkan nama negara.

Tapi Yang Berhormat bagi Santubong, saya ingin melihat dalam satu ekstrem yang lain. Apabila mereka keluar daripada universiti ataupun pengajian tinggi, mereka ini tidak mendapat pekerjaan bertahun-tahun. Maksudnya mereka ini seperti tidak ada kemahiran mengurus diri dan membuat keputusan. Dengan peluang kerjaya yang begitu banyak dalam negara kita, tak perlulah kita nyatakan buktinya tetapi nampaknya mereka tidak boleh membuat suatu keputusan yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang asas dan dengan pekerjaan itu ada pendapatan, boleh bayar PTPTN dan memanfaatkan tabung itu untuk orang lain. Jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai kemahiran asas ini yang sangat perlu pada mereka? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Selepas ini saya bagi Yang Berhormat Kepong. Saya setuju Yang Berhormat. Itulah sebab saya menumpukan persoalan *creative thinking* dan logiknya. Tadi saya sebutkan logik Imam Ghazali punya ilmu. Kebanyakan falsafah pengajian Islam menolak logik sebagai tidak sejajar dengan agama Islam kerana dia mempersoalkan wujudnya Allah, tetapi Imam Ghazali menafikan pendirian-pendirian ini dan dikatakan orang berilmu mesti mengkaji logik, kena memberi dia kebebasan untuk berfikir yang betul dan salah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya bersetuju Yang Berhormat, soalan *employable* dan soalan boleh bekerja atau mencari kerja itu memang kita dorongkan juga. Itulah sebab saya meminta supaya mereka ini kreatif dan inovatif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Santubong, kita tumpukan kepada tajuk ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya pohonlah kepada pihak kementerian supaya kita elakkan apa yang saya pernah dengar daripada..., orang mengatakan saya tidak mendengar Yang Berhormat Menteri menafikan perkara ini, bahawa apabila satu kelas, kalau ada dua orang daripada pelajar universiti, selepas

empat tahun ataupun tiga tahun gagal dua orang, pensyarah itu dikehendaki memberikan penjelasan kepada dekannya kenapa gagal?

Jadi saya hendak dengar menteri mengatakan penafian ini. Walaupun penerimaan universiti-universiti ini mengatakan orang yang hanya kelas satu yang dapat 17'A', 16'A' dan 15'A' sahaja yang boleh masuk ke universiti. Itu belum memastikan kebijaksanaannya belajar di universiti walaupun 17'A'. Universiti itu lain rejimnya dan di sekolah itu lain rejim pembelajarannya.

Jadi saya hendak supaya pensyarah-pensyarah ini dibebaskan, biar. Memang kita dalam ilmu dunia ada peperiksaan, dunia ada cabaran, dalam dunia yang mana ada rintangan ini, memang ada yang gagal dan memang ada yang lulus. Kita tidak boleh nafikan perkara ini mungkin dan akan berlaku kerana kalau tidak boleh lulus, tidak boleh gagal dan semuanya itu, samalah dengan dasar Reagan dulu.

Ronald Reagan memperkenalkan satu dasar di Amerika mengatakan, "*No child left behind*". Pihak bijak pandai di Amerika mengatakan, "*If there is no child left behind, then no child go ahead*". Maksudnya kalau tidak ada yang tertinggal di belakang, tidak perlulah pergi ke hadapan kerana *everybody will go up*, dengan izin. Ini telah dirumuskan dengan panjang lebar oleh bijak pandai di sana. Jadi kita telah belajar daripada pihak lain supaya kita jangan masukkan ke satu tempat yang sama. Sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang tertarik dengan hujah Yang Berhormat bagi Santubong. Memang kita tahu di Amerika Syarikat ada kebaikan dan ada keburukan. Dasar Iraq memang buruk sekali, tetapi mengenai cerdik pandai itu, adakah Yang Berhormat tahu dari masa ke semasa ada juga pemimpin Amerika yang hendak sekat cerdik pandai luar dari Amerika Syarikat. Bagi mereka sangat mujur kerana majoriti yang hendak terus mengamalkan dasar untuk mengambil semua cerdik pandai termasuk daripada Malaysia tak kira bangsa dan sebagainya, termasuklah kalau Arab pergi pun, mereka disambut juga...

Seorang Ahli: Apa yang merapu-rapu?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan merapu-rapu. Tunggulah sekejap, dengar prinsipnya. Sekarang terdapat 20% profesor kejuruteraan di Amerika Syarikat yang terdiri daripada orang luar. Dia tak kisah, kalau Yang Berhormat Menteri nak pergi, dia ada kebolehan, dia terimalah dan tidak lama kemudian dia dapat ke luar negara. Bolehkah Yang Berhormat?

Begitu jugalah dengan PTPTN sekarang ini, bolehkah Yang Berhormat? Tolong kita dan menggalakkan pihak kerajaan supaya bukan sahaja kita adakan PTPTN yang berkesan bahkan juga kita adakan dasar yang terbuka untuk menggalakkan cerdik pandai daripada dalam dan luar negara.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Apabila *the bubble birth* tahun 2000, 6,000 orang jurutera, *technician* dan *scientist* hilang kerja di California sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan 6,000 *engineer, technician and scientist* ini daripada India. Orang India duduk di Amerika ada yang jadi jutawan dan ada yang dah masuk 500 syarikat, ada yang dah masuk 1,000 dan yang masuk 50 pun ada dah sekarang di kalangan rakyat India yang berhijrah ke Amerika khususnya pergi ke Silicon Valley. Itulah saya pernah menyebut perbezaan dasar Silicon Valley

dengan 'Grand Valle' di France dan macam mana kita punya di Malaysia Super Corridor? Apa dasar? Kenapa dasar Amerika itu berjaya, dan kenapa pula di France itu tidak berjaya? Di mana kita mengahala kita sendiri supaya jangan menjejak ikut langkah France.

Jadi saya bersetuju Yang Berhormat. Kita mesti membuka, kalau kita belum cukup mengeluarkan saintis kita, bijak pandai kita, kita mesti dengan tangan terbuka, dengan semua dasar memberi kemudahan, peluang dan ruang dan bukan itu sahaja...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *Environment*, suasana kerana orang bijak pandai ini kadang-kadang dia kejar duit, tetapi yang utama kepada mereka ialah *how to develop* pemikiran mereka. Maknanya suasana, kemudahan yang ada.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta izin.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tunggu Yang Berhormat, sedikit.

Saya ada seorang kawan mempunyai adik, dia bekerja di Singapura. Dia mempunyai beberapa *degree* selain daripada satu *degree* dalam *medical paternity* yang kita jarang ada, tidak berapa banyak, kita perlu tetapi malangnya pakar ini dia tidak mempunyai bahasa Malaysia, SPM tidak ada kerana dia sepanjang masa, belajar di luar negara. Dia bukan sahaja doktor dalam segi *medical* tetapi dia juga mempunyai MBA dalam *husbandry* dan dalam *hospitaliti* kerana di Singapura, seseorang doktor dikehendaki mempunyai kelulusan MBA dalam bidang pengurusan untuk dia melihat macam mana orang hotel mentadbirkan hotel. Begitu jugalah mereka sepatutnya mentadbirkan hospital mereka seperti orang hotel mentadbir hotelnya.

Jadi, pendekatan sedemikian telah membuka, tetapi malang, apabila dia balik ke Malaysia, bukan di Semenanjung tapi ke Sarawak, bila telah ditemu duga, nampaknya ada rintangan-rintangan yang tertentu, yang tidak membolehkan dia balik, walhal dia adalah anak Sarawak.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong.

Saya terpanggil dalam hal ini. Soalnya bila kita kata, bagaimana cendekiawan-cendekiawan, para saintis India dalam IT boleh berjaya dengan begitu dahsyat, sekali dalam tempoh yang begitu pendek, tapi saya ingin mengatakan bahawa mereka masih menjadi rakyat India walaupun ditawarkan kerakyatan di Amerika Syarikat tetapi mereka masih memegang kerakyatan India. Maka kalau kita lihat senario kita, dua belas tahun kita mengaji dengan bayaran wang yang begitu banyak tapi kita benarkan cendekiawan ini keluar dari Malaysia dan tidak kembali ke Malaysia oleh kerana dasar-dasar kita yang mungkin tidak secocok dengan zaman.

Contohnya kita ada matrikulasi, kita ada biasiswa JPA yang ditawarkan sedangkan ada ramai yang dapat 10'A', 15'A', 12'A' yang tidak sempat untuk dikembalikan jasa mereka ke Malaysia kerana kita ada dasar yang mungkin tidak begitu stabil. Maka saya minta pandangan Yang Berhormat, bagaimanakah ketidakseimbangan dasar ini boleh diperbetulkan melalui PTPTN supaya

perkara *brain gain* bukan *brain drain* yang berlaku di Malaysia dan hal ini begitu serius kerana begitu ramai yang keluar dan Singapura tarik ramai daripada kita...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, cukup. Cukuplah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya minta pandangan, kalau kita ada kekangan dalam peringkat asas, bagaimana yang mikro dapat ditelaah dan diteroka.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lima minit lagi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya hendak sentuh PTPTN selepas ini Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya sepuluh minit.

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah, banyak sangat sentuh benda yang tidak...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: PTPTN, saya hendak sentuh PTPTN Tuan Yang di-Pertua. Saya akan jawab dan pendekkan. Saya bersetuju dasar kena diubah, dasar imigresen dan dasar kerajaan juga kena diubah. Bukan sahaja soal upah tapi juga soal kemudahan kepada anak dan isteri dia, kita kena bagi peluang dan ruang untuk dia membuat *research and development*, pengajian tinggi, seminar ke luar negara dan sebagainya. Dia mesti diberi peluang dan ruang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada PTPTN. Soalan yang telah dibangkitkan oleh begitu ramai Yang Berhormat. Saya hendak bertanya kepada menteri, apa sebenarnya tujuan kita mendidik anak bangsa kita? Adakah untuk mendapatkan sijil, *degree*, *master degree* ataupun diploma itu sahaja ataupun kita hendak mendidik mereka supaya menjadi seorang insan yang berguna, berdisiplin, sentiasa amanah, bertanggungjawab, tidak mencari peluang dan ruang untuk menyisih dan menjauhkan diri daripada tanggungjawab dan insan yang mempunyai kesedaran moral, *loyal* kepada orang yang telah berjasa kepadanya.

Jadi kalau inilah sebahagian daripada ilmu pendidikan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak melihat di bawah undang-undang ini, saya baca. Saya baca di bawah pindaan 6, seksyen 22, ada mengatakan, pengeluaran pasport dan ini adalah sebagai *last resort* untuk diambil tindakan. Tapi orang kena duduk di meja saya, bertanya dengan saya, macam mana marah, *frustrated* kita, hantar surat tidak jawab, panggilan telefon tidak jawab, dan semua apa sahaja tindakan kita, dia sengaja tidak ambil apa-apa tindakan. Oleh itu sebagai tindakan yang akhir, kita tahankan pasport mereka, jangan keluar dari Malaysia.

Saya tidak melihat undang-undang ini sebagai satu undang-undang *draconian* Tuan Yang di-Pertua kerana dasar sebagai mana yang saya sebut pada tahun 1994, kalau kita beri RM2 bilion dana yang mula-mula sekali dikeluarkan untuk PTPTN ini, selepas itu ditambah lagi berapa bilion, ditambah lagi beberapa bilion, kerajaan tuangkan sumber kewangan ini dalam satu, orang kata macam '*black hole*', tidak ada kehabisannya. Sebanyak mana sumber kewangan kerajaan hendak dimasukkan ke situ?

Akhirnya pada satu ketika nanti kerajaan akan kata, kita *slow down* sedikit, tambahan dana PTPTN ini, oleh kerana ramai orang tidak bayar. Siapa yang terkena pada ketika itu Tuan Yang di-Pertua? Orang kita sendiri yang akhirnya tidak akan mendapat peluang dan ruang untuk mencari sumber kewangan yang diperlukan, yang saya sebut perlu pada tahun 1994. Saya jangka perkara ini memang berlaku. Kita mesti mengambil tindakan yang khusus supaya mereka ini menjadi orang yang berdisiplin, menjadi orang yang amanah kepada apa yang ditandatangani. Kalau berjanji pada hari ini tetapi besok tidak mahu bayar, macam mana? Adakah mesej yang kita hantar kepada mereka ini, *then you can borrow the money and* tidak payah bayar? Apa pendidikan sebenarnya? Saya tidak faham.

Kawan saya pernah mengatakan pada seorang kawannya, "Kalau *you* buat macam inilah selepas mendapat ijazah *masters* kamu...". Kata dia, "...*Then your educations have failed you*". Maknanya pendidikan kamu telah gagal membentuk sikap seseorang itu, tapi kalau kita betul-betul ada halangan, ada rintangan dan ada sebab-sebab yang tertentu, apa salah berjumpa dengan PTPTN, bagi tahu. Ini masalah saya, saya bekerja di Kuala Lumpur. Gaji saya RM1,500.00 sebulan, malangnya saya terlanjur dapat isteri, dapat anak tiga, tidak boleh bayar sebanyak ini. Boleh kita berunding, tetapi mendiamkan diri Tuan Yang di-Pertua.

Macam mana pun PTPTN hantar, buat kerja... Ini bukan soal duit kerajaan Tuan Yang di-Pertua, bukan fasal RM1,000 atau RM2,000 atau RM1 juta atau RM2 juta tetapi ini adalah mesej yang kita hendak tunjukkan bahawa sifat amanah, sifat disiplin, tanggungjawab kita ini mesti ada, kalau tidak, kita tidak akan menjadi warganegara yang sempurna Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Pendidikan kita akan gagal, maknanya seberapa banyak pun orang kita akhirnya menjadi masyarakat yang ramai berpendidikan, pinjam duit dengan bank jangan bayar bank biar MPL. Bank yang lingkup, negara lingkup, siapa yang kena? Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita *inculcate* dengan izin, perasaan tanggungjawab ini, perasaan disiplin ini, perasaan amanah kita ini supaya orang lain dapat peluang, anak kita, cucu kita akhirnya dapat peluang...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya Tuan Yang di-Pertua tidak melihat undang-undang ini *draconian*. Saya tidak melihat undang-undang ini tidak sejajar dengan kehendak-kehendak bahkan ada akta-akta lain macam kastam, cukai pendapatan, Akta Kumpulan wang Simpanan Pekerja semua sudah mempunyai syarat-syarat yang bersama dan kita tidak pun sibuk sangat tetapi kenapa pula di sini. Dari awal kita bimbing anak-anak kita menjadi orang yang baik dan akhirnya menjadi warganegara Malaysia yang baik barulah keseluruhannya pendidikan kita menjadi masyarakat yang baik Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Lipis.

11.20 pagi

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pindaan undang-undang Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini saya akan membawa beberapa perkara utama di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah utama yang dihadapi oleh PTPTN ialah kegagalan perbadanan berkenaan mengutip kembali pinjaman pendidikan yang berjumlah berbilion ringgit daripada pelajar-pelajar sejak ditubuhkan pada tahun 1997. Sehingga 31 Mac 2007, PTPTN telah memperuntukkan dana pinjaman sebanyak RM19.06 bilion yang melibatkan seramai 982,066 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut PTPTN telah mengeluarkan pinjaman pendidikan sebanyak RM13.15 bilion. Amaun pinjaman yang perlu dikutip oleh PTPTN adalah sebanyak RM1.37 bilion yang melibatkan 438,775 peminjam.

Jadi dari data ini Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali bahawa PTPTN telah banyak membantu pelajar melanjutkan pelajaran. Jadi kalau kita lihat tujuan utama pindaan ini dibuat adalah untuk melicinkan kaedah pungutan semula pinjaman pelajaran. Tindakan ini adalah wajar dan sangat perlu bagi meningkatkan keberkesanan kutipan balik pinjaman tidak berbayar yang semakin meruncing dan dikhuatiri menjejaskan aliran tunai PTPTN.

Pada tahun 2003, perbadanan ini telah kehabisan dana dan terpaksa meminjam RM2 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Jadi bagi saya memasukkan seksyen baru 22A menunjukkan keseriusan perbadanan untuk memungut semula pinjaman pendidikan ini. Seksyen ini bagi saya memberi kuasa kepada ketua eksekutif untuk mengeluarkan perakuan kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen untuk melarang mana-mana pelajar penerima daripada meninggalkan Malaysia dalam hal keadaan tertentu khususnya apabila sesuatu pinjaman pendidikan tidak dibayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat beberapa orang Ahli Parlimen telah memberi pelbagai reaksi dengan cadangan memasukkan seksyen 22A ini. Ada yang menyarankan supaya Seksyen 22A dikeluarkan atau ditarik balik dengan alasan mengaibkan peminjam, terlalu keras, peruntukan yang *ciceronian* dan lain-lain.

Pada pendapat saya seksyen ini perlu dimasukkan dan dikekalkan. Dengan amaran sebegini diharap dapat menghindarkan peminjam dari sifat mementingkan diri sendiri dan tidak bertanggungjawab. PTPTN dan masyarakat awam sedia faham masalah yang dihadapi oleh peminjam yang belum memperoleh pekerjaan tetapi bagi mereka yang sudah menjawat jawatan tinggi dengan gaji lumayan, tindakan keras seperti yang digariskan dalam seksyen 22A adalah langkah yang tepat. Kita tidak seharusnya merasa kasihan dan simpati kepada mereka yang telah mendapat banyak manfaat daripada pinjaman ini tetapi menghalang peluang orang lain untuk melanjutkan pelajaran.

Situasi yang mendukacitakan ini perlu dihentikan segera dan wang pembayar cukai tidak sepatutnya dibazirkan ke atas peminjam dan menganggap mereka berhak menerima wang percuma daripada kerajaan. Setiap pinjaman daripada PTPTN mesti dikutip balik. Kita perlu menyedarkan peminjam bahawa wang pinjaman itu wang rakyat dan mereka tidak harus mengambil mudah atau

menganggapnya sebagai tabung kebajikan. Peminjam-peminjam PTPTN adalah bakal pemimpin sesebuah organisasi dan juga pemimpin negara dan sekiranya kesedaran, sikap bertanggungjawab dan nilai-nilai murni tidak diterapkan ke dalam diri mereka dari awal lagi, bayangkan negara akan dipimpin oleh mereka yang telah melanggar undang-undang dan melanggar syarat pinjaman yang telah mereka tandatangani sendiri...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sila.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya tumpang idea dengan pendirian Yang Berhormat tetapi kalau kita baca akhbar dua, tiga hari yang lalu. Ada peminjam dikatakan peminjam PTPTN berhutang dengan PTPTN tetapi pelajar berkenaan sebetulnya tidak pernah meminjam dengan PTPTN tetapi nama beliau termasuk dalam senarai peminjam PTPTN. Jadi jika seksyen ini dilaksanakan kelak dan seseorang itu akan menjadi mangsa kepada pindaan undang-undang baru PTPTN ini, jika pihak PTPTN tidak memperkemaskan rekod peminjam dan rekod bayaran yang ada.

Apakah Yang Berhormat tidak memikirkan bahawa organisasi PTPTN itu sendiri sebelum melaksanakan pindaan undang-undang ini sendiri, yang akan menghalang seseorang itu keluar harus membersihkan, menyiasat balik dan mengemaskinikan rekod-rekod peminjam. Jangan ada kelak nanti seseorang yang menjadi mangsa ditahan tidak boleh keluar negara disebabkan oleh pindaan yang kita luluskan ini tetapi sebenarnya tidak pernah berhutang dengan PTPTN. Soal pentadbiran, adakah Yang Berhormat melihat perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang tidak pinjam ini tidak perlu bayar Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran, saya bersetuju dengan apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran dari segi memperkemaskan pengurusan dan ini akan saya sentuh selepas ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua kesedaran memungut semula pinjaman pelajaran bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga berlaku di negara maju seperti di Amerika Syarikat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kalau kita lihat *Worlds Street Journal*, Januari 2004 dengan tajuk, "US Get Tough on Failure to Repays Student Loans", menunjukkan bahawa bantahan awam yang kuat kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat membayar pinjaman pendidikan...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Mohon laluan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: ... Terdapat juga di sana... Sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Ada dua perkara tentang pinjaman PTPTN ini. Yang pertamanya wang yang dikeluarkan adalah wang rakyat dan juga wang kerajaan dan ini berbeza dengan wang yang dikeluarkan oleh pihak bank dan juga swasta dan kita harus mengawal supaya wang yang dikeluarkan oleh rakyat melalui cukai-cukai ini mestilah kita terjamin dari segi pembayaran

dan kutipan supaya wang ini dapat kita bantu kembali kepada pelajar-pelajar yang lain, itu yang pertama.

Yang keduanya, sedar kah Yang Berhormat bahawa pindaan kepada seksyen 22A ini sama juga dengan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah beberapa akta contohnya di bawah Akta Kastam juga telah memberikan peruntukan 17A (i) dan (b) di mana memberikan juga kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menahan iaitu tidak membenarkan mana-mana pihak pembayar cukai yang melibatkan kastam didapati tidak membayar cukai ditahan daripada keluar negara.

Seperti juga Akta Cukai Pendapatan di mana perkara yang sama juga di mana peruntukan telah diberikan supaya pembayar-pembayar cukai pendapatan yang tidak membayar cukai ini juga ditahan daripada keluar negara.

Yang ketiganya di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga memberikan peruntukan yang sama memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah supaya menahan mana-mana majikan yang tidak membayar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini? Setuju tidak kalau saya katakan bahawa pindaan seksyen 22A ini sebenarnya tidak zalim tetapi adalah satu langkah terakhir selepas beberapa langkah yang telah diberikan oleh PTPTN.

Yang pertamanya memberikan notis supaya pelajar yang telah mendapat pekerjaan datang berunding dengan PTPTN dan kalau tidak diberikan respons oleh pelajar itu juga diberikan ulangan-ulangan tertentu supaya diberikan kerjasama. Akhirnya ada pelantikan-pelantikan Panel Peguam untuk memberikan tahap kesedaran yang tinggi supaya pelajar atau peminjam ini dapat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...Bekerjasama dengan PTPTN sebelum dikenakan tindakan mahkamah dan juga tindakan untuk menahan pelajar dan peminjam PTPTN ini keluar negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Saya bersetuju dengan celahan Yang Berhormat dan begitulah sebenarnya hasrat saya juga. Jadi saya masukkan celahan Yang Berhormat ke dalam sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada *Federal Law* membuatkan peminjam pendidikan tidak dapat melarikan diri daripada membayar hutang. Jabatan Pendidikan di Amerika boleh mengambil pada bila-bila masa sahaja sebahagian daripada gaji peminjam, *tax refund* dan barang *social security* tanpa arahan mahkamah, satu kuasa yang hanya ada pada *Internal Revenue Service* di Amerika. Jadi kesimpulannya pada pindaan yang dibuat dengan memasukkan seksyen 22A seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi, bukan bertujuan menzalimi peminjam tetapi dilihat sebagai sangat perlu dan diambil sebagai satu tindakan terakhir.

Ada juga yang mencadangkan hutang peminjam dihapus kira atau ditukar menjadi biasiswa seperti banyak yang diperkatakan. Bagi peminjam yang benar-benar tidak mampu dan pelajar-pelajar OKU, ia boleh dipertimbangkan, pada pandangan saya. Akan tetapi bagi mereka yang mampu, wajib membayar balik. Pengajaran daripada teori ekonomi dan pembiayaan pengajian tinggi di negara-negara lain ialah pelajar perlu menyumbang kepada kos pengajian tinggi mereka kerana pendidikan

tinggi memberi manfaat yang lebih kepada pelajar-pelajar iaitu manfaat dari segi pembangunan diri dan manfaat lain juga. Oleh itu adalah efisien dan adil mereka menanggung kos pengajian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan seksyen baru 23A bermakna melanjutkan tempoh tindakan mengesan peminjam ingkar daripada 6 tahun sekarang kepada 12 tahun. Lanjutan tempoh ini wajar bagi membolehkan tindakan diambil ke atas peminjam sekiranya gagal dikesan dalam tempoh enam tahun seperti yang ditetapkan sekarang. Akta PTPTN sekarang hanya memperuntukkan had tempoh maksimum tindakan undang-undang untuk mengutip balik pinjaman yang berhak dikutip PTPTN, enam tahun sahaja. Masa enam tahun didapati terlalu singkat kerana kita percaya dalam masa itu masih ramai lagi peminjam yang belum dapat dikesan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan meminda seksyen 29 ini membolehkan majikan membantu perbadanan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan memotong gaji pelajar peminjam PTPTN. Akta 556 hanya menyebut, membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri. Itu sahaja. Jadi memotong gaji pelajar penerima pinjaman pada tiap-tiap bulan bagi menjelaskan pinjaman pendidikan dianggap sebagai satu strategi yang amat berkesan untuk memastikan peminjam tidak terlepas daripada membayar hutang dengan perbadanan.

Kerjasama rangkaian dan koordinasi PTPTN dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri diharapkan dengan kerjasama majikan sangat perlu untuk memastikan strategi kutipan pinjaman ini efektif dan berjaya. Difahamkan PTPTN akan mencontohi amalan baik model pembiayaan pinjaman di New Zealand dan Australia yang mencatat kejayaan kutipan semula pinjaman pendidikan sebanyak 80%. Kaedah baru ini dijangka dapat membantu PTPTN mencapai sasaran mengutip hutang sebanyak 70% mulai tahun depan berbanding 40% ketika ini.

Jadi adalah diharapkan PTPTN akan menyegerakan amalan baik itu kerana dipercayai sistem ini akan memudahkan PTPTN mengesan peminjam, sekali gus mampu mengutip hutang secara terus melalui potongan pendapatan dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, banyak langkah telah dilaksanakan oleh PTPTN, saya percaya, untuk memudahkan peminjam membuat bayaran balik melalui bank, pejabat pos, pembayaran melalui *internet* dan sebagainya. Kesemua nampaknya kurang berkesan dalam menyedarkan peminjam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:Peminjam supaya membayar pinjaman mereka. Soal kesukaran membayar balik tidak timbul lagi kerana mereka mempunyai banyak pilihan untuk berbuat demikian.

Jadi menyenaraikan nama peminjam tegar dalam kredit, *Credit Tip Off Services* (CTOS), *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) dan Brief Information Service Sdn. Bhd. untuk disenaraihitamkan dalam usaha menghambat peminjam PTPTN yang mampu, bagi saya adalah perlu. Oleh itu kita tidak perlu menyesali tindakan ini kerana satu, sebab masalah timbul ialah kerana PTPTN agak *lenient*. Saya percaya pada masa dahulu sudah lama mengutip balik pinjaman.

Untuk merealisasikan misi mengutip semula semua pinjaman, kakitangan PTPTN digesa supaya lebih dedikasi dan komited dalam menjalankan tanggungjawab mereka. PTPTN pernah mengakui mengalami masalah dalam aset penyimpanan rekod sehingga menjejaskan kutipan balik pinjaman. Kita tidak mahu ada fail peminjam yang hilang atau tidak dikemas kini. Sekiranya kita mempercayai aduan dari peminjam seperti yang dilaporkan di akhbar seperti berikut, maka jelaslah PTPTN perlu melihat semula cara pengurusan dan pengumpulan data supaya sentiasa dikemas kini...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya bangun.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: ...Untuk mengelakkan peminjam menyalahkan PTPTN pula. Ini seperti yang dicakapkan oleh rakan saya, Yang Berhormat bagi Beluran tadi. Sila Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Dari segi konsepnya kita faham, PTPTN ini lebih menyumbang kepada pembangunan sosial masyarakat. Pada masa yang sama, ia juga perlu mengambil kira proses dagangan itu, perniagaan. Maksudnya setiap pinjaman yang dikeluarkan perlu diperolehi semula untuk pembayaran balik peminjam-peminjam.

Yang Berhormat, saya pohon penjelasan, apabila Yang Berhormat sebut tentang mengesan semula peminjam ini, ia lebih kepada keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian PTPTN sendiri. Bukan sahaja dari segi itu, Yang Berhormat, kita juga menghadapi masalah apabila PTPTN mengeluarkan cek-cek pinjaman kepada pelajar-pelajar, siswa dan siswi, ada di kalangan pelajar-pelajar yang telah berhenti mengaji, berhenti belajar tetap menerima cek-cek ini daripada pihak PTPTN sehingga dua ke tiga tahun selepas pemberhentian pelajar tersebut.

Ini juga membayangkan tidak ada satu penyimpanan akaun ataupun pengurusan serta pentadbiran yang cekap serta berkesan di dalam PTPTN. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu iaitu di samping kita membuat pindaan ini, saya percaya PTPTN juga harus mempunyai pengurusan yang cekap dan berkesan. Jadi sebagai contoh ya...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sila Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Kita sebut tentang apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis tentang pengurusan bagaimana pihak PTPTN mendapat bayaran balik yang lebih efisien daripada

peminjam-peminjam, khususnya pelajar-pelajar yang telah tamat pengajian tinggi. Di dalam negara kita, terdapat pelbagai badan yang memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar, bahagian PTPTN dan semuanya memberi satu mekanisme untuk memungut balik pinjaman. Ada yang berjaya, ada yang kurang berjaya.

Salah satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak petik ialah di mana PERKESO juga memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar, kepada anak-anak ahli-ahlinya dan mereka ada satu mekanisme untuk memungut balik bayaran. Contohnya mereka mencadangkan di mana pembayaran yang fleksibel bergantung kepada jumlah pinjaman, juga bergantung kepada kelayakan umur penjamin. Contohnya, saya petik, bagi mereka yang meminjam RM7,500 sehingga RM10,000 dan tempoh bayaran balik adalah 5 tahun 3 bulan.

Bagi mereka yang meminjam RM20 ribu sampai kepada RM22 ribu, tempoh bayaran balik adalah lapan tahun dan kelayakan umur penjamin juga berbeza. Maka apakah Yang Berhormat bagi Lipis bersetuju dengan saya supaya pihak PTPTN merujuk kepada badan-badan yang berjaya memungut balik pinjaman seperti contohnya PERKESO yang memberi satu mekanisme, satu tatacara yang tertentu untuk memastikan bahawa peminjam-peminjam itu mempunyai kelayakan, mempunyai kemampuan untuk membayar balik kepada PTPTN. Ini salah satu perkara yang saya ingin cadangkan kepada Yang Berhormat bagi Lipis supaya pihak PTPTN merujuk balik kepada badan-badan yang berjaya. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya percaya, kita pulangkan kepada pihak Kementerian dan pihak PTPTN untuk melihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ya, saya akan gulung sekejap lagi.

jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya kalau kita lihat seorang kakitangan kerajaan lepasan Universiti Malaya menyatakan, beliau mengambil inisiatif sendiri untuk pergi ke PTPTN, bertanya bayaran pinjaman kerana sebelum ini beliau tidak menerima sebarang maklumat daripada perbadanan itu. Itu satu contoh kelemahan dalam pengurusan PTPTN sendiri. Seorang guru mengadu telah membuat potongan RM197.00 dari gaji setiap bulan selama dua tahun, Tetapi rekod PTPTN menunjukkan beliau hanya telah membayar untuk hanya dua bulan sahaja. Satu lagi contoh, seorang lagi peminjam mengadu beliau hanya menerima sebahagian sahaja daripada pinjaman sebanyak RM12,000.

Beliau menulis surat kepada perbadanan tetapi tidak mendapat jawapan. Panggilan telefon kepada PTPTN juga tak dapat menyelesaikan masalahnya. Pada 28 April 2007, *The New Straits Times* telah melaporkan seorang pelajar daripada UNITAR diminta membayar pinjaman PTPTN walaupun beliau tidak pernah memohon pinjaman daripada perbadanan berkenaan. Begitu juga dengan nasib 75 orang lain dari UNITAR yang diminta menjelaskan bayaran pinjaman walaupun mereka tidak pernah menandatangani sebarang perjanjian dengan PTPTN. Jadi Tuan Yang di-

Pertua, sekiranya masalah-masalah yang disebutkan tadi masih berlaku, PTPTN wajib membuat perubahan drastik untuk pengurusan dan pentadbiran yang lebih cekap.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telah dimaklumkan bahawa sehingga Mac 2007, amaun pinjaman yang perlu dikutip oleh PTPTN adalah sebanyak RM1.37 bilion yang melibatkan 438,775 peminjam. Manakala laporan akhbar *The New Straits Times* pada 8 April 2007, bertajuk "*So difficult to collect the billions*" dengan izin, menyatakan amaun pinjaman yang belum dibayar kepada PTPTN ialah RM11.1 bilion. Jadi perbezaan ini amat ketara dan adalah menjadi tanggungjawab PTPTN membetulkan kesilapan seperti yang dilaporkan.

Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini. Jadi sebagai kesimpulannya, langkah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi atau PTPTN, ini mewajibkan ibu bapa, bakal menjadi penjamin PTPTN mempunyai simpanan dalam SSPN juga mahu mendapatkan pembiayaan daripadanya adalah sangat wajar dan tepat. SSPN adalah saluran disediakan oleh PTPTN bertujuan membantu ibu bapa atau penjaga menabung secara berterusan untuk merealisasikan cita-cita anak-anak mereka melanjutkan pengajian.

Bagaimanapun, apa yang perlu dijelaskan oleh pihak kementerian ialah, berapakah kuantum yang perlu ditabung atau setakat mana yang perlu ditabung bagi melayakkan anak-anak mereka mendapatkan pinjaman PTPTN pada masa depan. Dan saya juga mohon penjelasan daripada pihak kementerian khususnya PTPTN, bagaimana dengan mereka yang terpaksa membuat pinjaman secara berlapis. Apakah mereka harus membayar dahulu semua pinjaman sebelumnya bagi membolehkan mereka layak untuk mendapatkan pinjaman berlapis ini dan rasa saya kalau begitu, pastilah menyusahkan pelajar. Jadi dengan kata-kata itu, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sudah ramai diberi peluang berucap dan sebenarnya ini satu rang undang-undang pindaan. Sebab ramai telah berucap, jadi Ahli Yang Berhormat, saya terpaksa hadkan masa lah. Jadi hadkan masa. Kalau tak ada, memang tak boleh selesaikan urusan kita. Kita ada lagi 11 bil untuk bahas, untuk selesai. Jadi Yang Berhormat bagi Ledang, lima minit.

11.45 pagi

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang pindaan ini kerana sebenarnya mungkin kita tidak tersasar jauh. Dia lebih fokus kepada peminjam-peminjam yang degil ini, yang tegar kan? Yang lari daripada tanggungjawab sedangkan mereka ini adalah pelajar, pelajar yang sedang belajar. Pelajar yang sedang kita didik. Kalau pelajar kita sedang didik tetapi kita tak didik untuk mereka bayar hutang, mereka menerima tanggungjawab, saya berfikir kita dah lari daripada sasaran. Bukan soal nak menafikan hak mereka dan sebagainya. Saya yakin juga kalau yang meminjam itu akhirnya nanti datang mungkin cacat anggota, mungkin mereka berdepan dengan kesusahan, mungkin anak-anak-anak, mungkin adik-adik mereka ramai lagi yang perlu ditanggung, saya yakin malahan saya merayu PTPTN juga mengambil kira faktor-faktor tersebut.

Walau bagaimanapun,...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sikit, Yang Berhormat bagi Ledang, boleh tanya sikit? Sikit sahaja.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Lima minit sahaja ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru mula berucap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak, saya fasal pinjaman ini Tuan Yang di-Pertua, tengah *mood*. Saya nak mengalu-alukanlah daripada Kelab Kledang Perak, kelab elit daripada negeri Perak datang ke Parlimen Tuan Yang di-Pertua...*[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu yang tujuannya? Tidak, duduk. Cukup, cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya nak tanya kepada Yang Berhormat, minta Yang Berhormat Menteri tolong siasat. Bukan saya nak menidakkan PTPTN ini, selepas kita berhujah pada hari Khamis yang lalu sebelum kita tangguh Dewan, timbul seramai 20 orang pelajar di sebuah pusat pengajian tinggi yang tak pernah memohon pinjaman tiba-tiba...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini telah dibangkitkan tadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak, tak. Yang tadi tak sebut di mana. Saya nak sebut 20 orang. Serius Tuan Yang di-Pertua!. Kena siasat Yang Berhormat Menteri, minta tolong.

Seorang Ahli: Tak boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ke mana duit ini, macam mana peminjam tak buat permohonan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini boleh tuju kepada Yang Berhormat Menteri, bukan tuju kepada Yang Berhormat bagi Ledang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ledang. Saya jelaskan sikit Yang Berhormat bagi Ledang, supaya disiasat dengan segera, bagaimana 20 orang pelajar ini di sebuah pusat pengajian tinggi di UNITAR, tak memohon tiba-tiba dituntut hutangnya sedangkan wang kononnya telah diserahkan kepada pihak universiti berkenaan. Jadi saya mintalah supaya perkara ini tidak berlaku lagi. Kita sayang kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis tadi bangkitkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Lipis sebut seorang, saya sebut 20 orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada ramai juga.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ada 20 orang. Jadi kita minta diperbetulkan. Bukan kata kita nak menidakkan PTPTN ini, tapi apa pandangan Yang Berhormat bagi Ledang tentang perkara ini? Apakah Yang Berhormat setuju supaya siasatan ini dibuat dengan segera, kerana ini bukan satu bilangan yang kecil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ledang, sila gulung....[Ketawa]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...[Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, masukkan dalam sebahagian ucapan sayalah. Yang Berhormat Menteri, mohon jawab.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya gulung bagi saya seminit dua lagi. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sangat supaya Akta ini tidak digunakan sewenang-wenangnya, hanya digunakan untuk jalan yang terakhir. Maknanya kita hanya mencari mereka, mengenakan Akta ini kepada mereka yang benar-benar degil. Mereka yang dah diberi surat peringatan pertama, kedua, surat peringatan terakhir dah dikeluarkan *Letter of demand* dengan izin, dan sebagainya. Maksudnya bagi mereka-mereka yang saya sebut tadi katakanlah yang datang mungkin tiba-tiba cacat anggota dan sebagainya kerana *accident*, kemalangan kerana mungkin ada tanggungan lain, bolehlah diberikan kelonggaran, mungkin bayar sikit-sikit dan sebagainya.

Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, tentang pengurusan tadi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi, pengurusan perlu dipertingkatkan sebab ramai termasuk yang 20 orang tadi, ramai pengadu-pengadu, mereka menggunakan media dan sebagainya. Mereka sebenarnya tidak dalam senarai peminjam tetapi mereka, saya fikir nama-nama mereka ini mungkin digunakan oleh pihak lainlah dan sebagainya. Jadi ini perlu diberi perhatian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kalau lah pihak peminjam-peminjam ini juga janganlah sesekali disukarkan. Misalnya apabila mungkinlah satu masa nanti PTPTN ini nak ubah nama daripada PTPTN kepada nama lain. Kadang-kadang dalam *legal*, ada *fees* tertentu. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, yang paling jelas sekali sebab Yang Berhormat Menteri ini pernah menjadi Menteri Kewangan, BBMB tukar kepada BCB. Daripada BCB tukar kepada CIMB. Pencagar tanah kepada bank terpaksa tukar, terpaksa dikenakan *fees* kerana hanya menukar nama. Jadi, harap-harap ini tidak berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, lima minit.

11.50 pagi

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak khusus kepada satu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi PTPTN ini, saya menyokong sepenuhnya pindaan ataupun rang undang-undang yang dicadangkan ini kerana ini bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan PTPTN. Jadi, seperti kata sahabat-sahabat saya, saya tidak akan ulang. Ini satu seksyen baru, 22 ini, ini adalah suatu *last resort*. Maknanya orang yang degil ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kumpulan kecil dan mereka ini harus dijadikan contoh untuk mereka dalam konteks hutang ini membayar balik. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan kepada mereka ini tidak boleh bayar kerana mereka tidak ada pekerjaan. Itu isu yang sangat penting. Oleh sebab itu, perkara ini tidak boleh diserahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi sahaja tetapi kementerian lain contohnya, Kementerian Sumber

Manusia. Kementerian ini harus membantu anak-anak kita lepasan universiti, IPT ini untuk mendapatkan pekerjaan.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang bukan sahaja merasa sedih tetapi gusar. Kenapa anak-anak kita 4, 5 tahun tidak boleh mendapat pekerjaan? Bila tidak mendapat pekerjaan, pastinya mereka tidak ada pendapatan. Bila tidak ada pendapatan, pastinya tidak boleh bayar. Ini dosa mereka, dosa kita bersama. Maksudnya ialah mereka harus dibantu mendapatkan pekerjaan dalam suasana negara kita yang dipanggil sebagai syurga untuk pihak lain. Dalam mencari pekerjaan, anak-anak kita yang terdidik ini di dalam berbagai-bagai peringkat ini, yang begitu tinggi ilmunya tidak mendapat pekerjaan. Jadi, jangan umpamanya kita polemik dari segi isu mereka sangat memilih pekerjaan, mereka memilih jawatan dan seumpamanya tetapi yang saya hendak tekankan ialah kerjasama kita, permuafakatan kita untuk memastikan bahawa anak-anak kita yang ada *database* ini supaya mereka dipastikan mendapat pekerjaan.

Saya sebut mengenai Kementerian Sumber Manusia. Begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, begitu juga dengan Kementerian Pertanian, begitu juga dengan Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian-kementerian ini sebenarnya, ada kaitan dengan anak-anak kita lepasan IPT ini yang seharusnya dibantu bersama untuk mendapat pekerjaan. Jadi, oleh sebab itulah saya ingin menekankan bahawa rang undang-undang ini sebenarnya, rang undang-undang yang sangat baik yang ingin mengembalikan asas bahawa mereka yang meminjam wajib membayar. Sebenarnya kalau saya hendak tegaskan di sini sebagai satu analogi sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: ...Saya ingat kalau tak bayar hutang ini, susah dia hendak masuk syurga ini. Satu markah yang sukar untuk mereka sebab mereka sudah berjanji untuk membayar. Jadi oleh sebab itu saya menegaskan bahawa kita harus menyokong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: ...Agenda ini untuk memastikan bahawa anak-anak kita akan membayar hutang mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Jasin, lima minit.

11.53 pagi

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya memang setuju dengan rakan-rakan saya yang berucap kecuali yang minggu-minggu sudah yang kata bahawa undang-undang yang kita bentang ini adalah undang-undang *draconian*, macam-macam, tetapi kepada saya, saya kira undang-undang ini baik dan kita tahu tabung pendidikan yang kita wujudkan dahulu ini satu tabung yang boleh dipakai oleh ramai orang. Kalau tabung ini keluar sahaja, masuk tak ada, akhirnya tabung, tak jadi tabung. Sudah jadi kelongsong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini jadi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Sokonglah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya sokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, nanti boleh sokong.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang penting ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya juga Yang Berhormat Menteri, sejak diwujudkan tabung ini, berapa ramai yang dapat faedah, dapat pinjaman dan berapa banyak yang bayar balik? Kita tahu. Saya kira Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan, kementerian akan ambil kira yang tak dapat kerja, yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, yang anak banyak kerana terawal kahwin Tuan Yang di-Pertua, kita ambil kira ini semua tetapi yang saya tahu juga, banyak di antara pelajar-pelajar kita yang dapat pinjaman dan dapat pekerjaan yang baik, gaji yang besar, tak nak bayar Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah negara kita pada hari ini.

Bila dia pinjam Ah Long hendak kena pukul, dia bayar. Bila dia pinjam MARA, dia tak nak bayar. Bila dia nak pinjam TEKUN, tak nak bayar. Bila dia nak pinjam Amanah Ikhtiar Malaysia, tak nak bayar kerana itu kerajaan punya tetapi bila MARA dahulu, bila dia pameran nama-nama orang yang meminjam yang tak nak bayar dalam surat khabar, pandai pula dia bayar. Jadi, seolah-olah rakyat kita ini Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kita gesa dia macam ini, dengan undang-undang macam ini, langsung dia tak hendak bayar dan saya penuh yakin dan percaya tidak ada negara yang boleh sanggup menanggung pelajar-pelajar universiti dengan pinjaman secara percuma. Tidak ada negara, Tuan Yang di-Pertua tetapi kita kena buat undang-undang macam ini, kerana paling tidak menyedarkan kepada rakyat kita, pelajar-pelajar kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ... Kalau dia pinjam, dia kena bayar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat bagi Muar.

11.56 pagi

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong juga akta ini tetapi dalam menyokong ini, saya hendak menyebut dua, tiga perkara. Hari ini kita kena buat ketetapan di Dewan yang mulia ini. Kerajaan perlu diberi imej baru. Tanggung jawab sosial yang kita letakkan kepada kerajaan ini perlu dilaksanakan dengan betul dan sempurna. Kegagalan mengutip balik hutang-hutang ini, maka tanggungjawab sosial kerajaan kepada generasi yang akan datang tidak dapat dilaksanakan. Sebab itu rakyat perlu ingat, dalam kita melaksanakan tanggungjawab sosial, kenapa? Saya dapat lihat, apabila kerajaan bagi bantuan kewangan, dana, kerajaan tidak dapat mengutip balik sebab rakyat mempunyai satu persepsi berbeza. Ini tidak berlaku di dalam institusi kewangan ataupun pihak bank yang mana pengurusan dilakukan secara cekap. Bayar, lepas pinjam. Tidak berlaku dalam kerajaan.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, imej baru ini perlu kita berikan dan kerajaan kena memberi jaminan. Pengurusan PTPTN yang baru nanti akan dapat melaksanakan

tugas mereka seperti di dalam sektor-sektor swasta, kerana alasan yang sama, tanggung jawab sosial kepada generasi akan datang.

Yang kedua, saya hendak sebut fasal seksyen 22A ini, saya setuju. Saya punya kerisauan. Saya tidak mahu nanti disebabkan kegagalan kita untuk melaksanakan satu perkara dengan efisien. Apabila tidak dapat kutip, kita bagi nama tapi selepas mereka ini bayar, berapa cepat pula nama-nama ini hendak dikeluarkan daripada pihak polis, daripada imigresen, daripada jabatan-jabatan yang berkaitan. Ini kerana kita tidak mahu, apabila akta ini diluluskan, cepat sahaja diberikan senarai nama yang tidak bayar tetapi setelah hutang diselesaikan, lambat pula yang hendak dibawa keluar seperti yang berlaku di dalam kes-kes bankrap, CTOS dan sebagainya. Ini jaminan perlu diberikan hari ini sebelum kita luluskan akta supaya kita Dewan ini tidak dilihat sebagai satu Dewan yang memberi kezaliman kepada peminjam-peminjam.

Kemudiannya saya hendak sentuh tentang perkara yang dipinda seksyen 23A ini. Kita tahu ada *time bar* dalam kes-kes undang-undang biasa tujuh tahun. Di sini, walaupun saya pun bersetuju mungkin disebabkan jangka masa untuk mencari itu lama, tetapi saya ada keraguan kenapa mesej yang diberikan ini membawa kepada ketidakefisienannya mutu kerja kita? Kenapa kita galakkan 7 hingga enam tahun tidak boleh, hendak dijadikan 12? Kenapa kita sendiri melengahkan tempoh masa tersebut? Walhal pada saya, selepas perjanjian kalau kita dapat *update* data-data peminjam, sebaik sahaja mereka mendapat pekerjaan, layak membayar balik, kita sudah boleh mohon. Tidak boleh undang-undang yang sedia ada sebenarnya boleh dilaksanakan segera. Tidak perlu 12 tahun. Kecuali mereka yang selama ini kita hendak bersihkan tetapi apabila sudah bersih, akta yang memberikan hak selama 12 tahun ini ada bahayanya sebab kita akan melengahkan tuntutan sebab kita tahu ada 12 tahun.

Sepatutnya untuk memberikan mesej bahawa kita serius untuk mengutip hutang ini, kita pendekkan, pada saya tetapi mungkin kerajaan belum bersedia memberi jaminan *efficiency* kakitangan untuk mengutip itu belum ada, maka dia minta 12 tahun, tetapi saya harap kita tidak memberi mesej yang salah bahawasanya mereka ini boleh melengahkan pembayaran kerana ia akan *contradict* dengan apa yang kita cuba laksanakan hari ini.

Perkara yang terakhir sebelum saya diminta menggulung, pindaan seksyen 29 LHDN. Saya ingin mencadangkan ini satu perkara yang baik, satu cadangan yang baik tetapi pada saya kalau boleh kita libatkan ada institusi lain apabila satu-satu orang yang bekerja dalam negara kita, dia turut berdaftar di bawah KWSP umpamanya. Di sini kita boleh memberi satu syarat di mana rekod yang ada di dalam LHDN selepas dia *declare*, kalau dia tidak *declare* kita tidak dapat orang ini. Serupa juga KWSP apabila caruman dibuat kita dapat mengenal pasti di mana peminjam PTPTN ini berada dan saya rasa jabatan-jabatan, agensi-agensi seumpama ini sepatutnya dilibatkan di dalam pindaan ini dan akhir sekali mengenai SSPN.

Saya rasa ini satu perkara yang paling baik untuk diketengahkan oleh kerajaan. Dahulu saya ingat kerajaan berikan biasiswa kerana jaminan tempat kerja itu ada, kemudian kita ada pinjaman boleh ubah mengikut keputusan. Kemudian kita ada pinjaman. Pada saya, bantuan kerajaan ini akan

sentiasa kita teruskan tetapi dalam masa yang sama SSPN mempunyai satu mesej yang paling baik. Di mana rakyat diminta menabung, kemudian dengan dana yang ada di dalam tabungan melayakkan mereka mendapatkan pinjaman.

Saya rasa ini perlu diperkenalkan lebih agresif oleh PTPTN selain daripada tanggungjawab sosial memberi duit dan tidak dapat pungut, rakyat rasa ini hak seperti yang di sebut oleh ramai kawan-kawan, ini adalah keistimewaan. Hari ini sudah berubah untuk memberikan keadilan kepada semua *approaches* kerajaan perlu juga berubah. Terima kasih saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

12.02 tgh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah saya pun boleh lebih kuranglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak sampai lima minit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua jangan garang sangat Tuan Yang di-Pertua. Ini tajuk yang baik untuk kita bincangkan. Saya menyokong pindaan akta ini dan saya percaya ini adalah merupakan *last resort*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, untuk pihak kementerian membantu pihak tabung, pihak perbadanan bagaimana mereka boleh mengurus dan mentadbir perbadanan ini dengan cekap dan berkesan. Saya percaya kecekapan ini adalah bergantung kepada kualiti yang mengurus perbadanan tersebut.

Jadi saya telah sebutkan tadi dalam celahan saya bahawa kalau kita ingin melihat kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan dan pentadbiran tabung ini maka perlulah ada orang serta pengurus yang berkualiti. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, kalau benar-benar kita melihat pengurusan tabung ini tidak menampakkan kesedaran mereka bagaimana pentingnya aspek pengurusan kewangan ini, kita boleh mencuba atau pun meletakkan pengurus-pengurus institusi kewangan swasta di negara kita. Bagaimana mereka boleh mengurus dan mentadbir syarikat kewangan dengan cekap.

Suka saya menyebut di sini Tuan Yang di-Pertua tentang ACP atau *Average Collection Period*, yang diperkenalkan sebagai antara faktor utama di dalam *key performance indicator* dengan izin. *Indicator performance* utama kepada pegawai-pegawai yang berada di dalam tabung, yang mengurus dan mentadbir sistem kewangan ini. Umpamanya jika melebihi 30 hari atau 45 hari, maka diperkenalkan hukuman kepada mereka ini dengan tindakan potong gaji, turun pangkat dan sebagainya. Saya yakin jika ini berlaku, maka setiap individu yang berada di dalam tabung tersebut akan memberikan tumpuan kepada peranan utama mereka bukan sahaja di dalam menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada pelajar-pelajar siswa dan siswi tetapi juga bertugas bagaimana untuk mengadakan kesinambungan supaya orang lain juga dapat menikmati kemakmuran ekonomi melalui tabung pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, jika ini juga tidak berlaku maka perlu ada satu kerjasama di antara perbadanan dan juga institusi-institusi pengajian tinggi yang mana peminjam-peminjam tadi mengaji, perkenalkan satu syarat. Umpamanya jika pelajar, jika siswa gagal membayar balik tidak

menunjukkan keinginan atau pun hasrat, niat untuk membayar balik, kita boleh membincangkan dengan pihak universiti supaya memperkenalkan sijil-sijil warna. Warna merah umpamanya, sijil atau pun diploma berwarna merah ini masih ada lagi pinjaman dengan kerajaan. Sijil warna kuning tengah bayar. Sijil warna biru warna Barisan Nasional maknanya sudah bayar habis. Ini maknanya ada satu mekanisme yang akan menunjukkan, mempamerkan bahawa peminjam-peminjam Ini...
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau hijau?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, kalau hijau tidak bayar langsung niat hendak bayar pun tidak ada... [Ketawa] Itu tidak bersyukur tandanya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya gurau-gurau, tuan guru saya gurau-gurau. Tidak baik dia kata, niat baik cakap sahaja tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini atas mekanisme. Pasal adanya mekanisme adanya cara adanya kaedah bagaimana kita memerhatikan yang masalah ini sebenarnya adalah masalah yang membelenggu sistem pendidikan negara. Ia memberi kesan yang amat hebat kepada sistem sosial kita. Apabila orang yang meminjam 450 ribu, setengah juta tidak membayar dan pinjaman ini meningkat kepada 11 bilion jadi inilah yang menjadikan masalah kepada bagaimana satu hari nanti kita akan mempunyai masyarakat yang menghormati sistem supaya masyarakat di masa hadapan lagi akan dapat menikmati perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Muar dapat lama Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi berkenaan dengan imigresen. Saya lihat ini adalah satu tindakan yang baik di mana pihak kementerian mungkin ada peruntukan-peruntukan untuk menghalang penghijrahan pelajar-pelajar yang peminjam tapi gagal meminjam tetapi perlu ingat mungkin ada pelajar-pelajar yang meminjam daripada dana ini mendapat peluang yang lebih besar di luar negara dan ini perlu diberikan perhatian secara terperinci oleh pihak kementerian.

Jika mereka benar-benar mendapat peluang bagi tujuan membayar balik pinjaman, apa salahnya kalau kita izinkan. Jadi jangan ianya nanti dijadikan satu batu penghalang kepada pelajar-pelajar ini untuk memajukan diri mereka dan ini pun akan menjadi satu kezaliman juga kepada pelajar yang sepatutnya dapat memperbaiki diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokonglah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, saya akan benarkan tiga Ahli Yang Berhormat berucap selepas itu menteri boleh menjawab. Jadi Yang Berhormat bagi Kepong dahulu.

12.06 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sebenarnya saya tunggu lama untuk berucap dan saya berasa gembira...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tunggu lama?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi baru masuk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, tidak apa. Satu minggu yang lepas. Memang betulhah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, memang betululah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah saya boleh tambah 1 minit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak apa. Saya gembira kerana ramai yang berminat. Ini bermakna ramai Ahli-ahli Parlimen mengambil perhatian. Saya pada prinsip bersetuju dengan menteri kerana kita tidak boleh melayankan, seperti kacang yang melupakan kulit. Tidak boleh langsung dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kulit pun tidak boleh lupakan kacang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu memang. Kita berharaplah jangan lupalah, sama ada kacang dengan kulit atau kulit dengan kacang. Kedua-dua tidak boleh lupa. Yang pertama memang kita berharap dan kita percaya PTPTN akan memainkan peranan yang lebih berkesan dan lebih bermakna di dalam pendidikan Malaysia kita ini.

Yang pertamanya mengenai angka. Ini kerana di dalam akhbar kita nampak angkanya untuk itu hutang itu disebutkan hampir 12 bilion ini termasuk PTPTN, MARA, JPA dan sebagainya. Dan di sini saya hendak Yang Berhormat menerangkan kepada kita angka yang sebenarnya untuk peminjam, untuk dana kita, untuk wang yang telah di keluarkan dan wang yang kita sedang kutip sekarang dan bilangan yang gagal untuk menunaikan tanggungjawabnya. Di sini saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, cuma Yang Berhormat bagi Tangga Batu dia buta warna. Cuma kenal biru yang lain tidak kenal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nasib baik dia tidak sebut merah...*[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kerana dia tidak boleh nampak merah. Nampak merah dia naik angin..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kepong warna apa? Kepong warna apa?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ..Dia naik berang kalau nampak merah... *[Ketawa]* Dan di sini saya mencadangkan supaya kita mempertingkatkan lagi sistem atau kaedah penguatkuasaan untuk mengutip. Ini memang perlu, walaupun kita hendak ambil teladan daripada New Zealand dan Australia dan memang sesetengahnya kita boleh tapi di Malaysia tidak serupa dengan New Zealand dan Australia. Di New Zealand berapa orang sahaja kependudukan? Tidak sampai 26 juta di situ. Tidak silap saya 3 hingga 4 juta sahaja di situ. Kita tidak bolehlah menggunakan kaedah New Zealand, kita Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia hendak keluar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia hendak keluar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu hendak keluar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya bangun, dia beri saya peluang hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanyalah. Fasal Yang Berhormat bagi Kepong ini dia nampak New Zealand dan Australia, tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kepong sebenarnya, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa apabila kerajaan mengambil inisiatif menyediakan perbadanan ini, ini adalah kerajaan yang terbaik yang pernah Yang Berhormat jumpa dalam dunia ini, yang menyediakan skim-skim pinjaman bagi menggantikan biasiswa-biasiswa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya ingat tangga ada batu tetapi sekarang nampaknya kepala itu pun berbatu juga... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat ini langsung tidak ada hubung kait dengan soalan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itulah masalah kita, tangga berbatu, kepala pun berbatu pula.

Saya berharap kaedah penguatkuasaan itu diperbaiki supaya kita boleh melaksanakan kutipan dengan berkesan dan juga tadi ada beberapa orang Ahli yang menyebutkan mengenai tahap pengurusan, bukan sahaja 20 yang tidak pun meminjam wang. Bahkan lebih 75 yang dilaporkan. Jadi inilah yang saya berharap, saya tekankan sekali lagi bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain supaya kita mempertingkatkan bukan sahaja penguatkuasaan tetapi juga pengurusan. Jangan kita salahkan orang yang tidak bersalah.

Akhir sekali mengenai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya diberitahu bahawa kalau kita melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri, memang peminjam tidak boleh lari, tetapi di Malaysia mereka lari juga. Apakah sebab-musabab mereka dapat lari daripada sistem Lembaga Hasil Dalam Negeri kita? Saya berharaplah penjelasan di antara pihak PTPTN dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri itu dapat diperbaiki supaya kita sama-sama dapat mempertingkatkan kutipan bayaran balik untuk PTPTN ini. Saya berharaplah semua pihak kerana kita sebagai Ahli Parlimen pun hampir semua dijadikan saksi untuk pinjaman, dalam kontrak itu. Kadangkala ia memerlukan orang lain tetapi kebanyakannya itu daripada Ahli Parlimen. Setiap kali saya diminta untuk menolong, saya kata, cuma dengan satu syarat sahaja, ia mesti dibayar balik. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kalabakan.
12.13 tgh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membincangkan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya berfikir bahawa akta ini keterlaluan. Saya tidak bersetuju sepertimana tindakan-tindakan di bawah seksyen 22 hingga sampai ke lapangan terbang untuk menahan budak-budak untuk pergi ke luar negara. Saya pernah mencadangkan bahawa akta ini sebenarnya tidak patut dibawa ke dalam Dewan yang mulia pada kali ini. Mungkin perbadanan ini mesti mengkaji semula keadaan kerana perbadanan ini ditubuhkan mesti ada sistemnya, tetapi saya nampak bahawa waktu perbadanan ini ditubuhkan, ia memang tidak ada sistem. Kalau kita bermula

dengan tidak ada sistem, beginilah keadaannya di mana pelajar-pelajar berhutang hingga RM12 bilion dan tidak dibayar, tetapi ini bukan salah pelajar, salah sistem kita, salah kerajaan, salah kementerian dan salah perbadanan kerana pada mulanya sistem mesti diperbaiki baru boleh kita mengambil tindakan-tindakan yang boleh mendapatkan pinjaman-pinjaman itu kembali.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang semua peminjam disenaraikan dan saya percaya jika perbadanan ini proaktif, tentu mereka tahu di mana peminjam-peminjam ini bekerja. Kalau mereka tahu di mana peminjam-peminjam ini bekerja, dengan data-data yang kita ada, tentu sekali kita nampak bahawa kita boleh meminta kerajaan, pihak swasta dan syarikat-syarikat yang pelajar ini bekerja, berapa gaji mereka dan kita minta supaya mungkin pada tiap-tiap bulan dipotong daripada gaji untuk tabung ini kerana mereka meminjam.

Bukan semua orang yang meminjam ini dapat membayar kerana ada yang datang dari golongan yang miskin seperti petani, pemandu teksi, pekerja *labour* dan lain-lain, mereka tidak mampu. Sepatutnya dari semua pinjaman yang ada ini, saya fikir lebih baik kita kaji berapa banyak daripada peminjam ini yang mampu, yang datang dari keluarga yang berada. Pelajar-pelajar yang sudah bekerja dengan gaji yang begitu lumayan dan berapa ramai pelajar ini yang keluar tidak ada pekerjaan dan datang dari keluarga yang termiskin. Jadi, saya mencadangkan dalam akta ini mungkin kalau boleh, semua pelajar termiskin, walaupun ia dari segi pinjaman, kita akan alihkan kepada biasiswa supaya mereka ini tidak membayar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong kata 'kacang lupakan kulit', tetapi Yang Berhormat bagi Kepong ini daripada pembangkang. Dia tidak tahu pelajar-pelajar ini yang sebenarnya majoritinya penyokong Barisan Nasional. Mereka tidak lupakan kulit! Mereka tidak lupakan kulit kerana tiap-tiap kali pilihan raya, pelajar-pelajar ini menyokong Barisan Nasional. Kita patut membalas budi pelajar-pelajar ini. Yang miskin kita hapuskan, yang berada dan yang boleh membayar, kita minta mereka bayar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan, mungkin tidak diterima supaya akta ini ditarik balik kerana kita nampak pelajar kita meminjam mungkin RM100,000, RM200,000 dan mereka dihukum, tetapi apa hal dengan peniaga-peniaga, ahli-ahli korporat meminjam berbilion-bilion, mereka tidak ditahan di *airport*? Apa hal, adakah kita *double standard*? Tentu sekali kita tidak mahu digelar *double standard*. Jadi saya minta kalau pun akta ini diluluskan seksyen 22A ini tidak perlu kita baca, kita tarik balik. Kita minta supaya Ahli-ahli Barisan Nasional termasuk juga pembangkang bahawa seksyen 22 ini ditarik balik. Kita ada kaedah-kaedah lain untuk menuntut pembayaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada pelajar-pelajar di atas sebagai pemerhati yang ada meminjam. Mungkin ada. Tidak adil bagi kita, pelajar-pelajar yang belum ada kerja yang datang dari kawasan luar bandar, yang datang daripada keluarga termiskin, kita hukum mereka. Ini tidak adil! Jadi, kita minta supaya walaupun tidak ditarik balik, kerana saya sebagai seorang Ahli Parlimen daripada luar bandar, Kalabakan mencadangkan akta ini ditarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat. Boleh gulung.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya baru bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lama bangun.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi tidak usahlah pakai warna-warna. Warna-warna ini masalah juga kerana kita pakai *necktie* pun, Tuan Yang di-Pertua pun memakai hitam putih, merah putih pun ada dan biru putih macam saya pun ada. Jadi, ini bukannya melambangkan apa-apa. Walau kita warnakan hijau pun bukan melambangkan apa-apa. Kadangkala ada juga di kawasan-kawasan kita yang masjidnya menggunakan warna kuning atau warna hijau. Bukannya bererti kalau saya membina masjid warna hijau, kita ini nanti menjadi lambang PAS. Bukan. Tidak. Itu kepercayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bagi pihak rakyat di luar bandar menyeru dan meminta Kementerian/kerajaan yang prihatin kepada rakyat supaya akta ini ditarik balik. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

12.19 tgh.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk bersama-sama berbincang mengenai akta yang telah dibincangkan. Sebenarnya perbincangan untuk menyokong akta ini adalah suatu perbincangan yang memalukan negara dan rakyat.

Dalam keadaan negara sentiasa bercakap tentang kemewahan, wangnya banyak dan mahu kepada intelektual, negara yang termaju di dunia tiba-tiba kita mengadakan suatu akta yang kalau dilihat atau dipapar oleh akhbar dan dilihat oleh negara asing pasti mereka akan mengatakan sesuatu yang tidak baik kepada negara kita. Saya berpengalaman, saya belajar di mana saya tidak pernah diberi biasiswa oleh negara sendiri, tetapi saya belajar dan mendapat biasiswa dari negara lain. Mereka tidak memohon, tidak meminta walau pun satu sen duit yang mereka belanjakan kepada saya, walau pun mereka tahu saya akan pulang ke Malaysia. Saya belajar di Iraq dan *Saudi Arabia*. Sewaktu di Iraq, saya mendapat RM750 sebulan dan di *Saudi Arabia*, saya mendapat RM1,000 lebih sebulan, tetapi mereka tidak memohon kerana mereka mengetahui bahawa ini tanggungjawab mereka kepada anak-anak, umat Islam di seluruh dunia.

Bagaimana di negara kita, sedangkan mereka terdiri daripada anak-anak seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan sebentar tadi. Jadi adalah memalukan kepada kita bahawa kita berbincang di dalam Dewan yang mulia ini sesuatu perkara yang menjadi tanggungjawab kita. Sekarang ini saya melihat apa yang dilaksanakan oleh kerajaan, barangkali tidak diproses terlebih awal. Kita buat benda ini dengan cadangan-cadangan secara *ad-hoc*.

Misalnya saya sebutkan, PKLN kita gagal, PTPTI kita gagal, PTPTN kita gagal, banyak kita gagal. Kalau di sana gagal, di sini gagal seolah-olah kita berada di persimpangan jalan. Oleh yang demikian, negara mesti mengambil tanggungjawab yang sungguh-sungguh sebelum mengadakan benda ini sehingga tidak munasabah, kita RM19 bilion negara mengeluarkan pinjaman.

Apakah kita tunggu begitu banyak baru kita perlu mengadakan suatu akta sedemikian rupa? Mengapa tidak dilihat daripada RM1 bilion, RM2 bilion, RM3 bilion, sampai kepada RM19 bilion. Saya rasa ini adalah suatu perkara yang tidak betul dari segi pengurusannya. Bila kita sudah sampai kepada kemuncak, maka kita mengenakan tindakan-tindakan yang memalukan dan mengaibkan negara kita sendiri.

Kita menyebut bahawa negara kita adalah negara Islam Hadhari, menyebut negara kita bahawa negara yang kaya raya, mewah dan sebagai tetapi di waktu yang sama kita bincang akta-akta yang terkena kepada anak-anak kita sendiri. Sedangkan dalam agama kita, Nabi s.a.w. menyebut... [*Membaca sepotong Hadis*] Bermaksud, Ya, Allah, kalau kamu mengazabkan mereka, mereka adalah hamba kamu sendiri ya Allah, kamu buat dia, kamu cipta dia, kemudian kamu mahu mengazabkan dia.

Nabi Muhammad s.a.w. mengajar kepada kita satu dasar bagaimana kita jangan sekali-kali menekan tetapi kita mendidik. Kita mengajar, kita memberi kesedaran keadaan anak-anak kita. Kesedaran sebagaimana yang telah disebutkan oleh Wakil Rakyat baru sekejap tadi di mana hutang ini mesti dibayar, walaupun tidak dituntut.

Kerajaan Negeri Kelantan sewaktu pemerintahan BN dahulu pada tahun 1982 hingga 1990, bila PAS mengambil alih di waktu itu ada RM750 juta hutang dengan Kerajaan Pusat. PAS bayar, tak betul seperti apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu sebentar tadi bahawa yang hijau tidak bayar hutang. Yang hijau lah yang bayar hutangnya, yang biru yang tidak bayarnya. Itu yang sebenarnya. Yang hijau yang bayar, dalilnya Kerajaan Negeri Kelantan bayar RM790 juta mengikut jadual.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu hutang apa?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hutang yang dipinjamkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sewaktu memerintah negeri Kelantan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu bukan Akta Pendidikan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Betul, tetapi dari segi dasarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang kita terpaksa tumpu kepada akta pindaan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, ya. Hutang juga pokoknya hutang dah itu. Hutang kena bayar. ang saya hendak sokong di sini, di sini saya hendak sokong pula, hutang mesti dibayar. Kita mesti beri suatu motivasi kepada anak-anak kita, kepada adik-adik kita bahawa hutang ini mesti dibayar. Kita bertanggungjawab bukan di dunia, kita bertanggungjawab di akhirat.

Sehingga orang mati syahid, orang mati syahid sekali pun dengan syahid dia, tidak dapat masuk syurga dengan secara total. Dia akan ditanya tentang hutang dia. Adakah hutangnya dibayar atau tidak. Kerana itulah, Nabi Muhammad s.a.w sewaktu Baginda mahu menyolatkan jenazah, Nabi tanya, "Dia ada hutang?"...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya hendak selesai. Saya gulung ini, sudah gulung. “Adakah dia ada hutang?” Jawab sahabat, “Dia ada hutang dua dinar.” Ada RM30 Tuan Yang di-Pertua. Maka Nabi s.a.w menyebut... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* “Sembahyanglah kamu”. Nabi berpaling untuk kembali ke rumahnya.

Dalam keadaan begitu, sahabatnya menanggung hutang. Ya, Rasulullah... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* “Saya akan bayar hutang dia.” Baru Nabi solat. Ertinya motivasi daripada semasa ini, dari semasa ke semasa perlu kita bagi barangkali dalam keadaan-keadaan tertentu tetapi dengan akta sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya rasa akta ini adalah zalim dan akta ini tidak munasabah dalam negara kita yang sedemikian rupa.

Saya minta kementerian, menteri-menteri supaya melihat semula kepada akta ini mencari jalan lain. Apakah tidak ada jalan keluar?...*[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Sesiapa yang bertakwa kepada Allah S.W.T, dia ada *exit* nya. Dia ada makhrajnya, ada jalan keluarnya misalnya. Saya rasa bagaimana duit Petronas yang begitu banyak, Petronas boleh bagi *scholarship* kepada pelajar-pelajar daripada mengadakan program-program lain. Saya kira lebih baik.

Saya tidak menuduh Petronas membelanjakan duit dalam keadaan tidak tentu hala tetapi saya melihat bahawa duit yang ada pada Petronas ini, kita sekat tabung pinjaman ini, kita berhenti. Ada duit Petronas, boleh dibahagi atau diagih kepada anak-anak kita lebih baik daripada kita menanggung hutang. Kemudian kita membesarkan di sini dalam keadaan yang tidak tentu hala. Memalukan, mengaibkan kalau Singapura tahu kalau negara-negara luar tahu apakah yang kita bincangkan pada hari ini di mana kita Wakil-Wakil Rakyat yang mengganggu kepala yang membantu untuk meluluskan akta ini, yang kita hendak letakkan kepala kita. Saya rasa memalukan...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya tertarik dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi tentang kezaliman terhadap anak-anak kita sekiranya akta ini diluluskan.

Kalau kita perhatikan Fasal 22 maknanya kalau diluluskan akta ini maknanya kita telah melabelkan peminjam-peminjam dan juga anak-anak kita sendiri sebagai penjenayah sebelum mereka ini melakukan sesuatu jenayah yang disebut sebagai jenayah di dalam negara kita ini. Setuju kah Yang Berhormat. Itu sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Bukan sahaja setuju tetapi memang begitu. Kalau kita mengenakan akta ini dan diluluskan di Parlimen pada hari ini maka setiap kita akan melakukan kezaliman kepada anak-anak kita. Anak kita! Biar saya sebutkan, saya baca ayat al-Quran tadi... *[Membaca sepotong ayat suci al-Quran]* Maksudnya Ya, Allah kalau kamu mengazab mereka, mereka adalah hamba kamu ya Allah, maka maafkanlah kepada perkara-perkara yang boleh dimaafkan.

Sekarang ini perkara-perkara yang kita boleh maafkan dalam keadaan kita meletakkan ibu bapa, satu cara yang sesuai dengan mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya tidak bersetuju dengan akta yang telah diadakan dan mesti dipinda dengan akta yang mempunyai kewajaran yang baik.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

12.27 tgh.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Rang Undang-undang Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Secara umumnya Yang Berhormat kebanyakannya menyokong, ada yang tidak menyokong tidak ramai, dan ada juga yang mencadangkan beberapa pindaan termasuk kepada tatacara kerja, kaedah pengurusan dan lain-lain lagi. Jadi, hakikatnya bahawa ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian, adalah suatu petanda yang amat baik bagi saya dan kita cukup prihatin kepada pendidikan dan pengajian tinggi kepada anak-anak kita. Kita merupakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab, kadang-kadang meletakkan nama seperti Yang Berhormat bagi Kepong untuk menjadi saksi kepada butir-butir yang telah diberikan oleh pemohon-pemohon.

Mereka merupakan pengundi kita, rakyat kita kerana hari ini hampir sejuta ya, hari ini sebanyak 980,066 orang sedang meminjam daripada tabung iaitu bilangan akaun di dalam tabung. Sebanyak 982,066 bilangan yang ramai, sudah pasti setiap kawasan parlimen ada ribuan peminjam-peminjam. Memang wajarlah kita mengambil bahagian cergas dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi banyak pandangan mengenai perkara ini dan saya mengucapkan juga terima kasih di atas cadangan-cadangan untuk kita memperkemaskan lagi pentadbiran di PTPTN.

Umumnya ada empat perkara yang dibangkitkan, yang pertama ialah berkaitan dengan seksyen 22A. Ini merupakan tajuk yang paling panas dibahaskan. Ada yang kata, *draconian*, ada yang kata zalim, tetapi ada juga pada masa yang sama yang menyokong, perlu diambil sesuatu tindakan bagi memastikan supaya peminjam-peminjam lebih bertanggungjawab. Itu yang pertama.

Yang keduanya berkaitan dengan pengurusan PTPTN, cadangan-cadangan supaya ditingkatkan kecekapan pengurusan PTPTN. Perkara-perkara yang dilaporkan di dalam media tidak berlaku lagi. Itu yang kedua.

Yang ketiganya, soal pendidikan, tanggungjawab, seperti Yang Berhormat bagi Santubong sebut, apa dia tujuan dan matlamat pendidikan? Adakah antaranya untuk pelajar-pelajar bertanggungjawab, beramanah ataupun kita mengajar mereka supaya tidak membayar hutang. Jadi, ini yang ketiga.

Yang keempatnya, isu yang dibangkitkan berkaitan kes-kes di mana pelajar-pelajar ataupun keluarga miskin tidak mendapat pekerjaan dan ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat prihatin kepada isu-isu, masalah yang dihadapi oleh mereka yang belum mendapat pekerjaan. Ini empat isu yang telah

dibangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, dan saya akan menjawab secara umum, selepas itu saya menjawab secara khusus perkara-perkara yang dibangkitkan.

Pertamanya, saya ingin maklumkan bahawa seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, PTPTN ini sudah 10 tahun usianya. Jadi, mula diperkenalkan pada tahun 1997 dan hari ini tahun 2007, 10 tahun sudah, usianya agak lanjut dan latar belakang ditubuhkan PTPTN ini adalah kerana kerajaan mendapati ada pelajar-pelajar miskin yang tidak dapat melanjutkan pengajian ke universiti.

Dapat surat tawaran, saya pasti Ahli Yang Berhormat pun mendapat banyak rungutan daripada pengundi-pengundi kita. Dapat surat tawaran masuk universiti tetapi oleh kerana miskin tidak dapat meneruskan pengajian. Biasiswa ada tetapi tidak mencukupi. Tadi banyak yang membangkitkan tentang biasiswa. Sebenarnya biasiswa ini masih ada lagi. JPA ada biasiswa, PETRONAS ada biasiswa, syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan, GLC ada biasiswa, swasta pun ada biasiswa.

Beberapa bank juga mengeluarkan biasiswa. Jadi, biasiswa tetap ada, cumanya bilangan yang mendapat biasiswa ini kita dapati kalau kita tengok kepada keseluruhan bilangan pelajar, kira-kira 80% pelajar-pelajar yang belajar di institusi pengajian tinggi mendapat pinjaman PTPTN. Yang lain itu, sama ada tajaan sendiri ataupun biasiswa JPA, ataupun bank dan lain-lain. 80% yang mendapat pinjaman PTPTN, 20% mendapat sumbangan daripada lain.

Jadi, 10 tahun sudah ditubuhkan dan saya hendak maklumkan bahawa PTPTN telah melalui tiga fasa. Saya anggap sekarang fasa yang ketiga. Fasa pertama, awal penubuhan, bilangannya kecil sahaja, tahun pertama cuma seramai 11,956 sahaja yang mendapat pinjaman, kecil angkanya, tetapi tahun lepas, seramai 150,000 peminjam iaitu kiraan 149,471, bilangannya meningkat.

Jadi, fasa pertama kecil bilangannya, pengurusan tidak banyak, dan saya mengakui bahawa pada peringkat awal..., tadi, beberapa Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa ada kelemahan-kelemahan dalam pengurusan. Saya mengakui bahawa pada peringkat awal memang PTPTN mempunyai beberapa kelemahan, dalam fasa pertama.

Fasa kedua, iaitu bermula kira-kira lima, enam tahun selepas itu, sekitar tahun 2003, 2004, kerajaan mula mengemaskinikan pengurusan dan kecekapan PTPTN dan kita dapat melihat peningkatan dalam tahap kecekapan. Dan, sekarang ini saya anggap sebagai fasa ketiga, bermula setahun yang lalu, di mana kita sudah melantik, ini persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai.

Yang Berhormat bagi Jerai mencadangkan supaya ahli bank menjadi ketua eksekutif PTPTN. Memang betul seperti mana kata Yang Berhormat bagi Jerai dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, sebelum ini ada pegawai-pegawai yang mungkin berlatar belakang dari segi kewangannya kurang. Bukan mereka tidak cekap, mereka cekap tetapi tidak cukup tahap kecekapannya.

Jadi, hari ini kita di fasa ketiga, melantik hari ini CEO yang baru, yang kelima sejak ditubuhkan 10 tahun, sudah ada 5 CEO. Jadi, sebelum ini ada pegawai yang sudah pencen, pelbagai latar belakang, cekap tetapi tahap kecekapan tidak mencukupi. Maka, setahun yang lalu, pada hari

ini kita mempunyai seorang CEO yang pernah bekerja dengan Bank Bumiputera, pernah bekerja dengan Bank Muamalat, pernah bekerja, jawatan terakhirlah di Bank Simpanan Nasional.

Jadi, itulah sebabnya kita telah melantik seorang CEO baru kerana kita cukup insaf dan sedar bahawa suatu langkah yang radikal harus diambil untuk membaiki kecekapan...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Jadi, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kerajaan, khususnya PTPTN.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

Dato' Mustapa bin Mohamed: ...Kerajaan akan terus meningkatkan kecekapan, dan saya selaku Menteri yang bertanggungjawab memberi jaminan bahawa perkara-perkara yang berlaku sebelum ini tidak akan berlaku lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan kos pengurusan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk meningkatkan kecekapan pengurusan, saya dapati sejak akhir-akhir ini di dalam penyata tahunan yang dihantar kepada peminjam-peminjam diletakkan di situ, kos pengurusan sebanyak RM16.64 sen sebulan. Jadi, saya hendak tanya, adakah kos pengurusan ini hanya kos pengurusan ataupun termasuk faedah 3% yang telah dikenakan terhadap peminjam-peminjam tersebut?

Ini kerana kalau kita dapati RM16.64 sen ini setiap bulan bertambah terhadap pinjaman berbaki itu, ini merupakan satu bebanan kalau sekiranya lagi lama dia tidak bayar lagi teruk dia punya jumlah pinjaman yang terpaksa dibayar. Lebih-lebih lagi mereka yang sukar mendapat pekerjaan sejak akhir-akhir ini. Minta penjelasan daripada Menteri.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Jumlah 3% itu merupakan caj pentadbiran. Kita perlu ada pegawai, kita perlu ada pejabat. Sekarang ini PTPTN sudah ada dua tempat beroperasi, satu di Chase Perdana, dan satu di KL Sentral. Ini memerlukan perbelanjaan, bajetnya tidak kurang RM20 juta setahun. Jadi, 3% itu merupakan caj pengurusan. Sebenarnya kalau kerajaan hendak caj faedah kosnya lebih tinggi lagi. Saya ingin maklumkan, ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Larut bertanya dari mana datang sumber pinjaman. Tiga sumber:

- (i) kerajaan memberikan geran RM5.2 bilion, bukan pinjaman. Kerajaan bagi duit *free*, RM5.2 bilion kepada PTPTN;
- (ii) kerajaan pinjam daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen RM500 juta; dan
- (iii) kerajaan pinjam daripada KWSP, RM7.45 bilion. Daripada KWSP ini dikenakan kadar pulangnya 5%. Maksudnya pihak PTPTN terpaksa membayar 5% kepada pihak KWSP atas pinjaman RM7.45 bilion.

Ini bermakna bahawa walaupun kosnya 5%, caj pentadbiran pengurusan yang dikenakan oleh kerajaan cuma 3% untuk menampung sebahagian daripada kos. Yang lain-lainnya ada subsidi. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita menjangkakan bahawa tidak kurang daripada RM2.3 bilion...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Dato' Mustapa bin Mohamed: ...Akan perlu dibayar oleh kerajaan kepada EPF dan lain-lain yang mana PTPTN membuat pinjaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai, sila.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan pelajar-pelajar cemerlang. Saya difahamkan oleh pegawai-pegawai bank yang telah pergi ke luar-luar bandar dalam penerangan, penjelasan dan menyatakan PTPTN ini, mana-mana pelajar yang mendapat cemerlang dikecualikan daripada bayaran. Pertama.

Yang kedua, apabila tabung PTPTN ini yang menabung itu ada separuh, maka digandakan pinjamannya. Adakah benda ini tepat? Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Memang sebelum tahun 2005, para pelajar yang mendapat Kelas Pertama dimansuhkan pinjaman mereka tetapi untuk memastikan bahawa tabung ini dapat menjana kewangan yang mencukupi, kerajaan membuat keputusan bahawa ia diberhentikan bermula 1 Mei 2005. Oleh itu penjelasan mereka jadi tidak benarlah. Mungkin dahulu, tiga tahun lepas benar, tetapi sekarang tidak benar lagi. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Saya hendak bagi sedikit lagi, ya. Saya bagi latar belakang selepas itu saya jawab satu perkara.

Angka-angka yang dipohon tadi, beberapa Ahli Yang Berhormat meminta angka sebenar. Yang Berhormat bagi Air Hitam, Yang Berhormat bagi kepong, Ahli Yang Berhormat meminta angka berkaitan dengan pinjaman ini dan juga Yang Berhormat bagi Lipis. Yang pertama, saya hendak maklumkan bahawa bilangan peminjam ialah 982,066 hampir sejuta sudah meminjam daripada PTPTN. Pinjaman yang telah diluluskan kepada mereka ialah RM19.061 bilion, itu jumlah yang diluluskan, hampir RM20 bilion.

Jadi, jumlah peminjam ialah seramai 982,066 orang dan jumlah peruntukan yang diluluskan untuk mereka ialah sebanyak RM19.061. Berkaitan dengan kutipan balik, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah mengutip sebanyak RM804.62 juta daripada 603,215 peminjam. Tahun lepas umpamanya, yang dikutip ialah sebanyak RM214.32 juta. Itu mengenai angka-angka.

Yang lain-lain berkaitan dengan apa yang patut dikutip, sebenarnya apa yang patut dikutip lebih banyak lagi. Umpamanya pada tahun 2006, rujuk kepada satu tahun saja sebagai contoh,

jumlah yang sepatutnya dikutip ialah RM947.63 juta dan setelah ditolak mereka yang mati, yang mana kita luluskan tangguh bayar balik, maka yang perlu dikutip ialah RM873.2 juta, yang RM385.57. Ini angka-angka untuk tahun 2006.

Kita akan bagi penjelasan melalui..., Pengerusi PTPTN akan memberikan satu buku kecil kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat angka-angka ini supaya tidak keliru. Ahli Parlimen bagi Kepong sebut EPF, MARA dan lain-lain. Jadi insya-Allah kita akan berikan kepada Ahli Yang Berhormat. Itu berkaitan dengan angka-angka. Saya hendak jawab satu perkara dulu sebelum saya izinkan Ahli Yang Berhormat mencelah, iaitu perkara yang berkaitan dengan Fasal 22A yang menarik banyak minat Ahli Yang Berhormat.

Saya hendak maklumkan di sini bahawa, fasal ini diperkenankan setelah pelbagai ikhtiar telah kita buat. Ini bukan tindakan sewenang-wenangnya. Ini pengalaman sepuluh tahun. Kalau kita kata zalim terhadap pelajar berkenaan, maka bagaimana pula pelajar-pelajar yang belum, yang hendak belajar. Umpamanya, kita menjangkakan menjelang tahun 2020, akan ada empat juta pelajar yang hendak pinjam. Sekarang hampir sejuta dan menjelang tahun 2020, empat juta. Jadi mereka memerlukan pinjaman.

Kalau yang tidak bayar, ini akan berlaku zalim kepada anak-anak kita yang hendak pinjam. Jadi zalim ini kita kena tengok daripada pelbagai sudutlah. Ada yang berpendapat kalau kita ambil tindakan ini mungkin berlaku zalim tetapi bagaimana pula kita menafikan hak kepada orang-orang ataupun peminjam-peminjam baru untuk mendapatkan pinjaman. Adakah ini tidak zalim? Walau bagaimanapun, saya ingin membaca di sini proses ataupun prosedur sebelum peraturan ataupun Peruntukan 22A diambil. Jadi saya hendak tekankan bahawa ini merupakan satu *last resort*, pelbagai ikhtiar telah dibuat Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi angka-angka yang terkini, sebagai contoh surat-surat yang kita hantar kepada peminjam ini. So, kita sudah hantar 61,016 peringatan ketiga. Tiga kali peringatan yang bagi maklum balas cuma 29% saja, yang jawab balik. Ini satu bilangan yang kecil saja dan yang telah dikeluarkan *letter of demand* untuk mendapatkan bayaran balik ini, sudah 17,382 tetapi yang maklum balas dapat cuma 3.14% saja....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Sungai Petani.

Dato' Mustapa Mohamed: Saya selesai dulu. Jadi hendak jelaskan di sini bahawa ini merupakan tindakan *last resort* kita sudah hantar notis satu, dua, tiga, hantar *letter demand* tetapi seperti mana Yang Berhormat sebut tadi, beberapa Ahli, Yang Berhormat Muar dan lain-lain, Lipis. Ini merupakan peminjam-peminjam yang degil yang setelah diambil pelbagai tindakan surat bertalu-talu, mereka ingkar maka kita akan menggunakan peruntukan ini secara berhemah.

Saya ingin memberikan jaminan di sini bahawa kita tidak akan terburu-buru dan kita akan berhati-hati, memastikan tidak ada penganiayaan. Kita Kerajaan Barisan Nasional bertimbang rasa dan insya-Allah, kita tidak akan menzalimi pelajar-pelajar yang ada sebab yang munasabah dan kalau mereka menulis kepada pihak PTPTN umpamanya, memang dalam kes tertentu diberi kelonggaran. Boleh tangguh, boleh *reschedule*.

Yang Berhormat bagi Jerai yang mencadangkan supaya kalau bank boleh *reschedule repayment* dengan izin, kenapa tidak PTPTN? Saya hendak maklumkan di sini bahawa memang PTPTN telah menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman. Banyak, ratusan sudah pun distrukturkan semula berikutan permohonan daripada pelajar-pelajar. Jadi Peruntukan 22 ini merupakan *last resort*.

Saya hendak baca sebelum saya buka untuk celahan, 11 tindakan yang diambil sebelum diambil, sebelum ditahan pasport. Jadi sebelum itu, saya hendak maklumkan kalau seorang itu boleh keluar negara, boleh ke London dan sebagainya, takkan pinjaman yang RM100 sebulan tidak boleh bayar? Kita dalam kerajaan tertanya-tanya, kalau boleh keluar negara maknanya dia ada kena bayar *airport tax* lagi, beli tiket lagi, bayar hotel lagi, mungkin kosnya RM10,000 hendak ke London, takkanlah RM100 tidak boleh bayar.

Ada satu kes yang keluar dalam akhbar yang mendakwa dia jutawan. Keluar dalam media ini. Kita tidak tahu dia jutawan, dia yang mengisytiharkan diri jutawan. Bila *check* rekodnya, dia tidak pernah bayar pinjaman PTPTN. Inilah kes-kes kedegilan. Inilah perlunya adanya keinsafan dan juga pendidikan yang saya harap kita semua insaf dan sedar tanggungjawab kita sebagai peminjam. Jadi saya hendak baca. Ini 11 proses sebelum pasport ditahan, iaitu:

- (i) kita bagi taklimat sekarang ini. Ini bercakap tentang pendidikan. Setiap universiti ada Minggu Suai Kenal. Minggu pertama seminggu. Pegawai semua pergi, seluruh. Kadang-kadang kita minta Ahli Yang Berhormat juga pergi. Baca ayat Quran, baca hadis, tanggungjawab peminjam tidak boleh solat jenazah sebelum selesai hutang seperti Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas sebut tadi. Seminggu kita kerah tenaga Ahli Yang Berhormat, pergi bersyarah ke seluruh negara untuk memberi penerangan tentang tanggungjawab mereka. Lepas itu, habis semua itu, itu yang pertama;
- (ii) kita buka kaunter selepas itu semasa Minggu Konvokesyen kita buka kaunter. Ini juga adalah dalam usaha kita untuk memberikan didikan;
- (iii) kita bukan keluar surat serta-merta. Enam bulan lepas graduat. Kalau hari ini 7 Mei, saya bergraduat, kita akan keluar surat ingatan enam bulan. Maknanya 7 November 2007. Kalau saya graduat hari ini umpamanya, lepas 7 November barulah enam bulan, barulah PTPTN akan hantar surat peringatan. Maknanya ada *grace period*, enam bulan tidak perlu bayar apa-apa;
- (iv) kalau tidak ada lagi, kalau dalam tempoh itu dia tidak ada jawapan kita akan hantar surat peringatan pertama. Yang surat pertama. Kita bagi tempoh 30 hari untuk bayar balik;
- (v) kalau tidak ada lagi, kita hantar lagi yang kedua pula, tempoh 14 hari. Itu peringkat yang kelima;

- (vi) kita hantar yang ketiga. Ini kita gunakan peguam. Kita bagi tempoh 14 hari untuk membayar balik;
- (vii) lepas peguam, yang ketujuh kita hantar *Letter of Demand*. Surat untuk menuntut hutang;
- (viii) kita failkan saman ke mahkamah;
- (ix) kita pergi ke mahkamah;
- (x) kita senarai hitam dan
- (xi) lepas itulah, kalau degil sangat, setelah pelbagai usaha diambil, tidak menghiraukan dan ingkar, barulah diambil tindakan.

Jadi saya hendak tekankan, ini merupakan satu tindakan *last resort*, adalah wajar dan kerajaan memohon Ahli Yang Berhormat untuk menyokong bil ini untuk luluskan kerana kalau tidak dibuat begini maka mesejnya seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi. Apa mesej yang hendak disampaikan kepada rakyat? Adakah kita hendak biarkan begitu saja dan memalukan negara? Apa yang lebih memalukan Yang Berhormat bagi Pasir Mas, adakah lebih memalukan orang yang tidak bertanggungjawab, tidak bayar hutang, ataupun tindakan yang diambil terhadap mereka yang ingkar. Bagi mereka yang ada alasan yang munasabah, OKU yang dibangkitkan umpamanya, ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan tentang itu, kita beri perhatian.

Dan saya ingin memaklumkan di sini bahawa hari ini, ada kira-kira 300 orang OKU di IPT. Di mana kerajaan bagi elaun setiap bulan RM300. Setiap pelajar OKU yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita bagi elaun kepada mereka yang belajar di IPT, RM300. Jadi masalah OKU yang miskin ini..., terima kasih, kita ambil perhatian...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Dato' Mustapa Mohamed: Jadi akhir sekali. Saya tidak habis lagi mengenai 22A. Jadi saya hendak maklumkan di sini bahawa, 61,016 surat telah dikeluarkan. *Letter of Demand* pun 17,382. Yang respons cuma 3.14%. Paling kecil saja tidak sampai 5% saja *Letter of Demand*.

Jadi kalau kita tidak bertegas dalam hal ini, keadaan ini akan menjadi satu masalah yang amat besar bagi negara. Isu *sustainability*. Kita hendak pastikan bahawa generasi yang akan datang juga mendapat faedah pinjaman ini. Ini akan terjejas. Itu sebabnya kenapa kerajaan bertegas menyatakan bahawa seksyen 22 ini adalah amat diperlukan sebagai satu tindakan *last resort*, dengan izin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri. Persoalan yang kita timbulkan tadi mengenai dengan seksyen 22A tadi, pindaan itu ialah seperti mana Yang Berhormat jawab tadi iaitu *last resort*, tetapi kalau kita ada undang-undang, kalau kita sebut itu *last resort*, saya tidak percaya itu akan menjadi *last resort*, kita akan menjadikan itu *first resort*. Ini mungkin, saya kata kemungkinan. Sebab itu saya bangkit dalam ucapan saya, saya menyatakan ini persoalannya bukan kepada pihak yang meminjam. Peminjam itu yang patut kita persalahkan kerana dari segi pentadbiran misalnya. Berapa kali, macam

Yang Berhormat sebutkan tadi, surat-surat. Bagaimana pihak swasta, kalau dia hendak memungut balik hutang-hutang, kenapa mereka dapat lakukan?

Umpamanya macam bank misalnya. Saya tahu ada bank yang susah juga untuk mendapat hutang, tetapi dalam perkara ini yang saya sebutkan ialah soal pentadbiran. Pentadbiran PTPTN itu sendiri yang mana saya rasa amatlah lemah sehingga untuk memungut balik wang tadi dari segi bahagian *collection* nya itu amat lemah sekali kalau kita hendak bercakap di sini. Jadi tidak sampailah kepada tahap yang mana seksyen 22A ini harus diperkenalkan. Itu yang kita timbulkan. Bukan kita kata inilah kita hendak mengambil tindakan ke atas mereka yang degil. Saya percaya orang yang degil ini patut kita heret dia betul-betul, tetapi bagi saya kelemahan ini ada pada pentadbiran PTPTN, bukan kepada orang yang meminjam itu. Ini saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mustapa Mohamed: Yang pertama Yang Berhormat bagi Sungai Petani, kita tidak akan menjadikan ini sebagai satu, dalam ungkapan Yang Berhormat, *first resort* kita hendak tegaskan di sini bahawa ia merupakan tindakan terakhir, 11/12 proses prosedur ini akan kita ikuti sebelum tindakan menahan pasport itu diambil, itu yang saya hendak maklum kepada Yang Berhormat.

Yang keduanya, untuk memastikan kecekapan atau memastikan kutipan ini kita perlu tiga pihak. Yang pertamanya pentadbiran seperti Yang Berhormat bagi Sungai Petani sebutkan tadi. Yang keduanya ialah *enforcement*. Kalau ada pentadbiran cekap, tetapi ada *enforcement* tidak cekap, tidak boleh. Yang ketiga peminjam juga ada peranan. Adalah tidak wajar bagi kita meletakkan 100% kesalahan kepada pentadbiran.

Saya tidak menafikan, di sini saya mengakui bahawa sebelum ini memang ada kelemahan dalam pentadbiran. Dan kes ini disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut, pelajar UNITAR itu. Ini hasil daripada kita mengambil tindakan, kita menyemak kepada rekod-rekod, sebelum ini tidak disemak secara mantap. Apabila kita mengambil tindakan untuk menyemak rekod-rekod maka timbullah, *there has been some discoveries* dengan izin, termasuklah pelajar UNITAR yang kata mereka tidak pinjam, keluar surat khabar umpamanya dia kata dia biaya sendiri tetapi, dapat surat daripada PTPTN.

Perkara ini telah pun kita siasat dan wang ini sebenarnya berada di UNITAR dan wang ini sudah pun dikembalikan, yang tadi dibangkit, disiasat Yang Berhormat bagi Lipis membangkitkan disiasat dengan teliti apa yang berlaku. Jadi saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kes ini timbul kerana *enforcement* kita. Kita hendak kemaskinikan rekod ini. Kalau sebelum ini kurang mantap, hendak kemaskinikan rekod. Jadi kes ini timbul kerana *enforcement* yang semakin mantap dan dalam kes yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin maklumkan di sini bahawa pelajar-pelajar yang tidak pinjam tidak harus, memang tidak akan dikenakan tindakan dan kalau pun dibawa ke mahkamah, mereka boleh buktikan, mereka tidak pinjam.

Maka mahkamah sudah pasti dan kalau kita berpuas hati mereka tidak ambil tindakan, kita tidak akan menahan pasport mereka. Jadi saya ingin maklumkan di sini bahawa ini merupakan *last resort* dan masalah-masalah yang dibangkitkan tadi adalah hasil *enforcement* yang lebih tegas yang

dibuat. Dalam pada itu saya ingin menekankan bahawa peminjam juga ada peranan. Tiga peranan, satu pentadbiran, dan pentadbir cekap dan boleh *enforce*, yang kedua peminjam juga harus ada. Jangan kita meminjam dan kita seorang Islam kita bertanggungjawab, kita buat lupa macam itu, buat 'dek' dengan izin saya harap kita semua juga bertanggungjawab.

Saya tidak menafikan ada kelemahan pentadbiran, saya mengakui dan tindakan-tindakan telah pun diambil. Itu sebabnya kita mengubah pengurusan setahun lalu, mengambil seorang yang berlatar belakang bank untuk memastikan bahawa sistem pengurusan amalan terbaik diguna pakai di PTPTN, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [*Bangun*]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat? Boleh Yang Berhormat bagi Bagan, selepas itu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kalau Menteri benarkan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana seseorang apabila disekat untuk keluar negara, bagaimana cara dia boleh memohon supaya dia dibenarkan untuk keluar dari negeri kita dan keduanya, sekiranya selepas membayar satu amaun yang mampu dibayar atau minimum selepas berunding dengan pihak berkuasa, berapa lama kah sistem dalam komputer boleh dibersihkan, boleh dipadamkan supaya membenarkan ia keluar dari negeri. Yang lagi satu, dalam masa-masa kecemasan seperti kalau dia dapat satu peluang untuk temu duga di luar negara, seperti di *Singapore* sahaja untuk mencari kerja dan pasportnya dilarang untuk keluar dan bagaimana dia boleh dapat satu kebenaran untuk pergi temu duga dalam masa yang singkat sekali. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ringkas ceritanya. Sekarang ini semuanya sudah *online*. Rekod-rekod kita bercakap ini masa dahulu, rekod-rekod sudah pun dikemas kini dan semuanya dapat disemak melalui *internet*, *very current* dan kalau ada masalah, ada *counter* pertanyaan dan maknanya kalau kita selesai ini, kalau umpamanya dalam kes Yang Berhormat tadi, pasport ditahan hari ini selesai, selesailah dan dalam kes-kes hendak pergi temu duga, ada peraturan-peraturan dalam kerajaan yang mana ada kes-kes kita tahu bahawa mereka-mereka yang dikenakan tindakan *income tax* umpamanya, diberikan kebenaran.

Kita gunakan amalan yang sama, saya hendak tegaskan di sini seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, ini bukan satu-satunya akta yang mempunyai peruntukan 22A ini, ada yang Akta Kastam, ada Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri, ada Akta Kumpulan Simpanan Wang Pekerja. Tiga akta ini juga mempunyai peruntukan yang sama kerana ia melibatkan wang kerajaan dan kita rasa peminjam-peminjam harus bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada masa dengan izin saya hendak gulung 2, 3 minit dan kita boleh selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, sila.

Dato' Mustapa Mohamed: Jadi, saya terakhir....

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi sendiri menyebut bahawa latar belakang yang ditubuhkan tabung ini adalah untuk orang miskin meminjam, untuk mereka anak-anak mereka ataupun mereka sendiri diberikan peluang melanjutkan pelajaran di peringkat yang tinggi. Itu yang Yang Berhormat Menteri sebut sendiri sebentar tadi. Kita hendak tanya, apakah dasar kerajaan dan dasar kementerian terhadap orang miskin ini? Orang miskin tidak berkeupayaan ini kalau pinjam mereka hendak bayar macam mana? Mereka miskin. Jadi di sini persoalan hak, kalau bumiputera, dia punya *privileges* di mana letaknya di sini? Ini yang saya hendak minta penjelasan.

Kalau orang miskin sepatutnya hak mereka, kerajaan bantu mereka berikan percuma ini. Bukannya pinjam, maknanya pinjam mesti bayar. Saya bersetuju orang yang ada kemampuan untuk bayar mesti bayar, Islam mengajar begitu, tetapi kalau yang miskin, kalau mereka miskin, kenal pasti miskin, layak untuk belajar, hendak bayar macam mana? Minta penjelasan.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya pelajar miskin dia belajar dapat kerja, insya-Allah dia keluar daripada kumpulan termiskin dan harus mempunyai kemampuan untuk bayar. Jadi itu tujuan kita bagi pendidikan. Kita miskin hari ini, belajar, pandai dapat pekerjaan dan kita hendak dia bayar. Jadi bagi mereka yang masih belum dapat pekerjaan, dalam tempoh tertentu dan bagi mereka yang benar-benar tidak mampu, boleh menulis dan PTPTN akan memberi pertimbangan kepada permohonan tersebut.

Biasiswa kita hendak maklumkan sekali lagi bahawa memanglah ini satu peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan biasiswa, tetapi oleh kerana bilangannya terlalu ramai, saya katakan tadi 4 juta menjelang tahun 2020, ini sudah satu juta.

Sebenarnya hari ini di negara kita Malaysia, kita memberi subsidi 90% kepada pengajian tinggi Tuan Yang di-Pertua. Pelajar-pelajar membayar 10% sahaja kos untuk belajar di universiti. 90% dibiayai oleh kerajaan, subsidi yang besar. Jadi, yuran pun kecil sahaja. Jadi secara puratanya, kadar pinjaman ialah kira-kira RM17 ribu bagi pelajar IPTA, kira-kira 28 ribu pelajar IPTS, angkanya tidaklah besar sangat dan potongannya boleh sehingga RM100 bergantung kepada pendapatan. Jadi, kita amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh para pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa peruntukan 22A adalah akan digunakan sebagai satu dengan izin, *last resort* yang pertama, yang keduanya saya memberi jaminan sebagai Menteri Pengajian Tinggi bahawa kita akan terus tingkatkan kecekapan dan penguatkuasaan, *enforcement* PTPTN dan saya mengakui sebelum ini ada beberapa kelemahan dan ini akan kita atasi dan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran, tanggungjawab peminjam agar mereka prihatin kepada keperluan masa hadapan anak-anak kita, kalau kita tidak bayar seperti mana kata Yang Berhormat bagi Jasin tadi, kita masuknya sedikit keluarnya banyak, inilah keadaan hari ini.

Masuknya sedikit sangat, bayar tidak banyak yang keluarnya begitu banyak umpamanya pada tahun 2006 sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, yang keluar ialah RM2.3 bilion, ini yang kita

keluar, yang masuk cuma RM38 juta sahaja, yang keluar semua pinjaman Tahun 1, 2, 3 IPTS-IPTS, RM2.3 bilion, yang kita kutip cuma RM385 juta maka ada masalah besar. Jadi, rang undang-undang ini adalah untuk meningkatkan kesedaran, keinsafan, tanggungjawab untuk generasi akan datang.

Kerajaan ada tanggungjawab, kita beri subsidi 90% kepada kos pengajian tinggi, tetapi pelajar juga ada tanggungjawab dan bagi mereka yang benar-benar menghadapi masalah boleh berhubung dengan PTPTN dan bagi mereka yang mampu, kita harap mereka akan bayar termasuklah kes-kes yang saya sebutkan tadi, ada jutawan yang tidak bayar, ada banyak kes, saya tidak mahu sebut di sini. Jumlah RM10 ribu sahaja pinjaman, tetapi oleh kerana tidak bertanggungjawab, tidak bayar walaupun pendapatannya ribuan setiap bulan, ini tidak harus berlaku di negara kita dan kita berharap dengan lulusnya rang undang-undang ini, kita akan dapat meningkatkan *sustainability* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, PTPTN.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa kedua-dua rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

[*Setiausaha membacakan tajuk Rang Undang-undang Hak milik Anak Negeri Labuan 2006*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh kemukakan huraian pada petang, selepas tengah hari. Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Kita ada Usul, ya Yang Berhormat Menteri, sila.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.33 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Selasa 8 Mei 2007.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK ANAK NEGERI LABUAN 2006****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.35 ptg.**

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukkan bagi pendaftaran hak milik anak negeri di Labuan dalam daftar hak milik anak negeri. Urusan mengenai pegangan anak negeri dan pengisytiharan rizab anak negeri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan, Labuan terdapat tanah-tanah yang dikenali sebagai tanah anak negeri atau *native land*, dengan izin. Tanah ini terletak kepada Bahagian 4, Ordinan Tanah Sabah, [Bab 68].

Konsep kewujudan dan operasi tanah tersebut adalah bagi menjaga kepentingan anak negeri Wilayah Persekutuan, Labuan berkaitan dengan pemilikan tanah. Walau bagaimanapun, didapati juga beberapa kelemahan dalam peruntukan undang-undang yang ada ini, yang mana jika tidak diperbetulkan, boleh mengakibatkan pemilikan tanah anak negeri terus berkurangan atau tidak dapat digunakan.

Bahagian 4, Ordinan Tanah Sabah memperuntukkan bahawa, tanah anak negeri didaftarkan sebagai tanah di bawah kategori pertanian sahaja. Lantaran itu apabila tanah tersebut hendak dibangunkan sebagai projek perumahan, perdagangan atau industri, status tanah tersebut sebagai tanah anak negeri akan terhapus kerana ia tidak lagi merupakan tanah di bawah kategori pertanian.

Sebaliknya, tanah tersebut akan didaftarkan sebagai hak milik pegangan desa. Dari segi perancangan dan pembangunan pula, tanah anak negeri di Wilayah Persekutuan Labuan akan terus

kekal sebagai kategori pertanian dan akan menutup peluang pemilik tanah anak negeri untuk sama-sama menyertai arus pembangunan di Labuan.

Rang undang-undang ini digubal adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukkan bagi pendaftaran hak milik anak negeri di Labuan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri. Urusan mengenai pegangan anak negeri dan pengisytiharan rizab anak negeri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Apabila diluluskan kelak, Akta Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006 akan terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan akan juga terpakai bersama-sama dengan Kanun Tanah Negara yang diperluas dan diubahsuai ke Wilayah Persekutuan Labuan melalui perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemeluasan dan Ubah Suaian Kanun Tanah Negara, 2006).

Pemakaian Bahagian 4, Ordinan Tanah Sabah akan dibatalkan melalui perintah tersebut. Kesemua tanah anak negeri yang sedia ada akan menjadi pegangan anak negeri apabila akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa. Akta ini juga membolehkan tanah lain didaftarkan sebagai pegangan anak negeri sama ada yang diputuskan oleh kerajaan atau melalui permohonan oleh tuan punya tanah yang merupakan seorang anak negeri mengikut pengertian akta ini.

Rang Undang-undang ini mengandungi enam bahagian dan 27 fasal. Bahagian-bahagian berkenaan adalah seperti berikut:

Bahagian 1, bahagian ini terdiri daripada fasal 1 dan 2 yang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan dan juga mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Bahagian 2, bahagian ini terdiri daripada fasal 3 hingga 8 yang mengandungi peruntukan mengenai hak milik anak negeri yang didaftarkan di bawah Ordinan Tanah Sabah hendaklah disifatkan sebagai pegangan anak negeri apabila akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa. Daftar hak milik anak negeri hendaklah mengikut bentuk yang ditetapkan dalam akta yang dicadangkan dan diselenggarakan oleh pendaftar mengikut keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja Tanah.

Bahagian ini juga mengandungi peruntukan tentang kewajipan Pendaftar untuk membuat memorial yang serupa bagi hak milik anak negeri pada setiap dokumen hak milik pendaftaran dan juga pada dokumen hak milik keluaran.

Jawatankuasa Kerja Tanah boleh, jika difikirkan patut memutuskan bahawa mana-mana tanah yang diluluskan bagi pemberian hak milik hendaklah didaftarkan sebagai pegangan anak negeri dan selanjutnya Pendaftar hendaklah membuat memorial yang serupa pada dokumen hak milik pendaftaran dan dokumen hak milik keluaran. Permohonan bagi pendaftaran tanah sebagai pegangan anak negeri dan permohonan bagi pembatalannya juga di peruntukan dalam akta yang dicadangkan ini.

Bahagian III, bahagian ini terdiri daripada fasal ke 9 hingga 16 yang memperkatakan sekatan ke atas urusan pegangan anak negeri seperti tiada pegangan anak negeri boleh pindah milik dipajak atau selainnya diluluskan kepada bukan anak negeri dan apa-apa pelaksanaan memorandum pindah milik, gadaian atau pajakan anak negeri oleh bukan anak negeri selaku wakil adalah batal.

Selain itu tiada lien melalui pendepositan dokumen hak milik keluaran bagi mana-mana pegangan anak negeri sebagai cagaran bagi sesuatu hutang boleh diwujudkan yang memihak kepada mana-mana orang dan tiada kaveat persendirian boleh dimasukkan kepada pegangan anak negeri oleh bukan anak negeri.

Sekatan lain yang terdapat dalam bahagian ini ialah sekatan yang berhubung dengan kebangkrutan, penahanan dalam pelaksanaan amanah dan pemberian kaveat dan surat kuasa mentadbir.

Bahagian IV pula, iaitu adalah terdiri daripada fasal 17 hingga 24 yang membenarkan antara lain penjualan pegangan anak negeri oleh pembeban, pemajakan atau pemindahan milik anak negeri kepada Perbadanan Labuan atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan penggadaianya kepada institusi kewangan.

Pemindahan hak milik anak negeri kepada badan berkanun, koperasi dan pertubuhan juga dibenarkan. Dalam hal tertentu Amanah Raya Berhad boleh bertindak sebagai anak negeri.

Bahagian ini juga mengadakan peruntukan bagi semua urusan atau pelepasan pegangan anak negeri yang berlawanan dengan akta yang dicadangkan adalah batal. Sekiranya terdapat apa-apa keraguan tentang kaedah kuat kuasa akta yang dicadangkan, rujukan boleh dibuat kepada mahkamah tinggi. Selanjutnya jika terdapat percanggahan dengan undang-undang lain, akta yang dicadangkan akan terpakai

Bahagian V, bahagian ini yang terdiri daripada fasal 25 memberi kuasa kepada menteri untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan Tanah Persekutuan menjadi Rizab Anak Negeri.

Bahagian VI pula, yang mana terdiri daripada fasal 26 dan 27 merupakan peruntukan pelbagai yang memberi kuasa kepada menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan maksud akta yang dicadangkan dan yang membenarkan pengecualian fi dalam hal tertentu.

Tuan Yang di-Pertua sebagaimana yang saya nyatakan awal tadi, akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk memberi jaminan ke atas taraf pemilikan dan status tanah anak negeri. Ia akan membuka peluang bagi tanah anak negeri dibangunkan tanpa kehilangan status dan membolehkan urus niaga dijalankan tanpa mengakibatkan tanah anak negeri jatuh kepada pemilik yang bukan dari kalangan anak negeri.

Akta Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006 telah digubal berasaskan Enakmen Rizab Melayu yang menjamin pengekalan pegangan tanah Rizab Melayu walaupun pada masa yang sama tanah tersebut dibangunkan seperti tanah lain.

Oleh yang demikian, dengan adanya Akta Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006 akan memperkemas pegangan Hakmilik Anak Negeri Labuan kerana disesuaikan untuk digunakan bersama-sama dengan Kanun Tanah Negara 1965 yang diperluaskan dan diubahsuaikan melalui perintah yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada sesiapa menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran hakmilik anak negeri Labuan dalam Daftar Hak Milik Anak Negeri. Urusan mengenai pegangan anak negeri dan pengisytiharan Rizab Anak Negeri dan bagi perkara yang berkaitan dengannya juga, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Tuaran

2.45 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Rang undang-undang ini sememangnya sudah sekian lama ditunggu oleh rakyat Labuan dan juga rakyat Sabah yang mempunyai tanah di Labuan. Dan tentu sekali niat dan hasrat rang undang-undang ini memang baik sebab ia akan seperti juga dengan anak negeri di Sabah akan dapat dilindungi dari segi hak mereka sebagai anak negeri dalam soal tanah.

Cuma dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan dalam hal berhubung dengan takrifan “anak negeri”. Oleh kerana pentakrifan dalam anak negeri ini akan dirujuk nanti kepada ordinan yang terdapat di negeri Sabah yang berhubung dengan, siapakah sebenarnya anak negeri ini.

Saya ingat dalam rang undang-undang ini, perkara pokok yang perlu dilihat ialah soal takrifan, siapa sebenarnya anak negeri. Dalam hal ini saya ingin mengambil peluang ini, menarik perhatian Dewan ini bahawa di negeri Sabah setakat ini soal takrifan “anak negeri” masih lagi dibincangkan untuk diperbaiki apa yang ada sekarang.

Suatu ketika dulu, satu jawatankuasa ditubuhkan untuk mendefinisikan, untuk memperhalusi takrifan “anak negeri” dan sehingga pada hari ini belum lagi dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk pindaan.

Apa yang dirisaukan atau pun kekhuatiran kita dalam soal definisi itu ialah oleh kerana pelbagai kewarganegaraan, kad pengenalan yang telah didapati oleh orang-orang asing secara mencurigakan di negeri Sabah. Maka dengan itu, soal definisi ini, takrifan “anak negeri” ini lebih merunsingkan lagi.

Satu lagi dalam perkara ini ialah dalam Perlembagaan Persekutuan kita walaupun dinyatakan tentang anak negeri Sabah dan di Sarawak ada dinyatakan dengan jelas kalau di Sarawak, siapa itu *native*, kalau di Sarawak oleh Perlembagaan Persekutuan, tetapi kalau di negeri Sabah, ia tidak berapa jelas dan tidak dinyatakan, siapakah yang dikatakan *native* atau pun anak negeri tersebut.

Satu lagi perkara dalam Perlembagaan Persekutuan, dalam definisi “bumiputera”. Tidak ada definisi “bumiputera” dalam Perlembagaan Persekutuan kecuali yang didefinisikan cumalah Melayu, Melayu telah didefinisikan dengan begitu terperinci, tetapi seperti mana yang kita maklum, Melayu itu tetap bumiputera tetapi bumiputera itu tidak semestinya Melayu. Ini sebab banyak juga orang-orang

yang bukan Melayu tetapi bumiputera. Dia bumiputera sebab dia anak negeri... Ya Yang Berhormat bagi Kinabatangan, silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya sependapat dengan Yang Berhormat. Saya keliru di Sabah, sebab ada *native*, ada bumiputera. *Native* ini bermaknanya orang tempatan yang lahir dan orang yang betul-betul definisinya di Sabah. Malangnya, Unit Hal Ehwal Bumiputera di Sabah mempunyai kuasa pula iaitu seperti orang dari luar pun yang tidak pandai cakap bahasa Melayu boleh dapat sijil semata-mata untuk mendapat tanah, orang Cina, orang India, orang dari luar.

Jadi apa Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa supaya memberhentikan aktiviti seumpama ini mereka membayar RM200, RM300 dan menjadi *native*. Dan ini mungkin boleh mencetuskan keadaan yang merugikan yang mana tanah seharusnya menjadi milik *native* atau bumiputera itu telah dipindah milik kepada orang lain hanya berlandaskan sijil bumiputera tersebut.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya soal apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi suatu ketika dahulu di Sabah ini kita ada apa yang dikatakan Sijil Anak Negeri. Maknanya kalau orang itu dia kahwin campur, *native* dengan bukan *native*, anak dia boleh mendapatkan Sijil Anak Negeri, tetapi oleh kerana suatu ketika dulu ada masalah pengeluaran sijil-sijil anak negeri ini sudah dibekukan, dan ini pun menjadi satu masalah besar di negeri Sabah sebab memanglah di Sabah ini banyak kahwin campur.

Itu salah satu elemen yang menjadikan rakyat Sabah itu harmoni tetapi sehingga ke hari ini, ia menjadi masalah sebab yang saya nyatakan lebih awal tadi iaitu soal takrifan *native* itu belum lagi diperkemas dan belum diperhalusi. Soal ini, pihak kementerian hendaklah membawa kepada Kerajaan Negeri Sabah, bincang bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah sebab ini ada kesan nanti dalam soal takrifan dalam rang undang-undang yang kita bentangkan ini. Sebab jika kita lihat pemilik-pemilik tanah di Labuan, bukan orang-orang Labuan sahaja. Ada juga rakyat Sabah yang mempunyai tanah di Labuan dan barangkali ada juga orang yang mempunyai Sijil Anak Negeri ini. Jadi apabila dia mempunyai Sijil Anak Negeri bagaimana pula nanti rang undang-undang ini boleh menangani dalam hal itu?

Saya kembali kepada hal takrifan bumiputera tadi dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah amat serius kerana sepertimana yang saya katakan tadi, kita mempunyai definisi ataupun takrifan siapa itu Melayu. Melayu itu memang bumiputera tetapi bumiputera tidak semestinya Melayu. Saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya pihak kerajaan mempertimbangkan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk mendefinisikan siapa sebenarnya bumiputera ini. Siapakah sebenarnya, sebab di sinilah banyak kekeliruan timbul.

Apatah lagi pada hari ini sepertimana yang kita sering bangkitkan di Dewan yang mulia ini di mana ada rakyat yang telah mendapatkan kewarganegaraan secara mencurigakan, mendapat IC dan sebagainya. Sebenarnya orang-orang ini kalau kita melihat secara penglihatan sebagai contoh,

seorang rakyat daripada Filipina sudah lama di Sabah dan dia mengaku yang dia itu warganegara tetapi kalau secara penglihatan, *very simple* penglihatan saya, boleh lihat BCG *mark* ataupun parut BCG dia, lain daripada Malaysia sebab kita ada lebih sedikit *advance* sebagaimana yang saya difahamkan. Kita boleh lihat parutnya berbeza dengan kita.

Baru-baru ini, saya bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Sepanggar kita melawat pelarian di Pusat Penempatan Pelarian Filipina di Telipok. Seseorang yang mendakwa bahawa dia itu penasihat dan ketua di situ mengatakan bahawa beliau berumur 37 tahun dan kononnya dia dilahirkan di Pulau Banggi dan kononnya dia itu adalah generasi kedua pelarian Filipina. Dia mengaku dan mengatakan kepada kami bahawa bapanya memang pelarian perang Filipina dan beliau mengatakan, "...Tetapi saya ini sudah warganegara sebab saya ini *second generation*."

Bagaimana dia dapat kewarganegaraannya tidak dinyatakan. Pusat Penempatan Pelarian Perang Filipina di Telipok itu berumur 29 tahun, diwujudkan pada tahun 1979 tapi kawan itu sudah berumur 37 tahun. Hal-hal seperti inilah kita rasa curiga dan yang lebih kita kluatir dan sangsi ialah apabila beliau mengatakan bahawa saya adalah salah satu daripada penasihat Pasukan Petugas Khas Persekutuan di negeri Sabah. Dia mengatakan, banyak perkara yang telah dibangkitkan berhubung dengan Pusat Penempatan Pelarian Perang Filipina di Sabah adalah tidak betul. Akhbar mengatakan ada syabu, soal kesihatan dan sebagainya. Beliau mengatakan ini semua tidak betul oleh media itu, tapi keesokan harinya, apabila lawatan kami diberi liputan oleh akhbar, saya telah menerima banyak panggilan termasuklah orang-orang di Telipok dan ramai yang mengaku serta mengatakan, "Saya boleh jadi saksi bagaimana keadaan di sana dalam soal pengedaran syabu, dalam pelbagai permasalahan maksiat, perjudian, pelacuran dan sebagainya di tempat itu."

Tuan Yang di-Pertua kita tidak boleh nafikan, kalau kita mahu menafikan bahawa kesemua warganegara di Sabah itu semua pun telah diberikan melalui perundangan teratur, tersusun dan sebagainya, saya ingat saya tidak boleh menerima kenyataan itu. Sememangnya ada perkara-perkara yang perlu diselesaikan tentang soal kewarganegaraan. Bagaimana perkara itu diberikan, soal-soal dokumen kad pengenalan dan sebagainya.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, takrifan bumiputera ini amat penting sebab soal bumiputera dan bukan bumiputera adalah di antara pokok sebagai salah satu daripada faktor pengagihan pelbagai peluang di negara ini sama ada dari segi ekonomi, pendidikan dan pelbagai hal. Dalam kes rang undang-undang ini, soal harta yang amat penting iaitu tanah. Jika sekiranya kita tidak mentakrifkan dengan betul dan kita tidak jadikan ia dalam undang-undang termasuklah dalam Perlembagaan Persekutuan dan pelbagai ordinan di negeri Sabah, saya ingat itu boleh memudaratkan.

Ini Yang Berhormat bagi Kota Belud pun tengok saya. Dulu dia sebenarnya pengerusi jawatankuasa di Sabah dalam soal takrifan ini tapi sehingga hari ini belum selesai dan ini amat penting, tetapi mudah-mudahan nanti perkara itu boleh ditangani oleh pihak kerajaan negeri tetapi untuk pihak Kerajaan Persekutuan, cadangan saya tadi dalam soal itu. Dua perkara iaitu satu, takrifan bumiputera. Kita ingin melihat itu dalam Perlembagaan Persekutuan. Yang kedua ialah soal

anak negeri sebab pelbagai perkataan. Di negeri Sabah, kita biasa dengan nama anak negeri. Di dalam Perlembagaan Persekutuan, saya tidak berapa ingat tapi digunakan perkataan "*native*" kalau tidak silap saya. Apakah beza di antara *native* ini dengan anak negeri?

Kemudian di sini juga tidak berapa jelas. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian dan pihak kerajaan soal anak negeri Labuan ataupun *native* Labuan. Sebab kalau kita lihat, sebenarnya ramai daripada anak negeri ataupun bumiputera di Labuan itu dia ulang-alik. Dia tinggal di Kuala Penyu, dia tinggal di Kota Kinabalu dan sebagainya, tetapi dia juga memiliki tanah di Labuan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu yang amat penting, apabila nanti kita menentukan kedudukan seseorang anak negeri itu, kita perlukan di sesebuah kampung atau di sesebuah permukiman di Labuan barangkali, ada institusi yang berkuasa untuk mentakrifkan siapa anak negeri dan siapa yang tidak ataupun sekurang-kurangnya memberi *attestation* ataupun pengesahan.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan supaya setelah rang undang-undang ini diluluskan dan berkuat kuasa nanti, saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan juga Mahkamah Anak Negeri di Labuan. Di negeri Sabah ini, kita mempunyai Mahkamah Anak Negeri iaitu mahkamah yang ketiga kalau dalam sistem kehakiman di negara ini, kita ada Mahkamah Sivil dan kita ada Mahkamah Syariah. Kalau di Sabah, kita juga ada Mahkamah Anak Negeri. Mahkamah Anak Negeri di negeri Sabah sudah sekian lama dibangunkan. Walaupun ada pihak-pihak tertentu yang mempersoalkan tentang perjalanan Mahkamah Anak Negeri ini, tetapi sudah mempunyai banyak kes walaupun ia sudah dibawa ke mahkamah yang paling tinggi di negara ini dan sudah pun diperakui bahawa Mahkamah Anak Negeri ini adalah satu mahkamah yang memang pun berkuasa dan kuasa-kuasa Mahkamah Anak Negeri boleh diterima pakai.

Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan supaya di Labuan ini diwujudkan Mahkamah Anak Negeri untuk membolehkan nanti pelantikan ketua daerah, ketua anak negeri, wakil ketua anak negeri, ketua kampung dan sebagainya, sebab tanpa institusi ini, siapa nanti yang akan menentukan, siapa nanti yang akan mengesahkan persoalan-persoalan yang bersangkutan-paut dengan anak negeri?

Dalam kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Mahkamah Anak Negeri di negeri Sabah juga mempunyai kuasa dalam soal perkahwinan. Dia boleh melahirkan satu sijil perkahwinan yang dipanggil Surat Berian tetapi malang sekali Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang pihak Jabatan Pendaftaran Negara tidak mengiktiraf sijil-sijil ini ataupun dikatakan Surat Berian ini sebab bukan semua orang mendaftarkan perkahwinan mereka di Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk ataupun di Mahkamah Sivil ataupun di Mahkamah Syariah.

Saya sendiri pun dikahwinkan di Mahkamah Anak Negeri dan Surat Berian saya mengikut Mahkamah Anak Negeri di negeri Sabah tetapi apabila nanti kita mendaftarkan anak-anak kita di Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan Surat Beranak, kad pengenalan dan sebagainya, masalah akan timbul apabila pihak Jabatan Pendaftaran Negara tidak mengiktiraf terutama sekali

pegawai-pegawai yang tidak memahami dan tidak mengetahui kewujudan institusi ini di negeri Sabah terutama sekali pegawai-pegawai daripada luar negeri Sabah yang menjalankan tugas-tugas di Sabah. Saya telah menerima aduan daripada beberapa rakan di negeri Sabah yang menghadapi masalah ini. Masalahnya apabila diminta untuk mengeluarkan sijil perkahwinan mereka mengeluarkan sijil perkahwinan dari mahkamah negeri dan mereka mengatakan ini tidak diiktiraf, kami tidak tahu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, terima kasih, akan digulungkan. Jadi dalam hal ini saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan juga mengambil iktibar untuk mewujudkan mahkamah ini sebab dia akan memberi manfaat banyak kepada Labuan makna dia apa yang ada negeri Sabah itu harus di adakan di Labuan sebab jika tidak banyak permasalahan yang timbul dari segi gejala sosial dan sebagainya. Rakyat Labuan pun sudah sekian lama serasi dengan apa yang berlaku di negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, sudah sekian lama Labuan ini dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan barulah ini dibuat. Saya mengucapkan tahniah walaupun sudah lambat sedikit sepatutnya ini dibuat lebih awal.

Saya lihat dari segi niat, rang undang-undang ini telah dibentangkan setelah melihat dari segi nilai tanah dan sebagainya dan perlu didaftarkan di Labuan. Walau bagaimanapun tahniah di ucapkan kepada pihak kementerian kerana buat rang undang-undang ini dan sekali lagi saya ingin mencadangkan perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi iaitu wujudkan Mahkamah Anak Negeri di Labuan dan kalau dibentangkan lagi di Dewan ini kita Ahli-ahli Parlimen dari negeri Sabah akan menyokong dan pindahkan Perlembagaan Persekutuan dalam soal definisi bumiputera yang kita lihat amat penting sebab inilah yang kita ungkit-ungkit.

Kita ada dasar ekonomi baru dan sebagainya untuk bumiputera tetapi soal definisi bumiputera tidak dijelaskan supaya kita dapat memantau di mana pencapaian bumiputera dan pelbagai jenis bumiputera dalam soal pengagihan kekayaan dan pelbagai peluang di negara ini. Saya ingin menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan.

3.02 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin turut berbahas untuk menyokong cadangan Undang-undang Anak Negeri Labuan. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah, syabas kepada pihak kementerian kerana rakyat dari golongan anak-anak negeri di kawasan Labuan sudah agak lama tertunggu-tunggu akta seperti ini diwujudkan. Saya juga turut bergembira kerana masalah ini saya harap dapat membuat satu impak kepada komuniti golongan orang-orang *native* siapakah yang dikatakan *native* di sini sebagai anak negeri.

Sebagai bekas pegawai kerajaan yang telah mengendalikan beberapa peranan dalam pengurusan hal ehwal tanah negeri Sabah ini, saya tertarik kepada beberapa akta baru yang dicadangkan di sini iaitu terutama sekali pemindahan hak milik tanah ini dianggap sebagai anak

negeri Sabah. Kita harus tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun kita gembira mendapat kewujudan akta ini tetapi kita harus melihat dengan definisi-definisi perkataan *native* itu sendiri yang diguna pakai di sini sebagai anak negeri. Kalau kita lihat definisi *native* di Perlembagaan kita agak berlainan sedikit dan *Sabah Interpretation Ordinance* dan *Sabah Land Ordinance*. Kalau kita lihat *native* itu sendiri *native* itu adalah orang dan kalau kita lihat Fasal 18 hingga Fasal 21, seolah-olah ini bangunan pun menjadi *native*.

Bayangkan kalau meja itu dianggap *native* ini tidak menjadi logik bagi saya. Perbadanan Labuan dianggap orang, institusi yang Berhad dijadikan orang. Jadi saya harap Yang Berhormat nanti tengok perkara ini, ia agak bercanggah. Kita harus membuat satu proviso yang menyatakan yang membuat satu *explanation* atau penjelasan, yang akta ini yang mendefinisikan *native* itu sekian, sekian bukan yang kita faham ini tidak ada. Kalau kita tengok erti anak negeri di sini... [*Merujuk kepada rang undang-undang yang dibentangkan*] Tidak begitu jelas Yang Berhormat. Jadi ini kita tidak mahu kekeliruan pada masa akan datang nanti. Saya sokong saranan sahabat saya Yang Berhormat bagi Tuaran bahawa masalah golongan *native* ini yang saya anggap orang, manusia, bukan meja, bukan kereta dan bukan Perbadanan Labuan kerana terdapat juga orang-orang ini yang beragama Islam dan *native* yang bukan beragama Islam.

Kita tidak mahu lihat adat istiadat yang telah dipegang semenjak ia wujud di dalam dunia ini telah mengamalkan adat istiadat *native* yang bukan Islam ini. Adat istiadat ini telah diiktiraf oleh pihak British. Apabila *North Borneo Company* memerintah di kawasan wilayah ini. Kalau kita lihat ini sudah macam digugurkan maka rakyat *native* yang bukan menetap di Labuan ini menganggap kita sebagai *new colonization* yang juga mengancam untuk membuang adat istiadat itu. Oleh sebab itu saya bercadang supaya pewujudan Mahkamah Anak Negeri di Labuan diadakan kalau boleh secepat yang mungkin.

Mungkin ini kita sudah membuat satu langkah mewujudkan satu akta bagi melihat hal ehwal pemilikan tanah-tanah *native* di Labuan dan ada lagi perkara-perkara yang harus kita tangani. Jadi saya harap walaupun kita ada akta yang baru ini untuk mengurus pemilikan, pemindahan dan pemajakan tanah-tanah *native* di Labuan kita harus juga melihat penggunaan Ordinan Tanah jika masih diguna pakai di Labuan dan juga ...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan bangun, Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...Dan juga Ordinan Tanah di Semenanjung diperjelaskan dengan sejelas-jelasnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat, walaupun saya dan rakan-rakan saya bukan dari Labuan tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, mengapa kita perlukan satu akta sebegini? Saya tidak fahamlah sebab saya dengar semua anak-anak Sabah menyokong perkara ini. Dan di sini... [*Membaca rang undang-undang yang dibentangkan*] “..Restriction on a

native holding from being transferred or otherwise disposed to a non native". Mengapa dia perlu? Jadi orang dari Semenanjung tidak boleh pergi ke sana untuk membeli tanah-tanah itu dan bukannya setelah diwartakan maka *value of the property*, nilai tanah-tanah di Labuan tidak boleh *appreciate* seperti di tempat-tempat yang lain. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bagan.

Masalah pembangkang ini, mungkin dia tidur tadi, dia tidak dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia sudah perelaskan rasional kenapa undang-undang ini diwujudkan. Jadi saya tidak menjawab sebab sudah dijelaskan kenapa undang-undang ini diberi. Memang kita sokong yang ini diwujudkan kerana kalau kita lihat, Yang Berhormat bagi Bagan, *native title* di Sabah ini banyak dia punya *resection*. Ini hanya untuk pertanian dan akta ini di Labuan, ini bagus. Kita pun mengubah juga undang-undang kita di negeri Sabah. Kita sudah lama tetapi belum selesai lagi. Jadi inilah yang kita tunggu-tunggu.

Di Labuan sudah pun mulai bahawa tanah milik *native* ini dibolehkan untuk dibangunkan untuk pembangunan yang lain selain daripada pertanian dan boleh dipecahkan dengan *subdivision* yang tidak mengehadkan terlalu ketat pemilikan ini. Soal pemilikan orang daripada luar ini memang keistimewaan yang kita telah warisi pada waktu British dahulu dan harus kita jangan persoalkan lagi. Kerana itu, apabila kita menubuhkan satu negara Malaysia, ini satu daripada hak yang kita sudah persetujui. Jadi hal yang Yang Berhormat bagi Bagan timbulkan tadi itu, tidak perlulah kita jelaskan lagi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut soal masyarakat yang *native*. Saya memilih perkataan *native*, walaupun ia bermakna sama dengan anak negeri. Saya memang selalu ke Labuan kerana saya di *assign* kan beberapa tugas di kawasan-kawasan yang adanya penduduk-penduduk *native* yang bukan Islam dan saya telah mendengar luahan-luahan, rintihan-rintihan daripada masyarakat ini kerana tiada pemimpin yang diiktiraf, yang dilantik untuk menjaga ataupun mengurus hal istiadat golongan-golongan yang bermastautin di Labuan.

Jadi saya harap Yang Berhormat, apabila undang-undang ini diwujudkan, maka saya juga bercadang supaya satu institusi seperti Mahkamah Anak Negeri di wujudkan di Labuan dan dikenal pasti ketua kaum terutama sekali dalam golongan yang *native*, yang bukan Islam kerana adat istiadat mereka itu masih wujud dan haruslah kita kekalkan dan diberi penghormatan kerana ini kalau orang dari luar menghormati adat istiadat itu, maka tiada sebabnya kalau kita langsung tidak mempedulikan adat istiadat orang yang bukan Islam di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, Yang Berhormat. Gulung, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, mahu gulung. Ada satu perkara lagi, manakala yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran juga. Ini satu daripada permintaan daripada penduduk-penduduk golongan ini di Labuan bahawa pegawai-pegawai yang faham dengan adat istiadat itu patut diadakan di Labuan juga walaupun belum lagi ada institusi

Mahkamah Anak Negeri di Labuan termasuk juga saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun sokong permohonan ini. Sekian, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sepanggar. Selepas itu kementerian menjawab. Ringkaskan, Yang Berhormat ya.

3.14 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih oleh kerana enakmen ini digubal dan khasnya bagi Labuan tentu sekali ini sangatlah berfaedah bagi anak negeri Labuan. Saya menyentuh mengenai anak negeri ini dan saya tidak menyentuh mengenai *native* oleh kerana *native* dan anak negeri ini berlainan.

Oleh kerana sepanjang perjuangan saya di Mahkamah Anak Negeri selama 17 tahun sebelum saya dicalonkan sebagai MP, saya memang tahu sedikit mengenai peranan Mahkamah Anak Negeri dan juga mengenai tafsiran “anak negeri” ini. Dalam tafsiran anak negeri, ia merupakan rakyat atau penduduk-penduduk di persekitaran Kepulauan Borneo dan juga Kepulauan Indonesia, dan *Malaya Archipelago* dan juga Filipina, tetapi oleh kerana masalah tafsiran itu, maka pada ketika ini, saya rasa Kerajaan Negeri Sabah sedang menggubal balik tafsiran anak negeri ini.

Maka itu sebab saya rasa sekiranya Labuan ini hendak ditakrif juga sebagai anak negeri, tentu sekali ia haruslah bersama-sama dengan rakyat di Sabah sebagai tafsiran anak negeri ini tetap diwujudkan dan bukan berbeza dengan tafsiran anak negeri di Sabah. Tafsiran anak negeri di Sabah ini memang kita tahu bahawa ada juga yang dapat ditafsirkan sebagai anak negeri dengan melalui undang-undang negeri yang mana akan diputuskan oleh Mahkamah Anak Negeri.

Maka itu sebab saya rasa, bagi rakyat Labuan untuk ditafsirkan sebagai anak negeri, tentu sekali ada institusi-institusi seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Putatan dan juga Yang Berhormat bagi Tuaran di mana institusi Mahkamah Anak Negerilah yang satu-satunya institusi yang boleh mentafsirkan anak negeri itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, isu itu sudah 3 orang bercakap isu yang sama, Yang Berhormat.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Saya juga ingin menyentuh mengenai Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1990 di mana ini ada butiran-butiran di mana Mahkamah Anak Negeri dapat memutuskan tuntutan-tuntutan hak asasi, tuntutan-tuntutan pusaka anak negeri. Ini tidak ada disebutkan dalam enakmen ini yang akan kita putuskan ini. Tuntutan pusaka, tuntutan pencarian anak negeri, ini semua tidak disebutkan di sini.

Yang ada disebutkan di sini ialah kuasa pendaftar, walhal di Sabah dan juga kita minta supaya di Labuan juga, kuasa itu haruslah ditentukan oleh Mahkamah Anak Negeri yang memegang adat istiadat oleh kerana penentuan pembahagian harta itu adalah keputusan Mahkamah Anak Negeri dahulu, dari dahulu hinggalah sekarang. Keputusan pembahagian harta-harta itu adalah tercatat dalam Jadual III Mahkamah Anak Negeri di mana proses Mahkamah Anak Negeri itu akan dijalankan mengikut proses-proses mahkamah.

Maka itu sebab saya rasa penting, bahawa sebelum kita dapat menjalankan penguatkuasaan pendaftar ini, haruslah juga kita selidik mengenai kuasa-kuasa pembahagian yang dijatuhkan oleh Mahkamah Anak Negeri di Sabah ini. Oleh kerana dahulunya memang Labuan ini juga di bawah Mahkamah Anak Negeri Labuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, Yang Berhormat ya.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya mohon penjelasan mengenai *title* nanti. Oleh kerana pada ketika ini tanah-tanah yang dimiliki oleh anak negeri ini mempunyai *title*, gerannya NT dan FR, *native title* ataupun *field register*. Sama ada *title* ini masih wujud ataupun nak diubah oleh kerana kalau kita gunakan NT *title* ataupun FR itu terkandung dalam Ordinan Tanah Anak Negeri. Maka itu sebab saya rasa penting supaya kita buat penjelasan supaya ini tidak terkeliru mengenai *title-title* ataupun geran-geran yang dikeluarkan di negeri Sabah. Dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya jemput Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.21 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu tiga Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini yang terdiri daripada Yang Berhormat bagi Tuaran, Yang Berhormat bagi Putatan dan Yang Berhormat bagi Sepanggar. Saya mengucapkan terima kasih juga di atas sokongan berkaitan dengan rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya telah sebutkan tadi.

Berkaitan dengan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat tadi, saya rasa berbanggalah kerana dengan pandangan-pandangan itu, maka pihak Kementerian akan mengambil perhatian dan akan melihat sejauh mana pandangan-pandangan itu boleh pihak kementerian mengubahsuai dengan keadaannya. Sebelum saya menyentuh berkaitan dengan takrifan, saya ingin menyentuh berkaitan dengan perwujudan institusi Mahkamah Anak Negeri yang mana telah disebutkan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat tadi bahawa sebenarnya institusi Mahkamah Anak Negeri ini memang dah ada wujud di Labuan ini.

Banyak kes-kes telah diputuskan sama ada daripada hal ehwal tanah anak negeri dan termasuk dengan hal ehwal adat-adat anak negeri telah diuruskan oleh Mahkamah Anak Negeri ini. Jadi mungkin Yang Berhormat tidak mengetahuilah bahawa sebenarnya memang dah ada dan penjawat jawatan bagi Mahkamah Anak Negeri ini adalah dipegang oleh anak negeri daripada Labuan sendiri. Banyak kes-kes telah diselesaikan oleh mahkamah ini.

Jadi Yang Berhormat jangan risaulah. Mereka ini mempunyai pengalaman dan banyak kes-kes yang telah diselesaikan. Kalau Yang Berhormat ada masalah berkaitan dengan pemegang tanah hak anak negeri di Labuan ini tak ada masalah untuk diselesaikan. Seterusnya berkaitan dengan pentakrifan anak negeri. Mengikut daripada rang undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini

bahawa pentakrifan ini merujuk kembali kepada, dengan izin, *Interpretation Definition of Native Ordinance*. Dalam Akta *Interpretation Definition of Native Ordinance* ini (Sabah) (64) ya. Yang mana ada menyatakan siapa dia Anak Negeri ini...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam pentakrifan ini, adakah perlu pihak Dewan Undangan Negeri Sabah membuat perakuan ataupun pindaan tertentu dalam Ordinan Takrif Anak Negeri Sabah supaya ordinan itu boleh digunakan untuk maksud rang undang-undang ini atau apakah pihak kementerian sudah mengambil kira dalam hal itu? Apakah dalam Ordinan Taksiran itu, sudah diambil kira kepenggunaannya oleh rang undang-undang ini? Saya mohon penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat. Kita kena lihat daripada segi sumber dahululah apabila kita menggunakan bab Bahagian IV, Ordinan Tanah di Sabah dahulu yang mana mengikut peruntukan di bawah bab Bahagian IV itu yang merujuk berkaitan dengan *definition* Anak Negeri ini, ialah kepada akta, *Interpretation Definition of Native*. Jadi oleh kerana itu apabila rang undang-undang ini dirangka, pentakrifan itu masih kita menggunakan pentakrifan seperti terpakai di dalam *Interpretation Definition of Native Ordinance* ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat,

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Jadi memang apa seperti mana Yang Berhormat membahaskan tadi bahawa di antara *definition* ini masih tidak begitu jelas. Jadi, dalam masalah ini, pihak kementerian, saya percaya pihak berkuasa negeri Sabah sedang meneliti berkaitan dengan pentakrifan definisi Anak Negeri ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, nak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Jadi, pihak kementerian akan berbincang, akan menyelaraskan dengan pihak berkuasa kerajaan negeri Sabah nanti berkaitan dengan definisi Anak Negeri ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat yang memang sungguh prihatinlah soal ini, definisi. Kalau Yang Berhormat sedar bahawa interpretasi *native* itu masih diguna pakai, sedarkah Yang Berhormat bahawa perkataan itu *native* merujuk, *referring to an individual, a person* dengan izin. Manusia yang bergerak, yang jalan kaki dalam definisi itu. Adakah kalau mengikut seksyen 20 ini, kita boleh pindah milik kepada perbadanan, koperasi, institusi dan apa-apa sahaja pertubuhan termasuk individu yang bukan digalakkan yang bukan dianggap sebagai seorang *native* kalau kita lihat dalam seksyen 20 ini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Apa yang saya ingin nyatakan di sini, kita jangan kelirulah di antara *definition* atau Anak Negeri ini dengan apa yang termaktub dalam seksyen 18. Seksyen 18 ini adalah berkaitan dengan siapa yang boleh memegang pajakan?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Seksyen 20.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Begitu juga di bawah seksyen 20 di mana pegangan boleh juga dipindah milik kepada badan berkanun. Badan berkanun ini daripada segi undang-undang is a *legal person*. Dari segi undang-undang is a *legal person, is just like* syarikat. *It is a legal person. It has* dengan izin, entiti *but itself*. Jadi, bagi memudahkan terutamanya dalam proses pemindahan, oleh kerana di Labuan ini, pihak yang berkuasa di Labuan adalah Perbadanan Labuan. Jadi itu sebab di bawah Akta ini, membolehkan Perbadanan Labuan, *which is a legal person* dengan izin, boleh memegang ataupun tanah anak negeri ini dipindahkan kepada Perbadanan ini.

Begitu juga kalau dalam proses mencagarkan. Ia boleh dicagarkan kepada institusi-institusi kewangan yang mana institusi kewangan ini adalah merupakan *legal person* juga yang mempunyai entiti sendiri. Jadi ia tidak ada masalah. Berlainan dengan apa yang ditakrifkan di bawah *definition* seksyen 2 ini. *Definition* seksyen 2 ini adalah melibatkan kepada perkara *natural person*, dengan izin.

Jadi bila melibatkan *natural person*, bahawa definisinya adalah khusus seperti ternyata dalam seksyen 2 yang mana rang undang-undang ini merujuk kepada *Interpretation Act* kepada seksyen 2, *interpretation of definition of native* ini, yang mana dari segi ciri-ciri anak negeri ini, yang didefinisikan di bawah akta interpretasi ini adalah merangkumi mana-mana orang yang kedua-dua ibu bapa atau keturunan dari masyarakat Orang Asli Sabah. Juga mana-mana orang secara biasa bermastautin di Sabah dan tinggal bersama masyarakat anak negeri. Salah satu daripadanya seorang ibu bapanya atau neneknya, moyangnya anak negeri dengan makna seperti di perenggan atas tadi.

Jadi, dalam mentakrifkan peruntukan ini bahawa Mahkamah Anak Negeri juga, boleh memberi pentakrifan berkaitan dengan menetapkan atau memberi keputusan berkaitan dengan pentakrifan ini juga...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat menyatakan tentang kewujudan Mahkamah Negeri di Labuan dan juga adanya pegawai-pegawai dilantik. Pegawai daerah, pegawai negeri dan sebagainya. Saya ingin bertanya, siapakah yang melantik orang-orang ini, institusi manakah? Apakah kita menggunakan Institusi Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Negeri Sabah, dan siapakah yang memberi elaun kepada pegawai-pegawai ini, Apabila ada perbicaraan di mahkamah negeri? Kalau kita lihat dalam Ordinan Mahkamah Negeri, ada proses *appeal*, rayuan. Kalau di Mahkamah Negeri, dia tidak boleh selesai, dia pergi ke DO, kalau di negeri Sabah, bagaimana pula di Labuan? Adakah ini termaktub dalam satu perundangan, pewujudan Mahkamah Negeri Labuan

ini? Apakah ini sudah dimaktubkan dalam satu perundangan ataupun bagaimanakah dia diwujudkan sebenarnya? Mohon penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Terima kasih. Sebenarnya pegawai-pegawai yang dilantik terutamanya pegawai yang menerajui Mahkamah Anak Negeri ini adalah dilantik oleh menteri yang bertanggung jawab. Jadi dalam konteks Wilayah Persekutuan ini bahawa Menteri Wilayah Persekutuan yang melantik pegawai Mahkamah Anak Negeri. Daripada segi..

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat ini mengelirukan sebab kita mempunyai ordinan di negeri Sabah. Ordinan Mahkamah Anak Negeri. Di situlah termaktub bagaimana Mahkamah Anak Negeri ditadbir, lantikan, pemberian elaun dan pelbagai lagi dalam soalan hierarki mahkamah. Ketua kampung, apa kuasa dia, ketua negeri, ketua daerah dan selepas itu pergi ke pegawai daerah. Kalau hal-hal biasanya, Yang Berhormat bagi Sepanggar boleh menjelaskan sebab dahulu dia ketua daerah bagi Kota Kinabalu.

Jadi, bagaimana nanti *appeal* dia dari segi proses. Kalau tidak ada satu undang-undang tubuh yang *regulate* Mahkamah Negeri di Labuan ini, saya tidak tahu macam mana dia? Kalau dilantik oleh menteri, di bawah kuasa mana dia melantik? Apakah ini dilantik di bawah Akta Perbadanan Labuan dan kalau dia di bawah Akta Perbadanan Labuan, bolehkah kita mengatakan bahawa ini adalah sebuah mahkamah? Sebab Mahkamah Negeri ini dia berdaulat, dia ada berkuasa satu institusi. Jadi ini persoalan saya tadi. Sebab itu saya mencadangkan tadi kalau belum ada tubuh undang-undang ini, kita buat. Sebab kalau tidak dibuat, ini boleh mengakibatkan banyak masalah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Sebenarnya pelantikan ini adalah di bawah *Ministerial Power Act*, yang mana memberi kuasa antara lain untuk bertanggung jawab berkaitan dengan Mahkamah Anak Negeri dan segala urusan pelantikan dan gajinya dibayar oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Ini ada undang-undangnya yang telah dibuat. Begitu juga dari segi pengurusan Mahkamah Anak Negeri ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sepanggar..

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ..Ada peraturan dan ada undang-undangnya yang telah digubal, yang telah wujud berkaitan dengan perjalanan Mahkamah Anak Negeri ini.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh mengenai Enakmen Mahkamah Anak Negeri. Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah tahun 1990 dan enakmen tambahan tahun 1992...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan ataupun hendak tambah ucapan?

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Saya minta penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Penjelasan. Oleh sebab dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1990 bagi Sabah dan tambahan Enakmen Mahkamah Anak Negeri (Tambahan) 1992, di situ cukup jelas, siapakah yang boleh mengetuai dan juga sebagai institusi

Mahkamah Anak Negeri ini, di mana Mahkamah Anak Negeri ini dari peringkat kampung hingga ke mahkamah anak negeri, adat istiadat itu akan sama ada tuntutan harta ataupun adat istiadat itu akan dikendalikan oleh seorang ketua daerah ataupun ketua anak negeri dengan satu orang ketua daerah dan dua ketua anak negeri. Sehingga kalau Mahkamah Anak Negeri itu pergi kepada Mahkamah Rayuan di mana Hakim Mahkamah Tinggi akan mengetuai dengan dua orang ketua daerah ataupun ketua anak negeri untuk penyelesaian.

Sekiranya rayuan itu masih tidak dapat dijalankan, maka Tuan Yang di-Pertua Negeri yang akan menentukan. So, ini yang saya minta penjelasan kerana kalau menteri yang mengambil alih semua peranan ini, bagaimana pula perjalanan mahkamah itu akan dijalankan sedangkan Mahkamah Anak Negeri ini adalah satu institusi mahkamah yang tersendiri?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam soal undang-undang ini Yang Berhormat, kita jangan keliru. Dalam proses undang-undang ini, iaitu Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan yang akan mempunyai kuasa ialah mahkamah tinggi iaitu Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah dan bukan Mahkamah Anak Negeri berkaitan dengan urusan undang-undang ini. Tadi saya menyentuh berkaitan dengan Mahkamah Anak Negeri bahawa daripada Yang Berhormat bagi Tuaran, menyatakan seolah-olah Mahkamah Anak Negeri Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak minta penjelasan kah, ya?

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Mahkamah Anak Negeri adalah satu institut tersendiri serupa dengan Mahkamah-mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil jadi bagaimana pula Mahkamah Tinggi boleh ambil alih sedangkan dia adalah satu mahkamah yang tersendiri dan tidak ada kait mengait dengan Mahkamah Sivil. Hanya bila rayuan itu tidak dapat diselesaikan maka Mahkamah Anak Negeri yang dinamakan sebagai Mahkamah Rayuan Anak Negeri yang di ketuai oleh hakim Mahkamah Tinggi.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat. Di sini apa yang termaktub dalam rang undang-undang ini jika ada pertelingkahan berkaitan dengan apa jua yang bertentangan bahawa ia akan diputuskan oleh Mahkamah Sivil. Jadi berkaitan dengan urusan Mahkamah Anak Negeri tadi adalah urusan dengan pusaka, dengan urusan budaya dan adat-adat dan sebagainya. Jadi itu yang apa itu...

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, disebabkan harta itu akan dituntut oleh sesiapa yang akan menuntut ada hak menuntut dan pembahagian itu akan ditentukan oleh Mahkamah Anak Negeri. Mahkamah Anak Negeri ada tiga peringkat. Mahkamah Anak Negeri, Mahkamah Anak Negeri Daerah dan Mahkamah Anak Negeri Rayuan. Mahkamah Anak Negeri yang akan menentukan sekiranya Mahkamah Anak Negeri punya keputusan masih dipertikaikan baru dia hantar ke Mahkamah Daerah yang diketuai oleh pegawai daerah dan diapit oleh dua ketua daerah. Selepas itu sekiranya Mahkamah Rayuan Daerah ini keputusannya itu masih diragui baru dia hantar balik ke Mahkamah Rayuan Anak Negeri iaitu diketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Jadi sebenarnya ini bukan dalam Mahkamah Sivil.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Beritahu sahajalah bawa pergi ke kementerian untuk kaji semula.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat. Bagaimanapun pihak kementerian akan memberi jawapan yang bertulis kepada Yang Berhormat yang lebih terperinci.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta jalan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini rakyat yang dengar saya bersuara ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana rakyat dengar sekarang?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dia suruh saya bawa perkara ini sebab dia minta penjelasan. Saya harap Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat tadi sudah berucap tadi betul?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sudah berucap tapi minta penjelasan, sebab penjelasan tadi tidak begitu memuaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sekarang ini jawab jadi...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya minta penjelasan sedikit. Soal dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran hendak jawab ke?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bukan ini satu perkara yang amat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat sekarang siapa yang hendak berucap. Hendak minta penjelasan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *My floor sir... [Ketawa]* Soal dengan *natural person* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, saya hairan kerana apabila *natural person* ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat dalam konteks akta ini tidak ada kena mengena sebab tidak ada *explanation* dalam akta ini dengan *natural person*. Jadi saya harap Yang Berhormat memberi penjelasan yang secukupnya supaya ini tidak dapat kekeliruan. Jadi saya minta penjelasan, apakah yang dikatakan dalam seksyen 20(2) itu sekurang-kurangnya dua per tiga daripada anggotanya hendaklah merupakan anak negeri. Jadi kalau kita tengok Amanah Raya Berhad ini saya terkeliru sedikitlah Yang Berhormat kerana ini tidak mendapat kuantum sebagai mana yang ditakrifkan dalam seksyen 20(2) ini, minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Seksyen 20 ini adalah berkaitan dengan pemindahan hak milik kepada badan berkanun, koperasi atau pun pertubuhan sebagaimana yang tersebut dalam Jadual 3. Jadi badan yang mentadbir adalah manusia iaitu ada lembaganya. So, di antara lembaganya itu sebab dipastikan supaya tidak kurang daripada beberapa orang adalah dari kalangan anak negeri. Itu yang dimaksudkan di dalam peruntukan 20 ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bercanggah Yang Berhormat, bercanggah. Amanah Raya Berhad bercanggah dengan seksyen 20.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Amanah Raya hanya boleh..

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tiada dua per tiga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini tidak layak untuk seksyen 23.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Seksyen 21.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya. yang Berhormat kalau kita tengok seksyen 21 ini, Amanah Raya Berhad ini tidak layak bagi seksyen 20(2).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bukankah semua ini telah dibahaskan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat tadi? Dan sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang jawab, jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah semua ini akan terjawab oleh kerana Yang Berhormat baru bermula memberikan jawapan. Adakah semua ini akan ada dalam jawapan Yang Berhormat nanti? Kalau ada saya cadangkan Yang Berhormat teruskan jawapan kalau apa yang tidak terang perlu ditanyakan baru benarkan mereka minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Apa yang telah ditanya oleh pihak Yang Berhormat telah saya perelaskan. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Telah dijawab. Jadi adakah apa Yang Berhormat hendak tambah?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya rasa setakat ini sahajalah yang apa ini...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, ini penting sebab ini untuk kepentingan. Kita ini bertanggungjawab, kita yang meluluskan. Jadi saya ingin mencadangkan supaya rang undang-undang ini, ya walaupun kita sokong begini tapi ini satu pengajaran. Apabila pihak yang menerap undang-undang ini, dia tidak rujuk kepada pihak kerajaan negeri. Saya mohon supaya ini rujuklah dengan Kementerian Kerajaan Tempatan Negeri Sabah. Kita ada Majlis Hal Ehwal Anak Negeri. Kita mahu pastikan supaya apa-apa yang dikatakan di sini terpakai nanti esok ada pihak-pihak yang melawan seolah-olah kita ini tidak bertanggungjawab. Itu yang kita persoalkan di sini. Itu yang kita persoalkan jadi saya mohon supaya pihak kementerian nanti berbincang supaya mana-mana yang tidak selaras itu diselaraskanlah nanti jadi masalah, itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah memberitahu kepada pihak Yang Berhormat sebentar tadi bahawa mana-mana perkara yang masih meragukan seperti mana yang ditimbulkan bahawa pihak kementerian akan menyelaraskan dan berunding dengan pihak kerajaan negeri untuk memperincikan dan melicinkan perjalanan rang undang-undang ini. Telah saya jelaskan pada peringkat awal lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bererti Yang Berhormat telah jelaskan apa yang dikemukakan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Di timbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tuan. Jadi saya rasa setakat ini sahaja yang saya dapat jelaskan. Dan mungkin kalau ada masalah-masalah lain yang tidak jelas pihak kementerian akan memberi secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tidak ada semasa bahas dahulu. Ini di paragraf 5. Dengan izin, "*Provisions as to memorials on documents of title...*" Dan juga paragraf 4.

Tuan Pengerusi, bila Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah niat untuk mengadakan satu rang undang-undang ini, dan semasa memberitahu itu, beliau juga mengatakan, ia ada berkaitan dengan *Natinonal Land Code*, undang-undang yang sedia ada berkaitan dengan tanah di negara ini. Soalan saya yang khusus adalah di beberapa negeri di *West Malaysia*, terdapat di mana situasi lebih daripada satu geran dikeluarkan oleh Pejabat Tanah. Ini adalah berkaitan dengan pihak-pihak dalaman, *Land Office* yang membuat geran-geran ini.

Soalan saya adalah bagaimana dengan mengadakan rang undang-undang ini, perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku. Ini kerana, sekarang dengan senangnya kita boleh pergi ke Pejabat Tanah dan jika ada satu *connection* berkaitan, kita boleh memperoleh geran tanpa undang-undang yang sedia ada dengan tidak ada *protection mechanism*. Bagaimana rang undang-undang ini akan memberi satu *confidence* kepada pemilik-pemilik bahawa geran-geran yang mereka ada ini adalah geran yang betul dan tidak akan diselewengkan? Bagaimana seksyen 4 dan 5 ini akan memberi satu *guarantee*?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, apabila akta ini mula berkuat kuasa, hak milik anak negeri akan didaftarkan sebagai pemegang anak negeri di dalam daftar Hak Milik Anak Negeri iaitu satu daftar yang baru akan diwujudkan untuk mendaftar segala hak-hak milik anak negeri ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah diberikan sekali tadi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang ini Fasal 1 hingga 27.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, saya ada fasal yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepatutnya tadi Yang Berhormat kemukakan sekali gus. Saya katakan Fasal-fasal 1 hingga 27.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, iaitu berkaitan dengan tanah-tanah kepada anak negeri ini. Adakah situasi di mana selepas rang undang-undang ini diimplementasikan, tanah-tanah ini walaupun ada sekatan-sekatan yang tertentu, tanah ini boleh ditukar milik kepada pihak-pihak yang bukan anak negeri. Ada apa-apa situasi?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Selepas akta ini dilaksanakan bahawa hanya anak negeri sahaja berhak memiliki tanah anak negeri ini.

Fasal-fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.57 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mendaftarkan pertubuhan belia, menggalak dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia dari aspek, penyelidikan, pendidikan dan pembangunan sumber manusia, untuk menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara, untuk menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan.

Dato' Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, sejarah kewujudan organisasi kerajaan yang bertanggungjawab mengenai pembangunan belia di negara ini bermula pada tahun 1964 apabila tertubuhnya Kementerian Belia dan Sukan. Di peringkat awal penubuhannya, fokus utama kementerian adalah mengawal dan menyelia pergerakan pertubuhan belia. Selepas itu pelbagai program dan aktiviti belia telah diperkenalkan sesuai dengan arah tuju pembangunan negara di samping untuk memupuk perpaduan. Apabila Dasar Belia Negara diwujudkan pada tahun 1985 dan dikaji semula menjadi Dasar Pembangunan Belia Negara pada tahun 1997, agenda pembangunan belia semakin penting dan pertubuhan belia dituntut agar lebih berperanan dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, pertubuhan belia dikehendaki berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan diberi kuasa untuk meluluskan, membubarkan dan membatalkan

pendaftaran sesebuah pertubuhan termasuk pertubuhan belia berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah akta berkenaan.

Menurut Dasar Pembangunan Belia Negara, takrif "Belia", ialah mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Berdasarkan takrif tersebut, pada hari ini terdapat kira-kira 11.1 juta orang belia di negara ini yang merupakan kira-kira 41.5% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Dengan bilangan yang agak besar ini, maka timbul pelbagai isu belia yang mendapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan begitu terbatas dalam soal pengurusan dan pemantauan ke atas pertubuhan belia. Oleh itu suatu akta khusus adalah perlu untuk memelihara kepentingan hak dan hala tuju golongan belia, serta menggariskan mekanisme pengurusan belia dan pertubuhan belia agar selaras dengan matlamat pembangunan negara.

Hasrat untuk mewujudkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia telah dibincangkan dalam pelbagai forum yang melibatkan pemimpin belia di pelbagai peringkat. Semasa persidangan Majlis Perundangan Belia Negara pada tahun 2003, cadangan Kementerian Belia dan Sukan untuk menggubal akta ini telah dipersetujui dan langkah segera telah diambil bagi mewujudkan akta ini.

Perkara ini juga telah dibincangkan dalam Konvensyen Belia Kebangsaan Tahun 2005 di mana telah dipersetujui untuk diadakan akta ini. Majlis Belia Malaysia selaku badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan juga turut menyatakan sokongan padu terhadap usaha penggubalan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan belia di negara ini terus diberi keutamaan apabila Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional (PTPBN) telah dilancarkan pada tahun 2004. Pelan tersebut juga telah menggariskan di bawah teras sistem penyampaian bahawa salah satu tindakan yang wajar dilaksanakan ke arah memperkasakan semula pergerakan belia di negara ini adalah melalui pewujudan satu akta seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia yang dicadangkan ini dibahagikan kepada 10 bahagian dan mengandungi 125 fasal.

Fasal 1 di antara lain memberi menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta ini termasuk bagi menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasanya.

Fasal 2 mengandungi tafsiran perkataan tertentu yang digunakan dalam akta ini.

Fasal 3 dan Fasal 4 memperkatakan tentang pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar, pegawai dan perkhidmatan lain bagi tujuan pentadbiran akta ini.

Bahagian III memperkatakan tentang pendaftaran dan penyeliaan pertubuhan belia.

Fasal 7 adalah berhubung dengan permohonan pendaftaran pertubuhan belia. Fasal ini juga menghendaki supaya pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 hendaklah di dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini dikuatkuasakan mengemukakan permohonan pendaftaran di bawah akta ini. Selagi belum

didaftarkan secara sah, pertubuhan belia berkenaan dibenarkan beroperasi di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Kuasa pendaftar untuk mendaftar dan menolak pendaftaran pertubuhan belia diperuntukkan dalam Fasal 9.

Fasal 11 mengandungi peruntukan-peruntukan yang terpakai kepada pertubuhan belia berdaftar.

Di peringkat kebangsaan, seorang ketua pertubuhan belia tidak boleh memegang jawatan untuk tempoh enam tahun secara berterusan. Ini dinyatakan dalam Fasal 12.

Fasal 13 menyenaraikan keadaan seseorang hilang kelayakan daripada menjadi dan tidak boleh menjadi atau kekal sebagai pemegang jawatan penasihat atau pekerja pertubuhan belia berdaftar.

Fasal 14 membenarkan mana-mana pemegang jawatan pertubuhan belia untuk membuat representasi kepada pendaftar sebelum didapati hilang kelayakan daripada memegang jawatan.

Fasal 17 memperuntukkan bahawa pertubuhan belia berdaftar tidak boleh menukar nama atau tempat urusannya atau meminda kaedah-kaedahnya tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada pendaftar.

Fasal 18 memperuntukkan bahawa pertubuhan belia berdaftar tidak boleh menubuhkan cawangan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada pendaftar.

Fasal 19 mengandungi peruntukan mengenai tanggungan pertubuhan belia berdaftar berkenaan kontrak yang dibuat oleh cawangan.

Pendaftar mempunyai kuasa untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan belia berdaftar dan menggantung kesemua atau mana-mana aktiviti pertubuhan belia di bawah keadaan yang disenaraikan dalam Fasal 20.

Fasal 22 memberi kuasa kepada pendaftar untuk mengarahkan pertubuhan belia berdaftar supaya mengemukakan maklumat berhubung dengan pertubuhan belia tersebut.

Fasal 23 memberi pendaftar kuasa meluluskan audit dan perintah sementara untuk pembubaran.

Fasal 25 dan Fasal 26 memperuntukkan tentang harta pertubuhan belia ditadbir oleh Ketua Pengarah Insolvensi apabila pertubuhan belia tersebut diisytiharkan menyalahi undang-undang di bawah Fasal 33 atau apabila pendaftarannya ditolak dan Fasal 9 atau pendaftaran pertubuhan belia tersebut dibatalkan di bawah Fasal 20.

Fasal 27 memperuntukkan mengenai peletakan harta pertubuhan belia yang telah dibatalkan pendaftarannya kepada pertubuhan belia berdaftar yang baru.

Fasal 28 memperuntukkan bahawa mana-mana pertikaian yang tidak dapat diselesaikan dalam pertubuhan belia hendaklah dirujuk kepada Pendaftar untuk keputusannya dan mana-mana pihak yang mempertikai dan terkilan dengan keputusan Pendaftar hendaklah merayu kepada Panel Penyelesaian Pertikaian.

Pembentukan serta kuasa Panel Penyelesaian Pertikaian diperuntukkan di bawah Fasal 29.

Fasal 30 bertujuan untuk membenarkan mana-mana pertubuhan belia memegang jawatan atau anggota pertubuhan belia tersebut atau mana-mana orang lain yang terkilan dengan keputusan Panel Penyelesaian Pertikaian dan Pendaftar supaya merayu kepada menteri terhadap keputusan tersebut.

Fasal 31 mengenai tanggungjawab ke atas setiap pertubuhan belia berdaftar supaya bertindak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri semasa menjalankan aktiviti dan semasa mengendalikan hal ehwalnya.

Fasal 33 memberi menteri kuasa untuk mengisytiharkan pertubuhan belia sebagai menyalahi undang-undang.

Bahagian IV mengenai peruntukan tentang pembangunan belia.

Fasal 34 memberi menteri kuasa untuk mengadakan atau mengeluarkan dasar berkenaan perkara yang berhubung dengan pembangunan belia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan sumber manusia.

Bahagian V rang undang-undang ini mengandungi peruntukan yang berhubung dengan Majlis Perundingan Belia Negara.

Fasal 35 adalah berhubung dengan Majlis Perundingan Belia Negara.

Fasal 36 dan Fasal 37 menyenaraikan fungsi dan anggota majlis.

Fasal 38 hingga Fasal 45 adalah berhubung dengan perjalanan hal ehwal Majlis serta kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membuat dan melaksanakan hal ehwal Majlis.

Fasal 46 menghendaki Majlis mengadakan persidangan sebanyak dua kali setahun.

Fasal 48 memberikan menteri kuasa selepas berunding dengan Menteri Kewangan untuk meluluskan peruntukan kewangan tahunan kepada Majlis.

Bahagian VI mengenai peruntukan mengenai badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan.

Fasal 49 menyatakan bahawa Majlis Belia Malaysia hendaklah menjadi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang bergabung dan menyelaraskan semua pertubuhan belia yang bergabung dengannya. Fasal ini juga menyenaraikan objektif badan induk pertubuhan belia kebangsaan. Fungsi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dijelaskan dalam Fasal 50.

Fasal 51 meletakkan tanggungjawab ke atas badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan untuk mengemukakan laporan aktiviti tahunan kepada menteri.

Fasal 53 memberi menteri kuasa untuk meluluskan peruntukan atau bantuan kewangan kepada badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan.

Fasal 54 mengandungi peruntukan mengenai akaun dan audit badan induk berkenaan.

Bahagian VII mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penubuhan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Fasal 57 dan Fasal 58 memperkatakan tentang fungsi dan kuasa Institut.

Fasal 59 dan Fasal 60 memperuntukkan mengenai penubuhan dan keanggotaan Lembaga Pengarah.

Kuasa dan fungsi Lembaga dinyatakan dalam Fasal 61.

Fasal 66 membolehkan lembaga untuk melantik jawatankuasa tertentu yang difikirkannya perlu untuk atau dikehendaki bagi membolehkan jawatankuasa itu menjalankan kuasa Lembaga dan melaksanakan fungsi Lembaga di bawah akta ini.

Fasal 67 memperuntukkan mengenai bayaran saraan dan elaun kepada anggota Lembaga.

Fasal 70 adalah berhubung dengan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif Institut.

Fasal 71 membolehkan pelantikan pegawai Institut.

Fasal 72 memperuntukkan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Fasal 73 menerangkan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan kepada kumpulan wang tersebut.

Fasal 77 menghendaki Institut menyimpan akaun kumpulan wang dan laporan mengenai aktiviti-aktivitinya dengan sepatutnya. Institut dikehendaki supaya menghantar kepada menteri penyata akaun dan penyata aktivitinya selepas berakhirnya tahun kewangan itu dan menteri akan menyebabkan penyata tersebut dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Fasal ini juga memperuntukkan mengenai pemakaian akta badan berkanun akaun dan laporan tahunan 1980 ke atas institut.

Bahagian VIII mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan kesalahan di bawah akta ini.

Fasal 81 hingga Fasal 87 memperuntukkan kesalahan-kesalahan dan penalti berhubung dengan pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

Fasal 88 adalah berhubung dengan tanggungan pemegang jawatan dalam pertubuhan belia yang pendaftarannya telah dibatalkan.

Fasal 90 memperuntukkan mengenai tanggungan pemegang jawatan pertubuhan berdaftar berkenaan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan belia.

Fasal 91 memperuntukkan pertubuhan belia yang menggunakan upacara kongsi gelap hendaklah disifatkan sebagai pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang. Fasal ini juga bertujuan memperuntukkan mengenai kesalahan dan penalti yang berhubung dengan seseorang yang terlibat dalam aktiviti pertubuhan berkenaan.

Fasal 92 bertujuan memperuntukkan mengenai kesalahan dan penalti yang berhubung dengan penyalahgunaan wang atau harta pertubuhan belia berdaftar.

Bahagian IX mengenai peruntukan yang berhubung dengan penguatkuasaan dan penyiasatan.

Fasal 105 memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa memeriksa seseorang yang mempunyai kaitan dengan kes.

Fasal 106 memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk menghendaki pengemukaan dokumen dan sebagainya oleh mana-mana orang semasa penyiasatan dan pemeriksaan.

Fasal 107, 108, 109, 110 dan 111 memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan penyediaan dokumen, permohonan untuk waran geledah, kuasa majistret mengeluarkan waran geledah, kuasa memasuki premis tanpa waran atau notis dan menggeledah dan menyita tanpa waran.

Fasal 112 memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan kuasa untuk mengelak.

Bahagian X mengandungi peruntukan pelbagai.

Fasal 113 memperuntukkan bahawa semua anggota dan pegawai institut hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam.

Fasal 114 memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai kepada apa-apa tindakan guaman, prosiding atau pendakwaan terhadap institut atau anggota institut atau pegawai institut.

Fasal 117 memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi mana-mana kesalahan di bawah akta ini tanpa kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

Fasal 120 memperuntukkan bahawa Menteri boleh meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Fasal 121 bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan bagi memberi kesan yang lebih baik kepada peruntukan akta ini.

Fasal 123 memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang atau pertubuhan belia daripada kesemua atau mana-mana peruntukan akta ini.

Fasal 124 mengandungi peruntukan peralihan.

Fasal 125 bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat pindaan, tambahan, pemotongan dan lain-lain persetujuan untuk menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh mulanya berkuat kuasanya akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini dilihat mampu membawa perubahan positif kepada pembangunan belia umumnya dan kepada pergerakan belia khususnya. Perubahan ini penting dalam usaha memperkasakan semula belia dan pertubuhan belia selaras dengan tuntutan Misi Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya usaha memperkenalkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini adalah untuk merealisasikan salah satu teras strategik pembangunan belia di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu Memperkukuhkan Rangka Kerja Perundangan Program Pembangunan Belia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mendaftarkan pertubuhan belia, menggalakkan dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia untuk menubuhkan Majlis Rundingan Belia Negara, untuk menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

4.15 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi keizinan untuk membahaskan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia Tahun 2006 dan saya percaya rang undang-undang ini memang ditunggu-tunggu oleh ramai di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini dan saya mengucapkan tahniah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi nampaknya Yang Berhormat seorang tunggu saja.

Datuk Haji Idris bin Haron [Tangga Batu]: Saya tunggu? Ada lagi, ramai lagi yang akan masuk untuk bahaskan rang undang-undang ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, baiklah. Yang Berhormat kata ramai tunggu, tetapi saya nampak Yang Berhormat seorang bangun.

Datuk Haji Idris bin Haron [Tangga Batu]: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pertubuhan Belia, Pembangunan Belia ini memang sudah lama ditunggu. Kalau tidak silap saya lebih kurang tiga penggal yang lalu apabila ada ura-ura rang undang-undang ini akan dibangkitkan dan ramai di antara pemimpin pertubuhan belia telah pun memberikan pendapat serta suara mereka di media-media utama di negara kita, menyatakan tentang pendapat dan pandangan mereka.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan melalui Timbalan Menteri pada hari ini, tercapai cita-cita Kementerian Belia dan Sukan bagi tujuan untuk membina masa depan yang lebih cemerlang kepada belia-belia kita di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengisytiharkan kepentingan saya di dalam sesi perbahasan ini sebagai Timbalan Presiden Majlis Belia Malaysia. Saya kena isytihar awal-awal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seorang tokoh belialah

Datuk Haji Idris bin Haron [Tangga Batu]: Bukan tokoh. Tokoh ini sebut sahaja nama, orang kenal, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah tokoh. *I was just a small fry.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang amat penting yang perlu kita berikan perhatian yang serius apabila rang undang-undang ini dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Antara yang paling ditunggu-tunggu oleh pemimpin-pemimpin belia di negara kita ialah di peringkat usia kepimpinan itu. Hari ini kalau kita dapat lihat, negara kita mempunyai keseluruhannya lebih kurang empat puluh pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan dan Pendaftar Pertubuhan mengiktiraf mereka ini kerana beberapa peraturan dan syarat yang dikenakan oleh Pendaftar Pertubuhan, mereka telah patuhi. Antaranya ialah dengan menghantar borang-borang mesyuarat agung yang menyatakan kedudukan kewangan serta aktiviti-aktiviti dan kegiatan pertubuhan di peringkat *local*, tempatan, daerah, negeri dan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, antara gerakan belia yang terbesar di negara kita yang kita telah tahu ialah pertama sekali kita lihat Gerakan Belia 4B yang menuntut mengatakan mereka mempunyai keahlian seramai 400,000 orang ahli. Ini kata merekalah. Kemudian MAYC. Mereka juga mempunyai keahlian lebih daripada 300,000 orang. Ada lagi pertubuhan-pertubuhan belia yang besar yang mengatakan mereka mempunyai keahlian yang ramai, tetapi yang menariknya ialah dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri dalam beberapa media utama negara menyatakan, sebenarnya belia yang tergolong di dalam pertubuhan belia ini amat kurang jika dibandingkan dengan belia-belia yang berada di luar sana.

Mereka yang tergolong di dalam pertubuhan ini hanyalah tidak lebih daripada 2.5 juta orang, sedangkan kita mempunyai kurang lebih 11 juta atau pun 12 juta orang. Separuh daripada rakyat negara kita ini adalah tergolong di dalam mereka yang di dalam kategori atau bidang umur belia, iaitu pengiktirafannya di peringkat Malaysia ini belia ialah mereka yang berumur daripada 15 hingga ke 40 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia hari ini adalah seorang Ketua Menteri Melaka. Umurnya 58 tahun. Presiden MAYC diiktiraf di peringkat antarabangsa, dia adalah Menteri Luar Malaysia, berumur kurang lebih 60 tahun. Bayangan pertubuhan belia Malaysia hari ini adalah seolah-olah belia-belia di Malaysia ini adalah di dalam bidang umur 55, dalam *age range* 55 tahun ke atas. Masyarakat antarabangsa akan melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai belia-belia yang berumur, yang berusia. Walaupun dalam satu tangan mereka mengatakan mereka ini *wise*, bijaksana dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas. Akhirnya hari ini kita telah mendengar bahawa akta ini akan menyebut tentang setiap pemimpin pertubuhan belia mestilah berumur di bawah 40 tahun. Silakan Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Berada dalam keadaan senang hati, menerima akta baru belia ini. Saya juga *dispute* ataupun ada keraguan. Yang Berhormat sedar atau tidak, bahawa Presiden, *World Youth Division* daripada Malaysia, Dato' Ali. Apa akan berlaku apabila akta ini telah diluluskan? Bermakna kita akan kehilangan seorang Presiden Belia Dunia. Sebab dia tidak layak lagi memimpin organisasi dunia ini sebab dia bukan lagi belia di negara kita.

Saya juga telah bertanya dengan kawan-kawan, bagaimana organisasi di seluruh dunia diselaraskan? Tidak ada had umur. Jadi tidak timbul pada saya. Mereka hairan, kenapa belia kita lebih umur? Itu tidak logik. Di Eropah, di Amerika mereka tidak ada had umur. Kenapa kita terburu-buru untuk mengehadakan umur ini, apa justifikasinya? Dan selama ini negara kita sebelum merdeka sehingga merdeka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak berucap atau hendak minta penjelasan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Berucap tetapi saya hendak tanya juga. Belum lagi, itu baru mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, nanti boleh berucap, nanti boleh ucap.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Ketawa]* *[Menyampuk]* Sila...sila...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mukadimah sedikit. Jadi apakah Yang Berhormat ada jawapan yang jelas bahawa akta ini menjurus ke arah kemajuan penyediaan wadah masa depan ataupun mungkin akan mengurangkan keterampilan pemimpin belia kita seperti berlaku pada hari ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tahu Yang Berhormat juga adalah pemimpin belia dan pernah memimpin beberapa pertubuhan belia di peringkat tempatan dan juga di peringkat negeri dan juga di peringkat kebangsaan. Yang Berhormat, saya sedar bahawa Presiden, *World Assembly of Youth* yang juga Presiden, *World Youth Foundation* adalah Dato' Seri Mohammad Ali Rustam adalah seorang pemimpin Gerakan Belia 4B yang telah bermula menggerakkan belia ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dato' Ali Rustam itu siapa?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ketua Menteri Melaka. Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Melaka... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Macam tidak kenallah pula.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Yang telah membawa kepada kemajuan, kejayaan Barisan Nasional di Machap tempoh hari bersama Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah lupa Tuan Yang di-Pertua saya bercakap apa tadi ha...ya! Beliau adalah pengerusi, Presiden, *World Assembly of Youth*. Pada masa yang sama, beliau juga adalah Presiden, *World Youth Foundation* dan juga Presiden Gerakan Belia 4B yang saya nyatakan tadi, sebagai kumpulan belia terbesar di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita sedar ataupun tidak sedar, pemimpin ini telah pun menggagaskan Gerakan Remaja 4B Malaysia yang mana mereka telah meletakkan Presiden Gerakan Remaja 4B ini adalah berumur di bawah 30 tahun. Ini adalah hasrat Presiden Gerakan Belia 4B ini untuk melihat supaya ada pewaris apabila pemimpin-pemimpin yang telah berusia

meninggalkan gerakan belia, maka kita telah menyediakan satu wadah, satu pertubuhan yang akan dipimpin oleh orang-orang muda.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebentar tadi, sebenarnya menjadi kerunsingan kita juga kerana kita kluatir apabila pemimpin-pemimpin yang mempunyai pengaruh yang kuat ini meninggalkan pertubuhan-pertubuhan belia, pertubuhan belia kita tidak akan menjadi pertubuhan yang bermaya kerana tidak mendapat sokongan dan dorongan yang kuat daripada pemimpin seperti ini, tetapi sedarlah Tuan Yang di-Pertua bahawa, untuk menyumbang di dalam pertubuhan belia kita tidak semestinya menjadi pemimpin...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Pertubuhan belia, kita mungkin hanya boleh menjadi penyumbang daripada luar dan hendak menjadi belia pula Tuan Yang di-Pertua bukannya semestinya kita memegang. Kita mempunyai fizikal belia cukup dengan mempunyai fikiran dan gaya berfikir belia dan orang muda. Silakan Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya hendak menambahkan sikit apa yang disuarakan oleh sahabat daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan juga apa yang dirisaukan misalnya oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi. Di mana kita kira ada lebih kurang 11 juta belia di kalangan 26 juta penduduk negara kita. Dimaklumkan kepada kita tadi bahawa lebih kurang hanya satu juta sahaja belia yang didaftarkan.

Ini bermakna lebih kurang 10 juta lagi remaja dan belia ini tidak didaftarkan dalam persatuan. Jadi saya hendak tanya. Minta pandangan Yang Berhormat. Apakah ini bermakna bahawa selama ini kementerian ataupun jabatan belia lemah untuk mendaftarkan belia-belia ini? Apakah akan terjadi sekiranya tanggungjawab ini akan diserahkan kepada semua kementerian? Bila akta ini diterima, diluluskan maka tanggungjawab mendaftarkan belia-belia ini akan terletak sepenuhnya di bawah kementerian. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya sebenarnya boleh serahkan jawapan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawab, tetapi sekadar perbincangan kita pada hari ini, mungkin sebelum ini kita tidak dapat secara objektif, secara tepat. Secara objektif menyatakan, siapakah yang menjadi punca kepada sebab belia-belia ini tidak menyertai persatuan?

Jadi mungkin selepas ini, jika Kementerian Belia dan Sukan mula mengambil tanggungjawab sepenuhnya dalam mengendali dan mengawal selia pertubuhan-pertubuhan belia ini, kita mungkin boleh menuding jari terus kepada kementerian. Ha, sekarang baru kita tahu kementerian tidak buat kerja di dalam menghala tujukan belia-belia kita di negara ini! Sekarang ini kita tidak boleh hendak cakap. Kita tidak boleh hendak kata sama ada, adakah ia peranan Kementerian Belia dan Sukan, jabatan-jabatan belianya ataupun pemimpin-pemimpin pertubuhan belia untuk menggalakkan belia-belie ini menyertai pertubuhan?

Yang pastinya hari ini, kita dapati bahawa pihak kementerian cuba menangani isu-isu belia ini dengan cara yang rawak dan rambang. Saya faham hasrat Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan ialah untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh belia-belia di luar sana, yang tidak tergolong di dalam pertubuhan-pertubuhan belia. Inilah yang sedang dan cuba ditangani oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan.

Oleh sebab itulah kita dapat melihat banyak program-program sampingan yang lain seperti Rakan Muda, Rakan Muda Wawasan Desa, program-program komuniti sukan yang melibatkan orang-orang muda dan sebagainya dianjurkan pihak kementerian kerana mereka percaya pada hari ini pertubuhan belia telah berupaya mengawal ahli-ahli belia mereka dengan menyertai pertubuhan mereka dan menyertai kegiatan-kegiatan yang dianjurkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada usia. Usia ini sebenarnya kalau kita lihat Yang Berhormat bagi Kinabatangan pun menyebut tentang negara-negara lain, kalau kita bandingkan kedudukan negara kita pada hari ini, kita memang agak tidak teratas dan tidak ke bawah kerana negara-negara seperti India, Sri Langka dan beberapa negara di selatan tanah air Singapura, Australia, New Zealand, mereka mempunyai umur kategori belia di antara 12 hingga ke 25 dan 30 tahun. Kita masih lagi berada di tahap 40 tahun. Mungkin tahap 40 ini meletakkan kita di satu keadaan yang mungkin ada pemimpin-pemimpin belia hari ini yang begitu aktif di dalam kegiatan-kegiatan pertubuhan belia yang cenderung kepada sesebuah parti-parti politik.

Jadi kalau mungkin satu langkah ke hadapan, kalau kita memperkenalkan pemimpin pertubuhan belia mereka yang ingin menyertai pertubuhan belia mestilah berumur di bawah 30 tahun, jadi di sini kalau ada pemimpin-pemimpin politik di peringkat cawangan, bahagian, Parlimen, negeri dan negara, mereka tidak akan menganggap pemimpin-pemimpin belia ini sebagai cabaran.

Jadi itu adalah salah satu daripada cara kita. Mungkin kita boleh meletakkan syarat. Pemimpin-pemimpin belia, ahli-ahli pertubuhan belia yang bergerak aktif di peringkat cawangan, daerah dan negeri tidak boleh mencampuradukkan kegiatan mereka seolah-olah ingin mencabar pemimpin-pemimpin masyarakat, pengerusi-pengerusi JKKK, ketua-ketua parti politik di peringkat cawangan, peringkat bahagian dan juga peringkat negeri.

Kalau syarat ini dikenakan, mungkin keselesaan akan berlaku di peringkat cawangan apabila kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh pertubuhan belia di peringkat cawangan tidak akan bercanggah, tidak akan sentiasa berlainan arah dengan kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat cawangan. Ini akan menjadi suatu cara kita untuk melatih belia-belia kita di peringkat kampung dan cawangan ini menjadi pemimpin pelapis di masa akan datang.

Sekarang ini berlaku pertindihan Tuan Yang di-Pertua. Dia kalah dalam... contohnya, tidak berjaya di dalam pertandingan pemilihan parti politik di peringkat cawangan, dia keluar membuka satu gerakan belia, kemudian gerakan belia ini mengumpulkan orang-orang muda di peringkat kampung, menongkah arus daripada ketua ataupun ketua masyarakat, ketua politik di peringkat

cawangan tersebut. Ini akan menimbulkan masalah kepada Kementerian di dalam mengurus dan mentadbir pertubuhan-pertubuhan belia kelak.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang kita lihat ialah hari ini... ya, silakan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Saya rasa terpanggil tadi bila disebut bahawa pertelingkahan sering berlaku di antara pemimpin-pemimpin belia dengan peringkat cawangan, peringkat JKK.

Saya rasa itu adalah sesuatu yang betul. Malah ada satu agenda untuk kita memastikan dalam setiap JKKK ada satu pertubuhan belia tetapi sebenarnya, dari segi realiti tidak berlaku begitu. Kadang-kadang rasa cemburu, rasa curiga di antara belia dengan pemimpin-pemimpin di JKK itu pun begitu nyata sekali. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, bagaimanakah kita hendak merungkaikan permasalahan ini? Dia rasa cemburu, rasa curiga, rasa hendak bebas, lebih-lebih lagi belia-belia ini mempunyai idealisme yang tersendiri, mempunyai prinsip dan pendirian yang tersendiri. Kadang-kadang mereka ini tidak mahu dikongkong oleh pengerusi-pengerusi JKK, sedangkan dalam setiap JKKK ada satu pertubuhan belia.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Itulah yang saya sebutkan tadi. Pemimpin-pemimpin pertubuhan belia ini dilihat seolah-olah sebagai pencabar kepada pemimpin-pemimpin masyarakat di kampung-kampung dan juga daerah-daerah. Jadi saranan saya kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan sebentar tadi ialah supaya memasukkan satu elemen, satu peruntukan supaya syaratnya ialah pemimpin-pemimpin belia ini mestilah disokong dan didukung oleh pemimpin masyarakat di peringkat cawangan, di peringkat kampung dan juga daerah supaya pergerakan mereka selari. Tidak dilihat pemimpin belia ini ingin mencabar atau sebaliknya kerana pemimpin pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat cawangan, daerah ini akan mendapat segala bentuk sokongan dan dorongan dan bantuan daripada Kementerian Belia dan Sukan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya silakan Yang Berhormat bagi Jerai Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua orang tahu Tuan Yang di-Pertua belia akan mewarisi negara. Saya dahulu belia juga dan kita lihat belia sekarang dan belia dahulu ini berbeza kerana keadaan pada ketika itu. Sekarang ini kerana Yang Berhormat negara sudah maju, dan saya lihat bahawa belia-belia ini kalau kita tidak mendekati mereka, pemimpin-pemimpin masyarakat tidak mendekati mereka, malah kita tengok anak di rumah sudah, kalau ibu bapa tidak mendekati anak-anak ini, meninggalkan anak ini begitu sahaja, tidak ambil tahu pasal anak, anak itu akan menjadi liar. Dia akan tidak jadi anak yang baik, tinggal sembahyang dan sebagainya. Saya ingat begitu juga belia.

Jadi, bagi pandangan saya, pemimpin-pemimpin masyarakat sekarang ini sama ada JKKK kah, tidak JKKK kah, wakil rakyat kah, siapakah, kita harus mendekati dan memahami kehendak-kehendak belia pada hari ini. Saya bersetuju benar, kalau sudah sampai ranum pun, sudah jadi pemimpin belia, pemikiran dia dan pemikiran belia sudah berbeza. Jadi saya sokong hak ini, tetapi saya hendak bercakap.

Saya beri pandangan bahawa untuk menyelesaikan masalah ini, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, dalam Islam pun ia kata mendekatilah dan memahamilah, kerana apabila kita dekat dan kita memahami akan kehendak-kehendak, maka kita boleh membimbing mereka. Kita boleh mengacu mereka. Jadi kita tidak boleh hendak salah, kadang-kadang bila tidak mahu kah, ataupun hendak salahkan orang tua-tua ini tidak mahu kah. Sebenarnya adalah tanggungjawab kita bersama. Macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu tentang ilham saya pada petang ini?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya amat setuju Tuan Yang di-Pertua tentang ilham Yang Berhormat bagi Jerai. Memang itulah yang telah kami bahaskan sebentar tadi bagaimana golongan dewasa ini dapat mendekati golongan-golongan belia supaya belia ini dan dewasa sentiasa bergerak seiring.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Silakan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membawa saya dan rombongan ke Beijing... *[Ketawa]* Satu lawatan Speaker yang berjajalah, menaikkan nama negara...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point Of Order* Tuan Yang di-Pertua. Semua kena pergi, kenapa kami tidak kena Tuan Yang di-Pertua?...*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, usia muda, usia remaja ialah usia yang paling manis. Di sini kebanyakannya sudah jadi belia tua. Termasuk Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, termasuk saya... *[Ketawa]*

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat samalah. Kita dahulu belia, zaman kita persatuan belia benar-benar berpengaruh kerana kegiatan masa kita, waktu umur yang begitu manis. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat faham tidak? Usia manis, jadi kita manislah. Gerak geri pun manis, muka pun manis, senyum pun manis, tenaganya kuat, semangatnya kuat dan waktu itu kita digalas oleh persatuan belia dan belia benar-benar aktif dan ia menyebabkan belia yang aktif dalam pergerakan belia kita telah dapat menghindarkan, mengetepikan, menjauhkan yang seumpamanya dan meminggirkan perkara-perkara yang negatif. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, ini ucapan atau minta penjelasan? Nampaknya bukan dia yang ucapkan...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...*[Ketawa]* Itulah dia, pasal sudah jadi belia tua, jadi itulah dia, tetapi kalau pasal belia muda, saya pun belia tua Tuan Yang di-Pertua, sama macam Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Itu yang jadi... Kalau muda dia tidak macam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat belum sampai....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, saya tidak berhajat untuk berucap terus...

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat berkisar, keliling-keliling.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua bawa dia berjalan jadi macam inilah...*[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua pasal ialah seronok sangat pergi China dengan Tuan Yang di-Pertua, jadi saya pula baru balik dari Jakarta Tuan Yang di-Pertua, jadi dapat pergi Jakarta, baru balik Jakarta...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Siapa bawa pula?... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Tangga Batu, kalau boleh jawab, jawab, kalau tidak, biar Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membentangkan akan jawabnya.

Apakah jaminan dengan kita meluluskan rang undang-undang ini bahawa kelakuan-kelakuan Mat Rempit, belia samseng, belia lepak, belia-belia yang terdorong kepada perbuatan-perbuatan yang songsang akan dapat kita banteras. Apakah jaminannya supaya benar-benar yang mewakili 60% saya difahamkan penduduk rakyat ini akan benar-benar jadi belia yang menjadi pelapis kepada negara dia benar-benar yang lelaki, belia yang lelaki menjadi..., yang wanita jadi tiang negara, lelaki menjadi pemuda harapan bangsa, wanita pemudi tiang negara.

Saya pun hampir hendak lupa Tuan Yang di-Pertua. Jadi minta Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Permohonan penjelasan yang agak panjang dan lebar. Dalam itu pun sudah ada jawapannya. Untuk jaminan Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya tidak dapat beri, tetapi perkara yang sama telah dibangkitkan oleh *Socrates* seribu tahun lebih dahulu tentang orang muda ini yang mempunyai pemikiran seolah-olah orang gila dia kata *crazy*, orang gila. Pernah juga saya mendengar seorang penceramah agama mengatakan Sayidina Ali pun pernah menyatakan, usia ini adalah usia boleh dikira sebagai *crazy* juga kerana seluar yang baik dikoyakkan, rambut yang pendek dipanjangkan, rambut yang hitam dimerahkan, ini usia muda dan ia proses yang perlu dilalui oleh setiap individu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagan di 'Bagin'kan... *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Tempat yang tidak sepatut ditindik, ditindikkan, itu orang muda.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Socrates pernah cakap perkara sama dan saya pernah mendengar penceramah mengatakan Sayidina Ali pun mengatakan usia muda ini adalah usia orang yang pemikirannya agak menyimpang, cuba sesuatu yang baru, yang tidak pernah dicuba. Jadi proses ini perlu dilalui sama ada kita lepas atau tidak proses ini, itulah tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan melihat sama ada pemuda-pemuda, belia-belia kalau dia lalu sesi rempit 3, 4 tahun ini boleh tak mereka berfikir balik, apa yang aku buat ini salah, yang aku buat ini betul atau sebaliknya...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sila

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu sebentar tadi dengan membabitkan Sayidina Ali. Saya tahu, sepanjang ucapan Sayidina Ali ini saya baca, tidak ada apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Barangkali ketelanjangan ustaz itu kerana Sayidina Ali ada idolanya, di hadapannya ada Nabi-Nabi, Rasul-Rasul, orang muda semua ini, dan tidak pernah Sayidina Ali mengatakan sedemikian, itu satu.

Yang kedua pula, saya tidak bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu mengatakan bahawa setiap belia kita ini mesti patuh kepada ketua-ketuanya terutama kepada JKK. Jadi apa yang saya mahu bangkitkan, di mana ada kebebasan pemikiran, di mana ada kebebasan bergerak, di mana ada kebebasan dalam bentuk-bentuk tertentu sehingga terpaksa mereka tunduk kepada arahan-arahan walaupun arahan itu kadang-kadang tidak secocok dengan keperluan yang ada pada mereka.

Jadi saya kira, biarlah apa yang kita kehendak ini, terbimbing. Jangan berupa tindakan dan tekanan kepada mereka sehingga mereka memberontak dan Mat Rempit hari ini sebenarnya adalah tindakan memberontak sebenarnya. Tindakan memberontak daripada anak-anak kita kerana kita terlalu banyak akta, akta, akta, akta sehingga mereka tidak ada jalan keluar hendak berfikiran waras. Jadi perlu pada kerajaan untuk meneliti perkara ini dan apakah pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, itu buku Yang Berhormat bacalah tapi saya mendengar penceramah mengatakan bahawa orang muda ini, tabiatnya, tingkah lakunya adalah mirip kepada orang yang tidak betul, orang gila. Itu yang saya sebutkan tadi, bila lalui umur muda dari 13 hingga 25 tahun. Itu yang saya kata, rambut hitam dimerahkan, tempat yang tidak sepatutnya ditindik, ditindik, seluar yang baik dipotong, dikoyakkan. Itu yang saya ceritakan, itu kan tingkah orang yang tidak berfikiran waras. Jadi bagaimana kita melalui proses tersebut? Inilah tanggungjawab kementerian, inilah tanggungjawab pemimpin-pemimpin persatuan belia.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, tentang orang muda tidak boleh hanya berkata, "Ya", kepada pemimpin-pemimpin di peringkat cawangan dan daerah. Saya hendak bertanya kepada Yang

Berhormat bagi Pasir Mas. Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun seorang guru, mengajar kepada orang-orang muda. Kalau ada anak-anak muda di dalam ruang pengajaran Yang Berhormat itu yang cuba membangkitkan satu isu-isu yang mungkin sensitif pada Yang Berhormat, apa Yang Berhormat katakan, kamu diam dan dengar. Itulah yang kita cuba lakukan sekarang. Tidakkah Yang Berhormat akan membiarkan anak-anak murid itu terus memberontak dan keluar daripada ruang pengajian Yang Berhormat...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang ini cukup, cukup Yang Berhormat saya katakan.

Jadi hari ini, Kementerian Belia dan Sukan, pemimpin-pemimpin Pertubuhan Belia...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sekarang ini Yang Berhormat sebut anak-anak murid saya, saya kena jawablah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya menjawab, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi dia tanya saya, saya kena jawab

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tidak elok dia tanya saya, dia jawab

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oleh kerana saya orang muda, yang mengikut cakap, silakan Yang Berhormat

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Tangga Batu tadi. Sekiranya orang muda itu dia bercanggah dengan kita, kita beritahu pada dia supaya dia dengar dulu. Dia dengar, dia timbang apa yang kita buat ini baik dan apa yang kita kata baik dan kita buat baik. Kalau kita kata yang baik tapi kita buat tidak baik, termasuk dalam ayat al-Quran al-Karim mengatakan, maksudnya, bagaimanakah kamu melakukan, maknanya apakah kamu suka menyuruh orang dengan perkara yang baik tapi kamu melakukan perkara yang tidak baik...*[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Sekarang ini saya melihat bahawa ramai yang menyebut benda baik tapi dalam amalan hariannya, bercanggah dengan apa yang dia kata.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya pun pernah dengar apa Yang Berhormat Pasir Mas tadi... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Jadi Yang Berhormat kita sama-samalah. Cukuplah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Jerai, silakan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Mas, maknanya kita kena ikut orang yang buat baik baru kita jadi baik tapi ada tak kadang-kadang orang itu tidak baik, masih ada orang yang mengikut orang yang buat tidak baik itu. Menyokong orang yang buat tidak baik, mengidolakan orang yang buat tidak baik. Dari segi Islam Yang Berhormat macam mana? Saya kurang arif lah. Yang Berhormat bagi Tangga Batu tolong kenen, pergi Yang Berhormat bagi Pasir Mas balik.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa hendak bagi penjelasan, Yang Berhormat bagi Pasir Mas atau Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya berucap sekarang

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Tangga Batu mengait pandangan Yang Berhormat daripada Pasir Mas, jadi kalau boleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tolong kenen balik soalan itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tidak kenenlah tapi untuk makluman Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Pasir Mas ada buat kelas mengaji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila gulung, tidak ada masa dah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya baru masuk tajuk nombor dua iaitu tentang akta ini supaya dapat diselaraskan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan, sedikit, pendek.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor saya bagi Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih, kita ada bangkitkan soal isu utama ialah dalam akta, umur, umur belia-belia kita. Kita tahu bahawa Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga baru berumur 40 tahun. Beliau merupakan Timbalan Presiden Majlis Belia Malaysia kalau tidak salah saya.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah faktor umur ini merupakan faktor kalau kita ubah Perlembagaan Persekutuan ini, boleh memungkinkan aktiviti belia bertambah hebat, programnya lancar dijalankan, adakah itu faktor umur yang melemahkan atau yang melesukan aktiviti belia. Bila kita ubah umur, mungkin dia hebat dari segi aktiviti.

Adakah ianya juga disebabkan oleh perancangan kementerian terhadap masa depan belia itu sendiri. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan buat akta ini, belia kita akan lebih mantap, lebih hebat dan lebih melahirkan pemimpin-pemimpin kita. Ini persoalan yang perlu dikupas oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Saya percaya ia telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam ulasan sebentar tadi dan antara penyebab mengapa golongan belia seramai lebih kurang 8 juta ke 9 juta orang yang tidak menyertai pertubuhan belia pada hari ini adalah antaranya terlalu besar jurang perbezaan usianya di antara pemimpin belia dan juga pengikut-pengikut di bawah sana dan mereka tidak bercakap dalam bahasa yang sama, dalam lingua yang sama. Begitulah sebab mengapa akta ini diperkenalkan. Sila Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat yang sangat muda daripada Sri Gading, yang ada bertanya, yang ada membangkitkan masalah bagaimana rang undang-undang ini untuk pemuda-pemudi boleh mengatasi masalah penyakit Mat Rempit.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan perlulah berminat bagaimana ini pun boleh mengatasi masalah-masalah di mana pemuda-pemuda kita tidak ada berfikiran *Malaysian* oleh kerana ada pemimpin-pemimpin yang memberi contoh yang tidak baik termasuk Yang Berhormat Menteri-Menteri yang membuat *racist remark* macam Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Apa yang berlaku pada hari Isnin di California baru-baru ini, *racist remark* terhadap seorang pelajar *Biotech*, tahun tiga, Shirma Morty, keturunan India yang *racist remark* dan di mana beliau pun ada tulus surat protes kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukankah perkara ini kita perlu ambil minat supaya pemimpin-pemimpin memberi contoh yang baik supaya pemuda-pemudi kita boleh ada satu generasi yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua saya tidak nampak mana-mana pemimpin-pemimpin pertubuhan belia dan pemuda yang memberikan satu *negative remarks* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Rata-rata pemimpin-pemimpin pertubuhan belia kita hari ini semuanya bergabung dengan pemimpin-pemimpin pertubuhan belia dari kaum yang lain, contohnya kaum Tionghoa ada GBB, kaum India ada HYO, ada KBBT dan sebagainya. Kita adalah pameran sebenar masyarakat Malaysia pada kini dan masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua saya teruskan hujah saya berkenaan dengan AUKU atau Akta Universiti dan Kolej Universiti, bagaimana boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, habiskan dua minit lagi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, dua minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Silakan Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan juga Timbalan Presiden Majlis Belia Malaysia yang baru, tahniah!

Saya nak tanya Yang Berhormat, kalau kita pinda akta ini, mengehendkan usia, umur belia, bagus! Bagus kerana Pemuda UMNO pun mengehendkan umur kecuali Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Masalahnya ialah, hari ini pergerakan belia kita mundur terkebelakang adalah kerana masalah kewangan, tidak ada penaja, tidak ada orang menyokong. Maka sebab itu wujudlah orang-orang yang berpengaruh menjadi pemimpin. Apakah Yang Berhormat melihat sekiranya had umur ini dilaksanakan, masalah belia ini dapat diselesaikan?.

Barangkali mungkin kita lihat kalau boleh kepimpinan belia itu umurnya mungkin lebih sedikit kerana mungkin ada orang-orang yang berpengaruh yang boleh membantu untuk mendapatkan dana bagi menghidupkan perjalanan, kegiatan belia itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya perkara ini dilihat balik? Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tuan Yang di-Pertua, antara sebab mengapa akta ini diperkenalkan adalah kerana untuk

mengelakkan sikap kebergantungan pemimpin-pemimpin pertubuhan belia ini kepada pemimpin-pemimpin yang lama.

Jadi saya umpamakan kalau kita tengok cerita *Hindustan*, filem *Mohabbatein* lah, Amitha Bachan ini dah peringkat pemimpin-pemimpin belia lamalah, ia ada tiga, Shah Rukh Khan, Salman Khan dan lain-lain itu sebagai pemimpin pertengahan dan mereka ini sebenarnya melatih pemimpin-pemimpin yang baru. Mungkin pemimpin-pemimpin yang mempunyai keupayaan pengaruh dan sebagainya. Ini boleh menjadi majlis penasihat kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan jika terdapat sebarang masalah yang berkaitan dengan sumber-sumber kewangan, tenaga dan sebagainya, boleh dirujuk kepada pemimpin-pemimpin yang terdiri dalam majlis penasihat pertubuhan-pertubuhan belia.

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua saya nak sebut bagaimana akta ini boleh dilihat, boleh disatukan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti kerana kita dapat lihat bahawa hari ini pemimpin-pemimpin pelajar di universiti dan kolej bila keluar ke kampung Tuan Yang di-Pertua, tak nak melibatkan diri dengan pertubuhan-pertubuhan belia.

Jadi kalau boleh kita lihat bagaimana akta ini boleh bekerjasama supaya pemimpin-pemimpin dari universiti ini tidak memandang rendah pemimpin-pemimpin pertubuhan belia di peringkat cawangan dan pada masa yang sama, pemimpin belia di peringkat cawangan tidak memandang terlalu tinggi kepada pemimpin-pemimpin...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sambung sikit Yang Berhormat boleh? Sikit aje. Saya bagi contoh ini kerana yang paling dekat dengan Yang Berhormat sendiri, kenapa tidak.. bukan saya tidak sudi memegang jawatan dalam Majlis Belia Malaysia, barangkali mungkin ada belia-belia yang tidak ada jawatan, apakah mereka ini berkeupayaan?

Kita mesti lihat yang menyebabkan bahawa belia kita ini tidak boleh berdikari, tidak boleh meneruskan cita-cita perjuangan mereka, aktiviti mereka adalah kerana dana! Tidak ada modal. Apakah dengan adanya had umur ini akan menyelesaikan masalah? Cuba bagi satu contoh negara mana yang boleh menyelesaikan masalah dengan mengubah had umur ini. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua tentang usia 40 tahun pemimpin pertubuhan belia yang berpengaruh, mempunyai kekuatan dan sebagainya, sehingga hari ini kita dapat lihat, antara sebab yang menjadikan pemimpin ini tetap berada di tunggak atas sana ialah kerana keupayaan daripada sumber kewangan mereka.

Jadi hari ini, pemimpin-pemimpin ini pun sudah hampir putus asa ingin mencari pelapis dan sebagainya. Jadi akta ini datang sebagai pelengkap, sebagai penyempurna kepada hasrat pemimpin-pemimpin yang memang sedia untuk melepaskan jawatan mereka supaya dengan cara ini, *by hook or by crook*, pemimpin-pemimpin muda harus dicari untuk memimpin dan pemimpin yang lama ini masih boleh terus menyumbang kepada pembangunan pertubuhan belia ini.

Saya nak balik sedikit kepada akta bagaimana dapat bekerjasama di antara Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia dan juga Akta Universiti dan Kolej Universiti, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh gulung ya

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Supaya pemimpin-pemimpin majlis pelajar balik ke kampung boleh bersama-sama bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin pertubuhan belia dan pemimpin pertubuhan belia ini tidak akan sentiasa mengadakan jurang di antara kedua-dua pertubuhan yang boleh mengerakkan pembangunan negara di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan pertubuhan belia mestilah bersifat massa. Ia tidak boleh dipacu oleh pihak kementerian kerana ini akan melumpuhkan pemimpin-pemimpin belia dari segi kreativiti mereka untuk memimpin masyarakat di masa hadapan. Seterusnya kerajaan-kerajaan negeri mestilah diminta supaya menyediakan jabatan-jabatan yang khusus kepada memantau secara dekat kegiatan-kegiatan pertubuhan-pertubuhan belia apabila akta ini di perkenalkan nanti, sebagai contoh Kerajaan Negeri Melaka mengadakan Jabatan Sahabat Belia di bawah Jabatan Ketua Menteri dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta satu tahun, bagi memastikan setiap pertubuhan belia melaksanakan kegiatan-kegiatan teratur dan sistematik dan mereka ini akan menjadi ikon kepada belia-belia di seluruh dunia untuk melihat pembangunan belia di peringkat kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua Majlis Rundingan Ekonomi Belia ini adalah satu lagi cabang yang boleh digunakan oleh pihak kementerian bagi mengalok belia-belia kita supaya menjana pendapatan sendiri, sekali gus dapat menggiatkan lagi kegiatan-kegiatan belia yang bersifat sosial di peringkat cawangan dan daerah.

Tuan Yang di-Pertua Hari Belia, anugerah-anugerah pertubuhan belia ini mestilah mempunyai nilai dan makna untuk membina belia dari segi semangat juang mereka, jati diri mereka sebagai pemimpin belia. Mungkin ada di antara kumpulan-kumpulan yang mendapat tajaan yang besar-besar daripada pihak-pihak ketiga, ini masukan mereka ke dalam kategori lain tetapi bagi pertubuhan-pertubuhan belia yang menggunakan kekuatan sendiri, yang membangunkan belia mereka di peringkat cawangan dan daerah, dengan hanya sumber yang mereka ada, inilah patut diiktiraf oleh kementerian sebagai galakan kepada belia-belia lain untuk terus mengaktifkan pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat cawangan.

Saya anjurkan supaya Hari Belia... . Masa Tuan Yang di-Pertua muda-muda dulu, kita ada satu hari belia di mana Pingat Hang Tuah dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong ketika itu kepada belia-belia yang berjasa menyelamatkan nyawa rakan mereka dan sebagainya, agar ini dihidupkan semula sebagai suntikan motivasi kepada orang-orang muda, belia-belia untuk terus melakukan kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan ini. Pingat Hang Tuah bagi belia itu harus diperkenalkan dan harus dianugerahkan oleh Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, baru-baru ini kementerian ada wujudkan Rakan Muda Desa Wawasan dan Rakan Muda Desa Wawasan ini seolah-olah bergerak secara kompetitif atau bersaing, dengan gerakan-gerakan belia, pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat cawangan dan daerah. Saya kira eloklah jika Rakan Muda Desa

Wawasan digabungkan bersama dengan gerakan-gerakan belia di peringkat cawangan dan daerah supaya mereka tidak terlihat terpisah dalam kegiatan bagi membina belia negara kita. Jadi cukuplah Tuan Yang di-Pertua terima kasih, saya menyokong usul ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

4.58 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006.

Memang jelas Tuan Yang di-Pertua, akta baru ini merupakan satu aspirasi baru bagi harapan rakyat Malaysia umur 40 tahun ke bawah iaitu belia dan memang kita akui, separuh daripada rakyat negara Malaysia memang dalam lingkungan umur 40 tahun ini. Persoalan yang kita hadapi ada pro dan ada kontra. Saya juga menerima panggilan dan pesanan-pesanan ringkas daripada rakyat Malaysia di seluruh negara supaya ingin turut bertanya kepada kerajaan, kepada kementerian bagaimana nak menjustifikasikan akta yang baru ini sehingga kita boleh membawa satu perubahan kepada generasi baru yang merupakan generasi alaf 2001, alaf 21 untuk penyediaan proses penggiliran kepimpinan.

Persoalan yang kita hadapi, apakah kita akan berjaya untuk membendung segala masalah dan gejala-gejala negatif yang berlaku pada hari ini di kalangan masyarakat belia kita? Apakah akta ini benar-benar telus? Sebab saya membaca bahawa mana-mana..., ada *option*, ada persatuan yang pimpinan dia lebih 40 tahun, dia boleh tidak ikut, dia tidak boleh mendaftar dengan kementerian

Kalau dia tidak mendaftar, dia masih persatuan belia tetapi tidak dibiayai oleh kementerian. Ada pilihan. Bermakna MAYC, Belia 4B boleh jalan sendiri. Persoalannya mereka tanya, selesai kah masalah kita? Jadi ini kementerian harus meneliti secara terperinci sebab pada saya, akta ini diwujudkan untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi. Kalau berterusan juga begitu, untuk apa kita bahas akta demi akta. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini merupakan satu kerja yang belum selesai. Jadi perlu ada penyelesaian secara menyeluruh. Kenapa buat pilihan? Kenapa diberi pilihan, boleh tidak mendaftar tapi tidak mendapat apa-apa. Bermakna siapa sahaja yang mampu boleh jalan sendiri. Dia mendaftar di bawah akta pertubuhan, tidak perlu didaftar di bawah akta kementerian.

Yang menjadi persoalan besar lagi iaitu kemampuan, *capability*. Rata-rata belia di negara kita ini yang ada kelebihan dari segi ekonomi, dari segi *financial* boleh bergerak untuk menggerakkan belia ini iaitu mereka yang sudah ada had umur yang lebih dari 40 seperti; Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan macam-macam lagi seperti ahli-ahli korporat. Di negara kita ini, belum ada ahli korporat yang 30 tahun atau 25 tahun. Ada pun boleh dikira dengan jari...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi inilah...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada apa yang saya fahami Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebut tadi ialah pertubuhan

belia yang ada sekiranya ingin mengekalkan pemimpin yang berumur ke atas 40 tahun, dia masih boleh mengekalkan pertubuhan tersebut tetapi ia tidak lagi menjadi pertubuhan belia, dia hanya menjadi pertubuhan biasa. Kalau hendak jadi pertubuhan belia, pemimpinnya atau ahlinya mesti berada di bawah 40 tahun. Itu fahaman saya dan saya rasa itu pun akta.

Persoalannya ialah kalaulah pemimpin pertubuhan belia yang ada sekarang ini sangat besar kuasanya atau mempunyai pengaruh yang besar dia tidak perlu berundur. Dia hanya perlu mengekalkan pertubuhan tersebut, cuma lari daripada naungan pertubuhan belia. Ertinya Yang Berhormat mengatakan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sudah tidak ada kuasa ke atasnya. So, boleh bagi penjelasan *for the confusion* di sini. Maknanya orang yang berkuasa masih boleh mengekalkan kuasanya tapi dia tidak lagi di bawah Kementerian Belia dan Sukan, ia di bawah pertubuhan biasa. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, inilah yang menjadi kekeliruan. Bukan kita sahaja bahkan seluruh masyarakat di luar sana. Jadi saya jadikan sebahagian ucapan Yang Berhormat bagi Ketereh untuk kementerian beri penjelasan, bagaimana menghurai dan merungkaikan persoalan ini sebab siapa yang mampu masih boleh kekal di situ tanpa ada gangguan daripada mana-mana pihak. Jadi persoalan yang kita hadapi seperti awal tadi, apakah masalah belia selesai dengan ada akta ini? Sekiranya tidak selesai, kenapa dan untuk apa akta ini kita bawa, untuk kita bahas, untuk kita rungkai?

Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang bertanya umur belia dihadkan. Bagaimana pula dengan umur Menteri Belia dan Sukan. Apakah juga melingkungi 40 tahun untuk merealisasikan hasrat belia itu sendiri. Apakah mahu dihadkan ataupun dibiarkan begitu? Bagaimana dengan pengarah belia? Bagaimana dengan lembaga belia? Bagaimana dengan pegawai-pegawai belia? Adakah logik dia kata umur 55 tahun membawa belia 30 tahun dalam suasana belia sudah tentu tidak serasi. Jadi, apakah umur pegawai-pegawai juga dihadkan kepada 40 tahun supaya lebih seimbang, lebih serasi antara organisasi belia dengan pegawai-pegawai belia itu sendiri.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun keliru juga Yang Berhormat kerana dalam pelantikan pegawai-pegawai Rakan Muda di kawasan-kawasan Parlimen, umurnya dihadkan umur 26 tahun sahaja. Kenapa ini berlaku? Kalau 40 tahun dilanjutkan kepada 40 tahun. Ini juga mengelirukan. Jadi mungkin barangkali Yang Berhormat setuju dalam kita hendak menangani masalah belia, sepatutnya kita halusi dahulu oleh kerana macam Yang Berhormat kata tadi, mereka ada pilihan. Saya bimbang nanti kalau ada 1,000 persatuan belia, mungkin yang tidak bersetuju, dia tak mahu masuk bawah akta ini maka kekallah separuh mungkin $\frac{3}{4}$ pasukan belia ini dengan Pendaftar Pertubuhan, apa akan jadi pada persatuan belia kita? Ini kerana mereka hendak pemimpin yang berpengaruh untuk mencari dana, untuk mencari wang. Kalau hendak mengharap setakat kepada kementerian barangkali mungkin agak terhad peruntukan yang disediakan.

Maka sebab itu saya minta Yang Berhormat, penjelasan, barangkali Yang Berhormat setuju kalau kita serius dalam meningkatkan martabat belia, peruntukan kepada Kementerian Belia dan

Sukan itu sendiri perlulah diperbanyakkan. Dijadikan satu penelitian, satu peruntukan yang besar. Bukan hanya sekadar untuk memberi peruntukan untuk buat mesyuarat agung. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dalam hal ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya Tuan Yang di-Pertua memang begitu bersetuju sebab berapa sangat kewangan yang boleh disumbangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan apabila..., contohnya belia di kawasan saya mewujudkan satu kelab belia yang berdaftar di bawah kementerian. Berapa peruntukan yang diperoleh? Kalau hanya seperti Yang Berhormat bagi Larut kata, cuma untuk mesyuarat *EGM* sahaja bagaimana dengan aktiviti-aktiviti yang lain. Sudah tentu fungsi belia itu sendiri sudah tidak berkembang dan ini sudah semestinya mereka kena mencari. Kadang-kadang penaung ini boleh juga diharap tetapi dia pun *limited* juga. Namun lain ceritanya kalau contohnya, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, Pengerusi Belia 4B. Dia bukan lagi penaung, dia sendiri presiden, dia sendiri keluar belanja, dia sendiri cari bajet peruntukan dan sebagainya. Jadi cubalah satu orang ganti yang 40 tahun ke bawah jadi Presiden Belia 4B, bayangkan bagaimana kehancuran organisasi yang 400,000 ahli itu...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Maran, Maran.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila, sila. Ini jarang-jarang tanya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]: Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju bahawa dengan adanya akta ini, sekarang kita ada satu tafsiran rasmi bahawa belia itu adalah had umurnya 40 tahun ke bawah. Bermakna kalau 40 tahun ke atas, dia juga buat persatuan-persatuan lama-kelamaan ia tidak akan diiktiraf ataupun diterima ramai sebagai satu persatuan belia. Ia lama-lama jadi NGO sahaja. Sekarang akta ini telah pun memudahkan kerja kita ada tafsiran rasmi, *official recognition*, belia adalah 40 tahun ke bawah.

Keduanya, adakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawa ramai jutawan-jutawan baru ini yang sudah beratus, tiap-tiap tahun jutawan baru semuanya, adalah bukan sahaja berkelulusan tinggi tetapi dalam lingkungan umur 30 tahun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya memang bersetuju dan saya memang mengalu-alukan akta ini sebab sekurang-kurangnya kita ada *trademark* iaitu satu *border* landasan ke arah bagaimana menilai sebuah organisasi belia itu dengan yang bukan belia. Walau bagaimanapun, persoalan kita hadapi iaitu, apakah dengan akta ini kita akan dapat merealisasikan keseluruhan aktiviti belia itu mengikut gambaran yang kita impikan. Ini satu perkara yang harus diteliti oleh pihak kementerian sebab pertama, pihak kementerian saya dimaklumkan ada juga peruntukan-peruntukan seperti Yang Berhormat bagi Larut minta lebihkan peruntukan, memang ada peruntukan

tetapi pelaksanaan *delivery* untuk bajet ataupun peruntukan tersebut tidak sampai ke sasaran dan salah di mana. Apakah kita mencari kesilapan pegawai pelaksana ataupun bagaimana.

Yang kedua, saya memang bersetuju bahawa rata-rata rakyat Malaysia ini memang ada menjadi jutawan yang masih muda, tapi persoalannya komitmen mereka. Mahu kah mereka *commit* ke arah *sacrifice* kewangan, peruntukan yang mereka peroleh, itu persoalannya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Sekarang ini saya rasa mendung agak hilang apabila diperkatakan bahawa akta ini telah mengehadkan mereka yang berumur bawah 40 tahun menubuhkan persatuan, itu dinamakan persatuan belia, *jurisdictionnya* adalah Kementerian Belia dan Sukan. Yang ke atas 40, ianya sudah tidak lagi menjadi belia ianya adalah merupakan *non-government organization* atau NGO yang biasa. Kamu boleh teruskan aktiviti kamu, ada duit atau tidak, tetapi yang saya ingin tanya apakah Yang Berhormat bagi Kinabatangan bersetuju kalau saya katakan sebenarnya yang akan mengukuhkan aktiviti belia ini bukan umurnya.

Ianya sebahagian daripada syarat tetapi yang lebih penting untuk Kementerian Belia dan Sukan ialah aktiviti, kurikulumnya, kerjanya, perbuatannya, panduannya dan sebagainya. Itu yang lebih penting untuk memastikan bahawa mereka yang berada di bawah umur 40 yang mengaku dirinya persatuan belia yang mendapat bantuan daripada Kementerian Belia dan Sukan ini menjalankan tanggungjawabnya untuk menjadi generasi pelapis pada masa akan datang. Boleh Yang Berhormat bersetuju?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang saya bersetuju sangat Tuan Yang di-Pertua. Bukan soal faktor usia atau umur dia tetapi komitmen dia, kesungguhan dia dan kesudian dia. Bagaimana dia menjadi seorang warganegara yang rela berkorban untuk masa depan dan demi belia bangsa negara dia. Itu yang saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh. Jadi persoalannya itulah yang hendak kementerian lebih teliti secara bagaimana pelaksanaan akta ini boleh direalisasikan sehingga masyarakat belia itu sendiri puas hati bahawa benar-benar ada kurikulum dia, benar-benar ada hala tuju dia, tujuan dia, wadah dia, benar-benar ada pokar sehingga belia kita pada hari ini yang digelar Mat Rempit jadi pembunuh, jadi penyamun, jadi perompak dan mereka menjadi warganegara yang membawa negara kita ke satu pencapaian yang lebih dinamik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi mengatakan kita ada dua pilihan iaitu kalau persatuan belia yang tidak mahu masuk menyertai akta ini, ia bebas dan bererti nama belia mesti kekal. Bermakna kita ada dua belia sekarang. Belia yang bawah umur 40 tahun dan mungkin barangkali belia yang 40 tahun ke atas. Di mana kuasa kita kalau akta ini tidak ada kuasa untuk menghapuskan istilah belia itu tadi oleh sebab persatuan belia itu tadi yang tidak mahu menyertai akta ini kekal dengan persatuan belia juga. Jadi apakah Yang Berhormat melihat bahawa ini satu barangkali kelemahan yang perlu kita lihat yang perlu kita halusi.

Kalau tidak kita ada dua persepsi Tuan Yang di-Pertua, satu belia yang tua dan satu lagi belia yang muda. Oleh sebab tiada kuasa yang boleh menghalang mereka yang tidak menyertai akta ini, Suruhanjaya Belia ini kekal dengan cara lama dengan bebas begitu. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Seharusnya di peringkat awal Kementerian melihat tidak ada pilihan, kenapa dibagi opsyen? Kenapa Kementerian hilang kawalan? Seharusnya dimestikan organisasi belia harus di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Mana-mana yang tidak hendak, dia tidak oleh didaftar apa juga sama ada di Akta Pertubuhan ataupun belia itu sendiri. Kalau tidak, memang timbul... Saya bukan memperkecilkan dan memperlekehkan tetapi rata-rata masyarakat kita ini saya melihat mereka bergantung kepada pimpinan yang ada kewibawaan, bukan yang baru ini tidak berwibawa. Mereka juga mempunyai proses yang sama tetapi sudah jelas dan nyata.

Dalam negara kita ini, mana-mana organisasi belia sebelum akta ini dibentangkan, rata-rata pimpinannya iaitu mereka-mereka yang berjawatan, ahli korporat yang ada kewangan. Itu sebablah banyak kelab belia yang muflis sebab mereka tidak ada aktiviti. Ya, sila.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma sekali lagi hendak bertanya. Saya yakin dan saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat yakin bahawa sebabnya sekarang tidak muncul pemimpin-pemimpin belia yang muda tetapi mampu iaitu yang jutawan dalam umur 30-an kerana mereka agak segan untuk bertanding dengan Ketua Menteri Melaka ataupun dengan Menteri Luar Malaysia. Ini adat resam kita dan kita tidak hendak bertanding dengan orang-orang seperti itu. Lebih-lebih lagi orang seperti itu mempunyai kuasa yang banyak.

Tetapi kalau orang ini telah pun dinyahkan dari istilah belia ini, maka sudah tentu saya yakin banyak belia-belia yang mampu dan yang minat untuk memberi khidmat kepada masyarakat, yang jutawan dan yang berkelulusan tinggi akan muncul sebagai pemimpin-pemimpin belia. Adakah Yang Berhormat yakin?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soal keyakinan ini Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Cuma seperti awal-awal saya katakan tadi berapa ramai yang mampu dan yang mahu bersukarela maju ke hadapan untuk membawa arus perjuangan sedangkan mereka harus sedar bahawa belia yang dipimpin itu adalah wadah yang akan kita sediakan untuk menggalas masa hadapan negara. Tetapi berapa orang yang sanggup berkorban untuk ini? Ada juga mungkin sebab kalau saya Ketua Menteri Melaka buat apa lagi jadi pegawai persatuan belia ini? Sudah tua-tua, sudah bercucu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tetapi oleh sebab demi masa depan belia bangsa Malaysia, maka dia pegang. Menteri Luar pun sudah 60 lebih tetapi orang mahu dia juga, bagaimana mahu tolak?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Soalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah. Jadi apakah ini akan dipertimbangkan dan diperhalusi oleh kementerian? Kalau boleh jangan bagi opsyen sebab kita juga mahu organisasi belia kita ini dipimpin benar-benar oleh belia yang seperti 40 tahun ke bawah ini. Macam contoh di negara-negara lain, mereka 12 hingga 35 atau 32 tetapi kita memadai.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Minta laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedangkan di Eropah dia kata *life begins at 40*. Umur bermula daripada 40. Kenapa pula mereka tidak boleh memimpin?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, hari ini maknanya dengan kita luluskan akta ini, ada dua jenis belia. Satu belia yang berdaftar di bawah Registrar of Society 1966, Akta Pertubuhan, dia boleh juga. Satu lagi yang diluluskan di bawah ini, ada dua. Jadi maknanya penyelesaian kepada masalah belia tidak juga selesai. Apakah ada satu keberanian kementerian untuk menyelesaikan perkara ini? Belia hanya ada satu kitab sahaja tidak ada lain kitab lagi, ini ada dua kitab, ada dua mazhab iaitu mazhab tua dan mazhab muda. Jadi macam mana Yang Berhormat bagi Kinabatangan punya fikiran?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan boleh saya sambung? Pada pandangan saya sebenarnya saya berbeza pendapat. Sekarang ini dengan lulusnya akta ini, hanya ada satu sahaja belia iaitu yang berumur 40 ke bawah yang di atas 40 dia tidak boleh panggil diri dia belia, *they are not supposed to be* belia. Dulu tidak ada sempadan tetapi bila ada akta ini, ada sempadan. Sempadannya adalah 40. Kalau tanya saya sempadan belia seharusnya 30. Jadi yang lebih daripada 40 kalau dia hendak panggil dia belia juga, dia kena kata belia purba. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, Yang Berhormat saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh. Mungkin dia punya ketua berumur 50 tetapi ahlinya mungkin 25, 30 dan ini sebab ada satu ketidakadilan. Okey, geran kerajaan hanya diberi kepada belia yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Belia. Belia yang berdaftar atas menggunakan Registrar of Society 1966 dia tidak dapat sedangkan dia adalah ahli belia, ahlinya. Bukan soal pemimpin sahaja. Pemimpin soal lain tetapi ahli kalau majoriti ahlinya hendakkan katalah Ketua Menteri Melaka menjadi dia punya presiden, umur dia lebih dan saya difahamkan di Sarawak, Ketua Menteri Sarawak, SABERKAS umurnya 70. Itu tidak jadi masalahnya tetapi dia masih juga dikatakan sebagai pemimpin kepada persatuan belia.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Jadi penasihat sahajalah tidak payahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalnya keadilan kepada kerajaan. Kerajaan kita adalah kerajaan yang adil. Soal *grant*, apakah harus *grant* kerajaan, duit kerajaan, duit rakyat ini hanya disalurkan kepada belia-belia yang di bawah akta ini? Belia-belia di bawah Pendaftaran Pertubuhan 1966, tidak dapat apa-apa. Apakah ini keadilan? Apakah Kementerian Belia dan Sukan yang menjadi payung kepada semua belia, apakah wajar?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, siapa yang berucap, siapa yang minta penjelasan?... [*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah Yang Berhormat rakan-rakan, Sri Gading, Ketereh, akta ini sebenarnya melibatkan masyarakat kita sebab anak-anak kita belia juga Tuan Yang di-Pertua. Mereka bertanya kepada kita, jadi apakah kementerian mempunyai penyelesaian sebab pada asalnya tujuan akta ini bukan hanya menggariskan panduan khidmat belia di negara tetapi...

Tuan Mohd. Yusof bin Majid [Setiu]: Setiu, Setiu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Untuk menyelesaikan masalah-masalah belia. Sekejap ya, nanti saya bagi.

Jadi apakah dengan tercapainya akta ini, masalah kita selesai? Itu saja yang kita mahu tahu. Ataupun ada lagi belia yang terbiar sebab mereka tidak mendaftarkan diri di bawah Kementerian Belia dan Sukan? Akhirnya mereka tidak mendapat apa-apa sebab mereka enggan mengikuti akta ini tetapi ramai, beratus-ratus ahlinya berumur 35 tahun ke bawah. Bermakna wujud unsur-unsur penganiayaan Tuan Yang di-Pertua. Silakan.

Tuan Mohd. Yusof bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kalau kita melihat dari segi komitmen belia ini dengan masalah tidak ada persatuan, persatuan tidak aktif dan sebagainya, bagaimanakah pandangan Yang Berhormat kalau kita melihat dengan terlaksananya akta ini, sejauh manakah *entertainment* daripada jabatan-jabatan yang ada. Contohnya, seorang pengerusi persatuan belia datang ke Pejabat Perikanan, mencadangkan untuk membuat program-program yang bersesuaian mengenai perikanan kepada ahli-ahli persatuannya.

Sejauh manakah *entertainment* ini ataupun kerjasama yang dapat diberikan oleh jabatan-jabatan ini? Maka sebab itu kalau kita persoalkan sejauh mana untungnya kita ada persatuan, sebab itu persatuan yang ada pada hari ini pun dilihat malap, tidak bersemangat dan sebagainya kerana tidak ada *entertainment*. Lebih baik dari segi kewangan dan sebagainya. Jadi, kalau begini keadaannya, mungkin banyak persatuan dapat kita tubuhkan tetapi, sejauh mana dengan banyaknya persatuan ini dapat kita membiayai dan menggerakkan persatuan ini sedangkan tidak ada *entertainment* untuk mereka. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Ini yang berlaku Tuan Yang di-Pertua. Bekerjasama di antara pegawai, agensi dengan agensi itu tidak wujud. Seharusnya kalau mereka, pelaksana ini benar-benar ikhlas berkhidmat dengan kerajaan dan rakyat, maka tidak timbul soal *entertainment* yang dingin. Perhubungan yang dingin. Seharusnya wang yang ada disediakan untuk mereka menggembleng segala kemampuan dalam agensi mereka, harus digabungkan bersama untuk tujuan mencapai wawasan negara. Yang kita hendak jaga ini ialah belia. Belia adalah harta, aset negara. Jadi siapa lagi penjaga mereka, sudahlah Pegawai Belianya... Tak tahulah macam mana nak cakap Tuan Yang di-Pertua, lembap tidak lembap, lembik tidak lembik. PR pun tidak ada...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Keras, tidak keras!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Keras pun tidak keras! Saya pun tidak tahulah macam mana?

Jadi dengan pewujudan akta ini, rata-rata meminta, apakah kementerian akan mewujudkan pegawai-pegawai belia di setiap daerah. Bukan seorang pegawai sahaja tetapi dengan segala jenteranya, kemampuannya dan kebolehannya. Kalau tidak ada, cuma semata-mata untuk merealisasikan akta, biar kita ada *trademark*. Akta Belia, itu tidak masuk akal Tuan Yang di-Pertua. Kita mahu perubahan. Apabila akta diubah di bawah pun kena berubah. Pegawai-pegawai di daerah, di kampung, di Kinabatangan tidak ada, di Sandakan ada, tetapi fungsinya pun begitu terhad.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat bagi Maran, lama dah dia tunggu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh! Ada lagi?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya hendak menarik sedikit apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi. Ini didakwa bahawa di antara faktor kelemahan persatuan-persatuan belia adalah disebabkan oleh pemimpin-pemimpinnya yang sudah tua ataupun sudah lama dan sebab itulah sebahagian akta ini diadakan.

Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, kalau ini berlaku sedangkan dalam pemerhatian saya bahawa, sebahagian besar, lebih kurang 80% pemimpin-pemimpin belia yang ada sekarang adalah terdiri dari orang yang umurnya 40 tahun ke atas. Kalau ini alasan yang diberi, apakah Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya Yang Berhormat Menterinya, pegawai-pegawai belia di peringkat daerah, sampailah ke peringkat negeri kita cadangkan 40 tahun. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, ini saya sudah katakan tadi, bukan saya tetapi rata-rata belia di luar sana meminta saya bertanya, bagaimana dengan Yang Berhormat Menterinya? Perlukan dia 40 tahun ataupun biarkan dia sampai 60 tahun. Bagaimana dengan pengarahnya, pegawainya, pelaksanaannya, lembaga mesyuaratnya, ahli majlisnya, majlis perundangannya? Apakah umurnya 50 tahun atau 60 tahun tetapi kita hadkan pemimpin belia 40 tahun ke atas tetapi yang mengendalikan masalah belia 60 tahun. Mana logiknya, mana secocoknya? Apa pegawai yang berumur 60 tahun boleh buat dengan belia?

Seharus juga, kalau pemimpin belia 40 tahun ke bawah, pegawai-pegawainya 30 tahun ke bawah, baru sesuai, baru selari, tetapi kalau kita seperti 'ketam mengajar anaknya berlari' tapi lariannya juga tidak sama, tidak betul, tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Kalau mahu rombak, rombak semua. Itu mereka kata. Jangan alang-alang, jangan 50,50. Betul! Saya pun berfikir tadi, saya baca betul-betul, Kalau ini tuntutan belia, kenapa tidak pegawai dia 40 tahun ke bawah, Yang Berhormat Menterinya pun 40 tahun ke bawah, baru syok. Sama-sama belia. Tidak ada lagi persoalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri dikecualikanlah!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Yang Berhormat Menteri dikecualikan, presiden belia pun kena dikecualikan sebab mereka juga menyumbang. Kita dalam

Dewan ini, mencari satu penyelesaian. Bukan untuk menggariskan sesuatu, untuk mengatakan bahawa inilah yang terbaik tetapi di sebaliknya, tidak ada justifikasi-justifikasi yang boleh menerangkan atau menterjemahkan bahawa akta yang akan kita wujudkan ini membawa satu perubahan atau mesej kepada belia-belia tersebut...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah sebetulnya kalau boleh akta ini akan kita luluskan. Saya pun bersetuju kerana ada garis panduan. Walau bagaimana pun, kena melihat wawasannya dan jangan dengan adanya akta ini, akan menambah, memecahbelahkan lagi organisasi belia di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat bagi Jerai.

5.28 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil jalan tengah Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak ada dua, belia muda dengan belia tua... *[Dewan riuh]* Belia muda dengan belia lama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Kepong itu belia tua kah, muda?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita kena mentakrifkan, apa makna belia? Ini, kalau kita dapat tahu perkataan belia tu apa, apa dia? Belia itu adalah generasi muda sebab itu dikatakan belia. Mereka tak panggil saya belia, tak panggil Tuan Yang di-Pertua belia. Jadi bermakna belia ini adalah golongan-golongan muda. Jadi biarlah golongan muda dengan golongan muda tetapi golongan-golongan yang lama dalam belia, saya tak kata tua, fasal kita tak boleh kata tua Tuan Yang di-Pertua, kita kena kata lama.

Orang yang lama, yang dah berusia ini wajar mereka menjadi penasihat kepada golongan belia, bukankah lebih elok? Macam kitalah. Mak bapak menasihati kita, sebagai ibu bapak, dia orang tua kita, dia rasa garam dulu dari kita.

Jadi, apa yang dibuat oleh kementerian ini, pada pandangan sayalah, sebagai bekas belia dan hari ini jadi orang lama, macam Yang Berhormat bagi Padang Rengas pun hero belia dulu... *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Kepong dia kurang minat, sebab itu dia tak berapa aktif...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh tanya sikit. Terima kasih lah Yang Berhormat. Kenapa Yang Berhormat ambil pertengahan, bererti serba salah lah.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, apa rasionalnya umur 40 tahun ini dijadikan sebagai panduan, dia adalah belia? Daripada mana kita ambil? Kenapa tidak 30 tahun? Kenapa tidak 39 tahun? Saya tertarik dengan Pemuda UMNO sebagai contoh. Pemuda UMNO pemimpinnya ialah tak ada had umur. Ketua Pemuda UMNO Malaysia dari segi kematangannya. Jadi apakah rasional Yang Berhormat lihat kenapa ditetapkan 40 tahun itu? Apakah kita guna pakai daripada negara-

negara lain yang boleh dijadikan contoh rasionalnya 40 tahun ini yang mereka ini adalah belia, 41 tahun bukan belia.

Saya bimbang kerana kita membuat perbandingan. Yang mendaftar tadi adalah belia. Yang tak mendaftar tadi mungkin dia belia juga, dia tidak mahu daftar. Jadi kita ada dua belia. Di sini saya lihat bahawa pihak kementerian mungkin barangkali terlajak sikit mungkin kementerian juga bersalah dalam keadaan ini. Yang mungkin tidak yakin tentang menyelesaikan dari segi had umur ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, belia kalau kita kata belialah. Kalau kita kata umur 50 kita nak panggil belia, eh!... tak gamak sangat. Macam saya ini dah beruban, kalau panggil saya belia tak kena, tak secocok. Jadi belia rata-rata kita anggap belia ini 40 tahun ke bawah. Apabila kita meningkat 40 tahun ke atas, bagi pandangan saya mereka ini adalah dianggapkan sebagai dewasa dan yang lebih itu kita anggap sebagai orang-orang lama yang berpengalaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau lebih daripada 40 Yang Berhormat, dipanggil beliau... [Ketawa]

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Setuju ke Yang Berhormat bahawa definisi belia ini dibuat oleh *United Nations*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dibuat oleh?

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: *United Nations*. Mengatakan bahawa belia adalah umur 40 tahun ke bawah. Dan Yang Berhormat kata tadi bahawa belia ialah golongan muda. Perkataan "*mudda*" itu ialah daripada perkataan Sanskerta. Sanskrit mengatakan "*mudda*" itu ialah orang yang kurang matang, itu katakan "*mudda*". Jadi, saya harap Yang Berhormat setujulah dengan pandangan saya bahawa 40 itu ialah definisi yang telah dibuat oleh dunia dan kita akur kepada arah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu, saya pun nak ke situ tadi... [Ketawa] Kerana Yang Berhormat orang yang lebih berpengalaman ya. Jadi,...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, sikit Yang Berhormat. Saya sambung sikit Yang Berhormat. Saya tertarik dengan pada sahabat saya ini Presiden Pengakap, Pesuruhjaya Pengakap. Bagaimana pula istilah budak pengakap?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu yang mengelirukan Yang Berhormat. Bila benda ini mengelirukan, jalan kita bertambah susah. Akan rumit. Sebab itu saya mintalah pihak Kementerian Belia dan Sukan kalau boleh kenapa akta ini diluluskan? Kuasa untuk meniadakan bahawa tidak ada lagi persatuan-persatuan belia yang lain, itu yang kita maksudkan. Kalau sekarang ada dua, Yang Berhormat memimpin satu pertubuhan belia katakan. Siapa nak layan

Yang Berhormat? Lepas itu kita beradu tenaga, tengok belia yang dipimpin oleh orang yang berumur 40 tahun mesti dia nak tunjuk dia hebat lagi daripada belia yang di bawah umur...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mana lebih aktif?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Mana lebih aktif. Macam Majlis Belia Malaysia. Katakanlah ada satu lagi Majlis Belia Malaysia berumur 40 tahun ke atas, apa macam? Ya, ini akan berlaku oleh kerana tidak ada kuasa yang menghalang. Barangkali Yang Berhormat Menteri bagus, Yang Berhormat Timbalan Menteri bagus nak melihat tetapi mungkin rujukan yang dibuat, nasihat-nasihat yang diberikan, kita tidak mahu oleh kerana adanya pengaruh-pengaruh politik menyebabkan wujudnya perubahan akta ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya berpendapat begini, Yang Berhormat. Saya memang bersetuju dari segi kalau kita nak katakan belia macam disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Langat tadi, maknanya dunia mengiktiraf bahawa 40 tahun ke bawah adalah belia. Yang melebihi itu adalah dewasa. Dan memang pun dari segi Islam, baligh dia pun mai waktu baligh umur 18 tahun dan ke ataslah orang kata baligh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pun bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Larut. Kalau kita kata belia 40 tahun, 40 tahunlah tapi kalau orang nak tubuh pula persatuan-persatuan lain di bawah pendaftaran akta, itu tak bolehlah. Dia boleh bergerak atas NGO ataupun badan sukarela tetapi tak boleh...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, ok lah saya bagi satu pandangan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Kalau badan-badan sukan boleh kita letakkan di bawah Pesuruhjaya-pesuruhjaya Sukan, tidak ada lagi dah mereka ini dalam mana-mana pendaftaran. Kenapa belia berlaku macam ini? Ini barangkali saya ingat benda ini mungkin tersalah pandang, saya tidak tahu Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat setuju supaya badan sukan kalau dulu di bawah Akta Pendaftar Pertubuhan, hari ini di bawah Pesuruhjaya Sukan. Tidak ada badan-badan lain. Kenapa belia boleh jadi begini? Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita buka kepada muka surat 43 Yang Berhormat, iaitu 35, Majlis Perunding Belia Negara. Jadi yang ini lebih kurang macam Yang Berhormat kata tadilah. Jadi majlis ini boleh dianggotai oleh lebih kurang sembilan jenis kumpulan-kumpulan yang akan menjadi pemikir kepada pembangunan belia di negara kita ini. Saya nak balik kepada tadi bahawa memang saya tak setuju kalau ada dua, satu belia di bawah kementerian, satu belia di bawah pertubuhan. Yang itu memang meng *confuse* kan. Yang Berhormat bagi Kepong, mencelarukan.

Jadi dia ada juga nanti, macam...Yang Berhormat bagi Larut nak pergi mana? Saya duk jawab, bila Yang Berhormat bagi Larut keluar?... [Ketawa] Dia akan mengelirukan. Jadi kalau kita kata belia yang di bawah jagaan Kementerian Belia yang diiktiraf di bawah nasihat Majlis Perunding Belia Negara, maka biarlah belia ini dengan belianya dengan had umur 40. Hak lain-lain itu kalau dia

nak tubuh, dia tubuh sebagai satu badan sukarela, NGO. Dia bergerak atas NGO dan dia boleh bergerak membantu bersama belia-belia ini, lebih baik. Dia *compliment*, dia bekerjasama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. .

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Jerai, saya berpandangan bahawa perkataan belia itu sendiri adalah merupakan satu perkataan yang *special*, yang istimewa, yang *sacred*, yang mulia. Jadi, kalau mana-mana pertubuhan nak guna pertubuhan belia itu pun perlu mendapat nasihat ataupun halanganlah daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan. Nak guna perkataan belia contohnya Gerakan Belia 4B mesti dapat kebenaran khusus daripada Kementerian Belia dan Sukan dan berdaftar di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Kalau dia tak nak pakai belia Yang Berhormat, tak apa. Contohnya Gerakan Belia 4B buang belia dia jadi Gerakan 4B Malaysia. Kalau MAYC itu yang Y itu buangkan jadi tinggal MAC sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat tentang benda itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Belia itu di bawah hak milik kementerian. Makna kementerian boleh mengacuankan bahawa sesiapa sahaja hendak menggunakan perkataan belia harus mendapat persetujuan daripada pihak kementerian. Macam kita nak tubuh syarikat pun kita kena hantar senarai nama, Akta Pertubuhan dia *check* tengok syarikat itu, kemudian kadang-kadang syarikat itu dah ada, dia kata tak boleh. Ataupun kadang-kadang perkataan itu perkataan yang tak boleh digunakan sebagai sebuah syarikat, maka tak boleh. Yang ini boleh kita gunakan, makna Kementerian Belia dan Sukan di peringkat negeri-negeri dan daerah, apa sahaja belia-belia nak tubuh ini mestilah dahulu membuat kajian.

Saya bersetuju kita ini hendak membangunkan negara yang majmuk, negara yang baik dan aman dan sejahtera. Kalaulah yang berumur lebih dari 40 itu juga ingin untuk menabur bakti kepada pembangunan negara, apa salahnya? Dia ada saluran dia, dia boleh. Dan yang belia ini biarlah dengan belianya supaya kita dapat mengacuankan mereka ini kehendak modal insan negara kita di masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Majlis... ya, sila, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya nak terus ambil kepada pandangan dan boleh dijadikan cadangan oleh Yang Berhormat tadi di mana persatuan ini yang bukan belia ataupun pertubuhan sukarela ini juga boleh dianggotai oleh belia. Adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa belia ini juga boleh menganggotai persatuan belia mereka yang umurnya 40 tahun ke bawah dan juga boleh menganggotai pertubuhan-pertubuhan lain yang mungkin pemimpin dia begitu popular, mereka boleh ikut dan mereka menjadi ahli belia di situ dan kalau mengikut akta ini, dia kemungkinan persatuan itu tidak akan mendapat suatu peruntukkan kalau dalam konteks itu. Oleh

kerana itu saya nak tanya apa pandangan Yang Berhormat kalau mereka menjadi ahli pertubuhan sukarela yang bukan belia ini, mereka juga oleh kerana mereka umur belia, harus mempunyai hak untuk diberikan peruntukan daripada kementerian ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya ingat kita tak patut halang. Kalau dia nak masuk di bawah NGO ke, maksud saya tadi NGO. Bukan pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan. Kalau dia tubuh akta pula, Akta Pertubuhan Belia Jerai, tak bolehlah. Pasal dia, bagi pandangan saya, belia adalah pertubuhan belia yang di bawah Pendaftaran Kementerian Belia dan Sukan pasal had umur dia dan peraturan-peraturan dia, tetapi kalau dia hendak masuk, dia umur baru 40 tahun, dia hendak masuk hak yang belia NGO kah, dia masuk, tidak ada masalah. Ini hak kebebasan manusia. Takkan boleh *stop*. Kalau dia hendak masuk belia yang NGO's, dia masuk. Dia masuk belia yang didaftarkan di bawah pendaftaran kerajaan, dia boleh masuk, tidak ada masalah. Yang pentingnya hari ini, pada pandangan saya, Akta ini, adalah untuk kita menyelaraskan dan membentuk belia negara kita untuk masa hadapan dan masa kini yang saya nampak agak celaru sedikit. Dengan keadaan-keadaan yang mendatang ini, kadang-kadang kita dapat lihat, kita di luar kawalan untuk mengawal belia-belia ini.

Jadi mungkin dengan adanya Majlis Perundingan Belia ini, pemikir-pemikir yang duduk di dalam Majlis Perundingan Belia ini akan memikirkan arah tuju, bagaimana kita hendak bentuk satu gabungan belia yang berguna untuk negara. Dalam hal ini saya mintalah kalau boleh, menteri-menteri pun campur, tidak apa. Campur belia yang bawah umur 40 tahun, dengan orang yang berpengalaman, orang yang lama-lama, bekas-bekas pemimpin pertubuhan belia supaya dia boleh bagi input kepada Majlis ini untuk kita membentuk belia-belia di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan kementerian ini bukan dia kena lihat di sini sahaja. Dia kena bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran. Dia kena bekerjasama dengan tadika-tadika. Membentuk masyarakat, dia bukan boleh bentuk bila umur dia sudah jadi buluh. Tidak boleh. Dia kena dibentuk semasa dia rebung.

Jadi, masa rebung ini semasa dia di persekolahan. Semasa dia di tadika. Kita kena bentuk mereka ini di situ dan membawa mereka ke hala tuju yang dikehendaki oleh negara. Maknanya kita acukan mereka di peringkat sekolah. Mereka ini akan jadi belia satu hari nanti dan mereka ini, pelajar-pelajar universiti ini boleh dikatakan rata-rata belia hari ini, apakah *contribution* ataupun khidmat balas balik mereka kepada negara? Mengapakah tadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu kata belia-belia yang berjaya, yang lulus, yang berijazah, yang jadi profesional tidak mahu bertungkus-lumus dengan belia-belia yang di kampung sedangkan mereka pun adalah anak kampung. Mereka anak nelayan, tetapi apabila mereka sudah berjawatan besar, mereka sudah melupai asal-usul mereka. Ini adalah kerana pembawaan, bukan dasar. Kita boleh buat dasar, tetapi kalau sudah tua bangsa, sudah berumur...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini pemimpin belia.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Bekas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dengar tadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu bercakap panjang. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Jerai dan banyak yang mencelah. Ramai yang mencelah tadi. Persoalan dia ialah, hendak tekan sekali lagi, selama ini belia lesu bukan kerana umur saya kira tetapi kalau diluluskan akta ini, kita tubuh persatuan belia, kementerian lepas tangan sahaja, belia balik kepada asal dia.

Macam yang berlaku pada hari ini. Setuju tidak Yang Berhormat, Kementerian Belia kena ada perancangan yang lebih teliti, peruntukan yang lebih banyak dan ada program jangka panjang. Kita lihat, kalau kementerian kita asingkan antara Kementerian Pengajian Tinggi satu menteri, Kementerian Pelajaran satu menteri, setuju atau tidak kita asingkan pula untuk fokus dia 11 juta rakyat Malaysia ini ialah golongan belia dan kita hendak melahirkan pemimpin masa hadapan negara, setuju atau tidak kita asingkan pula? Pandangan Yang Berhormat, kita asingkan Kementerian Belia dan Kementerian Sukan, supaya lebih memberi penumpuan kepada pembangunan belia kita di masa hadapan. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Jerai? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang ini saya ingat hak mutlak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk hendak menubuhkan, menambah kementerian ataupun mengurangkan kementerian, tetapi oleh sebab sekarang ini kita ada kementerian ini, saya minta Suruhanjaya ataupun Majlis Perundingan Belia ini dia kena serius dari segi memikirkan. Ini adalah tenaga pemikir...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Jerai minta sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat kita mintalah kepada... Yang Berhormat mungkin setuju, saya minta penjelasan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Tambahkan kuasa yang ada. Selepas ini bila akta diluluskan, 40 tahun belia, yang bukan 40 tahun, bukan belia lagi. Tidak pernah wujud dua pilihan. Belia hanyalah di bawah Suruhanjaya Belia, tidak ada pilihan lagi. Apakah Yang Berhormat bersetuju? Sebab kita kena tegas.

Kalau kita pun tidak yakin, dengan adanya lagi pilihan yang lain, kita tidak akan tercapai hasrat kita. Tidak boleh kita hendak realisasikan. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita pinda, tambahkan kuasa kepada Kementerian Belia dan Sukan, Suruhanjaya Belia. Hanya 40 tahun ke bawah yang diiktiraf sebagai belia. Yang lain, tidak ada pilihan lain, mesti duduk di bawah Suruhanjaya Belia. Apakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya memang macam itu. Saya sudah beritahu dari tadi lagi Yang Berhormat bagi Larut. Maknanya, 40 tahun belia, belialah. Selepas 40 tahun itu dia bukan belia. Kementerian pun kena buat macam itulah. Jangan sekejap belia, sekejap tak belia, sekejap belia, sekejap tak belia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, dia ada pilihan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Dia ada dua..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Katalah Yang Berhormat, Yang Berhormat memimpin belia Jerai. Yang Berhormat mungkin bukan belia lagilah, sudah lebih 40 tahun. Memang betul, Yang Berhormat tidak hendak menyertai akta suruhanjaya ini. Yang Berhormat tetap belia lagi. Memang masih belia. Tidak ada orang boleh menghalang Yang Berhormat untuk mengubah nama belia, sebab kuasanya tidak ada. Yang kita minta sekarang ini, kuasa diberikan kepada Suruhanjaya Belia ini hanya 40 tahun ke bawah belia. Tidak ada lagi perkataan "Belia", pada mana-mana pertubuhan sama ada dia masuk atau dia tidak masuk. Itu maksud saya.

Kalau tidak, dengan ada pilihan ini, akan timbul masalah. Masalah juga kepada Kementerian Belia dan Sukan. Mereka lompat sana, masuk sini. Esok lompat sana hendak dapat peruntukan, masuk sini. Kerana siapa yang boleh putuskan. Kalau boleh beritahu saya Yang Berhormat, saya minta penjelasan? Mana ada *database* belia yang ada pada hari ini, yang boleh menentukan mereka itu macam mana ahli belia? Dia masuk sekejap, dia keluar. Esok masuk, dia keluar. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya setuju, setuju dengan Yang Berhormat bagi Larut. Iaitu kalau belia, belialah. Yang Berhormat Timbalan Menteri balik beritahu dekat Menteri dan pegawai-pegawai ini makna belia *is* belia. Yang *talking about* belia, bercakap pasal belia, 40 tahun ke bawah kita *endorse*. Yang 40 tahun ke bawah itu belia. Selepas 40 tahun itu, dia bukan belia lagi. Dia kira orang yang berumur...

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Sekali, sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Sekali, sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai jika sekiranya kita wujudkan dua jawatan Timbalan Menteri iaitu satu Timbalan Menteri Belia dan satu Timbalan Menteri Sukan supaya tumpuan yang lebih khusus boleh diberikan ke arah pembangunan belia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: La ni ada berapa Menteri, Timbalan, dua? Bolehlah. Menteri pun janganlah dok kawal kesemua. Dia kena bagilah ya? Kadang-kadang ada dia kawal sampai apa pun dia tak bagi dekat Timbalan dia. Sampai apa pun tak ada dekat Setiausaha Parlimen dia. Mai dok kepit fail, duduk dalam Parlimen, kesian dekat kawan pun. Jadi tak apa, bagilah. Asalkan Suruhanjaya ini tolong nasihatlah.

Saya kata Suruhanjaya ini tolong nasihat kerana Tuan Yang di-Pertua, saya amat merasa bertanggung jawab. Kerana saya dapat lihat dia kena kaji daripada semua, fasal apa orang 'merempit', pasal apa belia suka melepak, dia kena kaji. Fasal apa belia yang banyak melibatkan diri dalam dadah, dia kena ambil tahu. Bukan setakat mai cerita, ini banyak dadah, Mat Rempit yang itu, yang ini, semua hendak serah dekat polis. Masalah polis pi kutip, hak tengkorak hidup pi ambil. Hak

'merempit' pun polis dah selesai, tetapi kita tidak ada satu formula untuk menyekat benda ini daripada merebak. Apa aktiviti yang kita hendak buat?

Tadi saya tengok dalam televisyen. Ada tadi kah semalam, ada dia kata, aktiviti di sebelah malam. Sukan di sebelah malam. Kadang-kadang kita lihat fasal apa belia melepak? Kerana mereka duduk di rumah yang tidak ada kawasan mainan. Maka mereka melepak, dia kata jalanan dan juga *supermarket-supermarket*. Ya, ya..., Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Setiu hendak tanya sedikitlah. Kita buat akta ini, dengan adanya akta ini, Yang Berhormat bagi Jerai menyebut tengkorak hidup, Mat Rempit, lepak dan sebagainya. Dan adanya akta ini bolehkah kita mengatasi masalah rempit, lepak, tengkorak hidup, dadah dan sebagainya ini? Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sudah tentulah dia kena buat kalau tidak, kuasa menteri, boleh pecat ini, kuasa menteri boleh pecat hak mana datang panaskan kerusi sahaja, kerja tidak buat hendak tunggu dapat bintang dan sebagainya kerana pegang jawatan banyak. Dan saya harap Yang Berhormat Menteri pun hendak lantik, lantik..., janganlah kawan itu 10 jawatan duduk bubuh lagi sampai 11, cukup. Bagi satu, dua jawatan buat kerja. Ini kadang-kadang yang ini dia pegang, yang itu dia, jawatan ini dia pegang, jawatan itu dia pegang, bila hendak boleh mesyuarat? Bila hendak boleh bagi idea?

Kita yang pegang satu jawatan sebagai Wakil Rakyat pun tidak dan. Ini kadang-kadang saya tengok, di sana jadi pengerusi, di sini jadi timbalan pengerusi, di sana jadi penasihat, di sini jadi penaung, otak dia itu taruh di mana? Orang lain takkan tidak ada otak. Bagilah orang lain sama. Jangan cari populariti dan suruhanjaya ini untuk kebaikan belia, kita tidak boleh cari populariti. Kita tidak boleh cari sesuatu untuk kepentingan diri. Kita kena memperhambakan diri dalam jawatankuasa ini untuk membentuk generasi akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya semangat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hadhari! Sila Hadhari.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai.

Saya rasa terpenggil tadi apabila kita asyik bahas soal *leader* kepada belia dengan semangat belia, kena ada beza itu. Sebab kalau kita 14 ke 50 jadi *leader*, inilah pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Kalau kita tidak pernah pegang jawatan 15 hingga 40, bagaimana kita hendak harapkan pemuda kita kepada negara ini. Maka bagi saya setujulah. Kalau hak tua-tua yang semangat ini, dia letaklah semangat Belia Pemuda seperti Khalid Ibnu Walid, seperti banyaklah pemimpin-pemimpin Sayidina Ali. Ini sudah tua tapi dia tidak panggil Sayidina Ali pemuda lagi. Dia semangat itu, semangat pemuda itu asah daripada 15 hingga 40 tadi. Jadi saya hendak tanya tadi, setuju tidak macam itu, hak semangat-semangat jangan ketepikan. Semangat kita sisihkan, lumpuh

negara ini. Bagaimana kena bezakan itu? Tegastah dalam akta. Setuju tak Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Kenapa cengil ni?... *[Ketawa]* Sebenarnya tanggungjawab belia ini bukan tanggungjawab menteri, pegawai-pegawai kerajaan, tanggungjawab kita bersama, semua ini. Kita bertanggungjawab, kita melahirkan anak cucu, kita bertanggungjawab. Ini anak cucu kita ini. Anak cucu Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Bagan, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, anak cucu kita, kemudian kita kena menjaga bersama. Kalau kita bersemangat katalah umur 40 lebih, 45 duduk semangat belia lagi, tidak apa pergilah tolong, tidak perlulah jawatan kalau hendak menolong.

Tidak perlunya kita jadi pengerusi baru kita hendak buat kerja. Tidak jadi pengerusi pun pergilah mesyuarat, hadir mesyuarat, bagi pandangan, bagi teguran, barulah belia ini akan hidup. Kita tidak boleh tengok bila belia ini, kita duduk bebel dekat belia ini. Tidak ajar, mak bapa tidak ajar, anak sampah masyarakat. Kadang-kadang mak, kadang-kadang keluarga asyik maki anak dia, "Hang ini sampah masyarakat". Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan Yang Berhormat bagi Jerai ini, saya dengar ucapan rata-rata tempat di Tangga Batu, Bagan, semua itu dia cakap kerana belia di luar dari kawasan Jerai. Apakah kedudukan belia di kawasan Jerai sendiri?... *[Ketawa]*. Apakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak ada kena mengena dengan akta ini Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Peranan Yang Berhormat sendiri dalam memupuk belia semua kaumlah di kawasan Jerai itu, Jerai itu bukan satu kaum sahaja? Kepelbagaian kaum di situ, Siam pun ada. Apakah peranan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini tidak termasuk dalam Rang Undang-undang Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat ini terkeluar daripada rang undang-undang tapi tidak apa. Saya adalah pemimpin wakil rakyat... *[Ketawa]*. Bila wakil rakyat, saya mewakili wakil rakyat keseluruhan dalam kawasan saya tidak kiralah India kah, Tionghoa kah, Melayu, Siam kah dan sebagainya. Peruntukan yang saya dapat, permohonan yang saya dapat daripada kerajaan, saya salurkan kepada mereka untuk buat aktiviti. Saya buat kelas tuisyen untuk budak-budak yang mana dapat kelulusan yang baik, tidak kira Melayu, Cina dan India, saya bagi mereka sebagai ganjaran terbaik kepada mereka. Kerana saya tahu, mereka ini akan memimpin negara pada masa akan datang. Saya mahu satu hari nanti bila saya bersara, saya lalu di Pekan Jerai, saya lalu di Yan, budak-budak ini kata, "Apa khabar Dato', Dato' sihat kah?". Itu pun sudah cukup bagi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat janganlah panjang sangat. Itu keluar dah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, sudah keluar dah. Ini Yang Berhormat bagi Keponglah. Yang Berhormat bagi Kepong selalu suka kacau kalau saya bercakap.

Di Kepong, apa Yang Berhormat bagi Kepong buat untuk belia-belie Kepong?... [Ketawa] Ragut, macam-macam berlaku. Sekurang-kurangnya kawasan saya ragut tidak ada tinggi. Tidak ada tinggi, tidak ada. Macam Yang Berhormat bagi Seputeh..., *nyet,nyet, nyet!*... [Mengajuk suara Yang Berhormat bagi Seputeh] Apa yang *you* buat Yang Berhormat bagi Seputeh? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya Majlis Perundingan Belia ini pertamanya, perlu *sit down*, kena set.

Adakan *mould* baru, kalau kita hendak buat kereta kita ada *mould*, baulu pun kita kena ada *mould* dia, acuan dia. Adakah acuan ini dan memahami masalah belia ini. Apakah hari ini hiburan yang keterlaluan merosakkan belia. Adakah kita buat kajian. Setiap malam, hiburan, hiburan, hiburan. Kadang-kadang...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya berminat tentang Majlis Perundingan Belia Negara, adakah Yang Berhormat boleh mencadangkan, memandangkan Majlis Perundingan Belia Negara ini adalah Parlimen, adalah satu bentuk Parlimen Belia bagi menggubal dasar, polisi kementerian untuk kebaikan para belia.

Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya kekerapan persidangan Majlis Perundingan Belia Negara ini diadakan selalu seperti perbincangan di Parlimen ini. Dan segala belanjawan belia, kegiatan-kegiatan, polisi dan dasar dibincangkan di peringkat Majlis Perundingan Belia Negara kemudian baru dibawa ke Parlimen oleh Yang Berhormat Menteri untuk diluluskan oleh Parlimen ini. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Jerai, setuju tidak kalau Kementerian Belia dan Sukan bina satu bangunan 'Parlimen Belia' bagi membina modal-modal insan ini untuk jadi pemimpin masyarakat di masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Saya bersetuju. Bukan buat tiga bulan sekali di peringkat awalan. Buat kerap-kerap tidak apa. Kita belanja duit tidak apa asalkan negara ini aman di masa yang akan datang. Modal, ini modal insan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata hendak modal insan, inilah modal insan, belia ini. Kalau modal insan ini kita tidak mahu belanja duit, kerana takut belanja banyak, maka satu hari nanti kita akan dapat modal insan yang tidak berguna untuk negara. Macam kita hendak rumah elok, kita tentul hendaklah simen yang baik dan sebagainya, barulah rumah itu tahan tapi kalau kita beli kayu yang murah, yang reput dan sebagainya, rumah itu tidak elok. Begitu jugalah kepada belia ini. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri, tidak apalah kita bukan hendak had pegawai, menteri, had umur 40, pegawai umur 40, kacau juga. Dia kalau muda semua, celaru juga. Dia kena ada gabungan yang itu lain.

Yang itu kementerian dia, pentadbiran. Pentadbiran hal lain. Maksud saya tadi, belia yang kawan saya kata pentadbiran hendak kesemua itu 40 pun susah juga. Dan kita lihat hari ini, kalau kita kata umur belia tidak boleh kita beri kepercayaan tetapi kita dapat lihat Yang Berhormat bagi

Tangga Batu. Anak-anak muda pada hari ini jadi tokoh korporat, anak-anak muda hari ini dia menjadi kepala syarikat-syarikat unit kerajaan. Umur bawah 40 pun ada mungkin mereka....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, sila-sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan! Umur berapa tahun, Yang Berhormat bagi Jerai? Ini bercakap mengenai kesejahteraan pemuda pemudi di bawah umur 40 tahun, Yang Berhormat umur berapa tahun?

Sebenarnya sampai sekarang semua Ahli Parlimen yang berucap lebih daripada 40 tahun. Mana pemuda-pemudi, *young MPs*, kenapa tidak ada? Sekarang MP yang berucap ialah orang-orang tua. Bagi *chance* lah mereka bercakap dahulu. Untuk kedua-kedua pihak, mana itu *young MPs*?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat sendiri pun berapa umurnya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya pun tidak bercakap, sebab itu saya tidak bercakap. Saya bagi *chance*...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor muda lagi. Muda, hah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Muda!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Umur saya 57 tahun.

Seorang Ahli: Oh, muda lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Muda lagi.

Seorang Ahli: Boleh berkahwin lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Muda daripada Ipoh Timor, tetapi cuba tengok, sungguhpun Yang Berhormat bagi Ipoh Timor umurnya lanjut tetapi dia mempunyai pengalaman, tetapi ada juga pengalaman-pengalamannya yang tidak boleh kita ambil kira, yang tidak boleh kita belajar darinya. Ada pengalaman yang boleh kita ambil, ada pengalaman dia yang kita tidak boleh ambil, kalau kita ambil, bercelaru!

Maksud saya di sini tidak semestinya saya bercakap, kerana saya pun ada pengalaman daripada belia, daripada pemuda dan saya menyokong apabila kerajaan kata umur 40 tahun bagi belia, pasal pemikiran belia berbeza daripada yang sudah berumur sikit. Macam pemuda, dia pukul 1.00, pukul 2.00 malam, dia *happening* lagi.

Umur kita, pukul 10.00, 11.00 malam sudah kena berehat. Kita tidak bolehlah hendak *happening* juga dengan mereka sampai pukul 1.00, pukul 2.00 malam. Tidak boleh, tetapi kita orang politik, pukul 1.00, pukul 2.00 malam masih okey lagi. Kalau orang biasa tidak boleh sebab orang politik ini dia unik, Yang Berhormat bagi Kepong. Orang politik ini dia dari alam yang berbeza. Unik. Pukul 12.00 orang balik duduk di rumah, kita baru keluar hendak pergi bersyarah. Pelik sikit orang politik ini.

Jadi, saya mahu Kementerian Belia dan Sukan ini, kita hendak luluskan yang ini. Saya pun sokong hendak luluskan yang ini. Okey, belia adalah belia. Jangan campur, jangan bagi bercelaru. Kita kata umur 40 tahun ke bawah ialah belia *Okey, full stop* di situ.

Kemudian, kita kena bantu belia ini. Kita kena beri kepercayaan. Kadang-kadang anak kita, ini bapak ni, sampai dia berkahwin, sampai dia beranak tetapi emak bapak tidak percaya pada anak itu. Tidak harap lagi pada anak itu. Kadang-kadang tanya, kenapa balik lambat, hendak mengatur. Cuba biarkan. Sebab itulah lepas berkahwin dia bawa anak bini duduk berasingan. Senang. Kalau duduk dengan kita, sebagai emak bapak bertanya, pasal apa tidak balik lagi. Cucu teriak sikit tengah malam, kita bangun. Kalut. Pada hal cucu terkejut tengah malam. Biarlah emak dan bapak dia selesaikan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nampaknya Yang Berhormat yang tidak muda itu, Yang Berhormat bagi Jerai menyokong takrif atau *definition* pemuda di bawah umur 40 tahun. Kenapa tidak memanjangkannya kepada *UMNO Youth*? *UMNO Youth* nampaknya tidak ada limit itu. Dulu ada juga orang 60-an pun menjadi Ketua Pemuda UMNO. Sekarang ini pun sudah lebih 40 tahun. Bukankah perlu diselaraskan supaya Pemuda UMNO pun tidak lebih daripada umur 40 tahun, tetapi akhirnya lebih baiklah beri *chance* kepada Ahli-Ahli Parlimen di bawah 40 tahun untuk bercakap, hah? Kita balik ke rumah, dan beri mereka bercakap... [*Mengangkat tangan dan berjalan meninggalkan Dewan*]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor balik!... [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ini Ahli Yang Berhormat yang tidak bertanggungjawab kepada belia di masa yang akan datang. Yang Berhormat kena bertanggungjawab. Kalau kita duduk dalam Dewan ini rang undang-undang ini masuk dan kita luluskan tanpa memberi pandangan dan pendapat bermakna kita tidak bertanggungjawab. Jadi, Yang Berhormat, parti lain, kementerian lain. Parti lain hal, kementerian lain hal.

Macamalah DAP dulu, kononnya tidak mahu tangguh, pemilihan tiap tahun kena buat, tetapi saya tengok, dalam TV baru-baru ini, setiausaha agungnya minta tangguh, tahun ini tiada pemilihan parti. Dulu bila UMNO buat penerangan parti, dia kata UMNO tidak itulah, inilah, tetapi DAP sendiri pun baru-baru ini sudah meluluskan penangguhan pemilihan dalam parti, dua belas bulan... [*Disampuk*]

Dulu, dulu DAP kata UMNO ini tidak demokrasi. Bila kita buat penangguhan, DAP kata tidak demokrasi, tidak mahu pilih, hendak kekalkan kepimpinan, tetapi bila hari ini DAP buat, tidak apa pula. Dia hendak samakan dengan UMNO. Tidak apalah...

Seorang Ahli: Dia hendak selamatkan setiausaha dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Hendak selamatkan setiausaha dia. Tidak mengapa Yang Berhormat bagi Kepong, sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, panjang lagi kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Habis dah. Cuma saya hendak beritahu, jangan jadi seperti Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Hendak bercakap pasal belia suruh belia bercakap. Apa salahnya orang-orang tua macam saya ini beri nasihat? Nasihatkanlah sikit. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor nasihatkanlah sikit kepada belia. Nasihatkan kementerian macam mana kita hendak buat.

Saya berharap bahawa kerajaan mengkaji, mengapakah belia-belia yang cerdas ini tidak mahu melibatkan diri dalam pertubuhan belia. Contohnya kalau budak ini *graduate*, dia sudah bekerja dan ada duit, apa salahnya dia berkawan dengan yang kurang sikit, beri pandangan dan pendapat. Sekurang-kurangnya abang boleh nasihat adik, "Janganlah merempit, bahaya dik oi!". Sekurang-kurangnya abang yang cerdas ini menasihati adik, "Jangan hisap dadah dik, ia merosakkan hidup kita".

Jadi, saya hendak suruhanjaya buat semua ini. Suruhanjaya ini kena duduk merangkumi orang-orang termasuk pemimpin-pemimpin kampung duduk dalam suruhanjaya ini, dalam majlis perundingan ini. Jangan ambil orang bandar sahaja. Mereka panggil *city*, apa?... [*Bertanya kepada Ahli Parlimen yang duduk di bahagian belakang*]

Seorang Ahli: *City boys*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa *city boys*? Semua datang dari kampung. *From* kampung *boy* baru jadi *city boys*. Yang Berhormat bagi Kepong daripada *Kelantan boy*, jadi *Kepong boy*. Betul, Yang Berhormat bagi Kepong? Yang Berhormat bagi Kepong daripada Kelantan sebab itu dia pandai bercakap Kelantan tetapi sekarang dia di Kuala Lumpur.

Kita mahu belia ini sama dan saya berharap pendidik agama ini tidak kiralah dia menganut apa agama tetapi dalam majlis perundingan ini tekankan pendidikan agama. Tekankan forum-forum agama untuk mereka supaya mereka ini akan menjadi manusia yang bertanggungjawab. Majlis ini nasihatkan supaya mengurangkan keseronokan. Ini syarikat telekomunikasi dia hendak jual *line* dia, SMS itu SMS ini, dia buat *show*. Kemudian gunakan SMS. Semua menggunakan duit. Duit PTPTN pun dia buat membayar SMS.

Jadi, inilah kadang-kadang kerana tidak ada kawalan, maka ia merosakkan akhlak belia. Kita mahu belia balik kepada belia asal macam kita di kampung dahulu. Tidak ada duit pun. Masa saya belia dulu mana ada duit, susah di kampung, tetapi berminat. Ini kerana kami 'diacuankan' di sekolah sedemikian rupa supaya bertanggungjawab. Majlis ini juga kena *tackle* belia ini daripada sekolah lagi. Daripada sekolah lagi kita harus diambil kira sampailah mereka menjadi belia dan ...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Ramai belia, pemuda, dan remaja kita yang duitnya banyak, ilmu yang tinggi tetapi tidak terlibat dengan persatuan belia, tidak seperti kita dulu. Dahulu, orang kampung walaupun mereka susah tetapi semangat hendak masuk persatuan belia itu ramai.

Saya rasakan fenomena ini berlaku sekarang, Yang Berhormat bagi Jerai. Ini kerana, yang muda-muda ini mungkin mereka tidak terdidik lagi. Semangat jati diri belum ada dan semangat sukarela tidak kuat pada diri mereka. Semangat hendak berkorban. Sebab hendak menjadi pemimpin belia ini mesti ada pengorbanan. Berkorban bukan sahaja dari segi masa, Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga dari segi kewangan, tenaga dan sebagainya.

Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, bagaimana caranya supaya apabila akta ini diluluskan nanti kementerian dapat melahirkan pemuda-pemuda, remaja-remaja, belia-belia yang betul-betul komited dan semangat sukarela mereka tinggi, semangat pengorbanan mereka tinggi. Dengan adanya duit, mereka membelanjakan duit mereka. Saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada pemimpin-pemimpin belia ini kadang-kadang sebahagian daripada gaji mereka dibelanjakan untuk persatuan belia, tetapi sekarang ini mungkin sudah berkurangan. Apa pandangan Yang Berhormat? Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bersetuju, Yang Berhormat, maknanya jurang itu. Saya bersetuju pihak universiti sekarang ini masuk ke kampung, tetapi dia masuk ke kampung berjumpa dengan orang-orang tua. Dia buat aktiviti untuk orang-orang tua. Dia tidak mahu buat aktiviti untuk belia-belia. Sepatutnya ada program pelajar masuk ke kampung-kampung ini. Kadang-kadang minta wakil rakyat *sponsor*, kita *sponsor*, tetapi saya nampak program mereka itu kebanyakan ke hala melibatkan diri dalam kemasyarakatan bukan belia. Jadi belia ini terbiar.

Jadi saya hendak minta sebelum saya berundur, supaya belia-belia di desa kerana belia yang menjadi buas dan bercelaru ini, pasal orang muda tenaganya lebih. Pemikirannya dia macam-macam. Cuba tengok di kampung, padang bola pun tak ada. Cuba tengok di bandar, kerana mengejar pembangunan, kawasan hijau pun dibuat bangunan. Di manakah belia-belia ini hendak pergi. Depa duduk di rumah yang kondominium atau flat kah. Dengan keadaan rumah kecil dan sebagainya, hendak turun ke bawah tidak ada tempat permainan, tempat rekreasi dan sebagainya. Ke mana mereka hendak pergi? Terkepung pemikiran mereka maka akhirnya mereka terlibat dalam gejala-gejala yang tidak tentu hala.

Padang bola pun, kerajaan, Kementerian Belia dan Sukan tidak ada. Ini Kementerian Belia dan Sukan hendak bagi duit kepada wakil rakyat hendak suruh buat mini sukan, kompleks sukan. Bunyi bukan main kuat. Hari ini kawasan Parlimen saya, haram apa pun tidak ada lagi. Hendak buat belia macam mana, kompleks apa? Kompleks sukan tak ada pun lagi. Bila bagi duit, tanah tak ada, bagi duit untuk bangunan, tak bagi duit untuk beli tanah, hendak buat bangunan atas apa? Belia di kampung dia tidak ada tempat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih abang saya Yang Berhormat bagi Jerai. Saya membangun ini, satu menubuhkan, yang

kedua membangun. Selepas tubuh kena bangun. Ertinya hendak bangun, fizikal dan spiritual. Saya setuju agama tadi, tetapi kalau agama sahaja, fizikal moyok, kita tidak jadi. Moyok kata orang Kelantan, kita hendak sihat, mesti ada cukup *facilities* untuk sukan, riadah dan sebagainya. Baru fizikal itu sihat. Makanan kena sihat.

Ini kalau kita cek darah, empat hari atau lima hari baru boleh tahu, positif kena denggi berdarah. Ini contoh, bukan sebenar. Mati baru kita dapat fail “Oh! Denggi berdarah”. Hendak sihat macam mana. Sebab itu setuju tak kalau boleh kita hendak supaya *facilities* ini cukup untuk membina belia ini dan yang keduanya, nilai-nilai murni yang ada itu kita terapkan supaya belia ini, remaja ini sihat dan segar dengan nilai-nilai murni jauh daripada gejala negatif. Setuju tak Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskanlah Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ya, saya setuju. Cuma saya minta bahawa Majlis ini, cari peruntukan tak apa, kita pergi lobi kerajaan. Minta kepada kerajaan demi untuk masa depan negara.

Saya ingat Sukarno berkata, “Bagi aku 10 pemuda, nescaya boleh goncang dunia”. Betapa kuatnya semangat pemuda. Itu Sukarno lah kata, tetapi di Malaysia kita kena semangat macam itu. Beri aku 10 pemuda dan belia untuk aku mempertahankan maruah, kedaulatan negara kita ini. Kalau ini boleh kita serap, insya-Allah. Dan yang pentingnya hari ini, kita kena ingat, belia di kampung akan ke bandar. Kalau tidak dijaga di kampung, mereka tidak akan jadi liar di bandar.

Cuba selesaikan masalah di kampung. Bagi rekreasi yang secukupnya. Saya bukan kata kerajaan tidak bagi, kita buat. Saya pun ada komuniti, kita buat petang main bola dan sebagainya tetapi masih tidak mencukupi. Kami di negeri Kedah ini kalau tidak percaya Tuan Yang di-Pertua, pergilah tengok iaitu musim orang mengerat padi, bila bendang itu sudah kering, mereka pacak tiang buluh, main bola atas bendang itu.

Sekolah-sekolah sudah tidak ada kawasan sukan dan rekreasi kerana pembesaran sekolah. Padang bola sudah tidak ada. Ini semua menghakiskan keperluan belia atau keperluan anak muda pada ketika itu. Mereka akan terkongkong begitu juga saya mengharap kementerian dan majlis ini juga boleh menasihati. Bukan setakat Kementerian Belia dan Sukan menasihati, tetapi kementerian-kementerian lain juga diberi kuasa kepada mereka untuk menasihati supaya yang mana terlibat dengan pembangunan modal insan belia mendatang ini harus mengikut acuan yang diacuankan oleh Majlis ini.

Contohnya seperti filem-filem kita itu, janganlah filem-filem yang keterlaluan, filem-filem yang menunjukkan corak pergaduhan, perkelahian, keruntuhan rumah tangga, perebutan harta benda, patah hati, kecil hati, putus hati, putus cinta dan sebagainya. Cuba kita buat filem-filem yang membangunkan belia ini. Ini harus kita lakukan. Bukan setakat Kementerian Belia dan Sukan, jadi Majlis ini boleh menasihati supaya mereka juga mengikut.

Ini kalau tidak, Majlis Belia kata begitu, kementerian lain ikut hal dia pula. Buat program-program hiburan yang sepatutnya. Sampai waktu sembahyang pun dok *wokwik-wokwik* berteriak, berseronok. Ini macam mana kita hendak bentuk belia kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Di sinilah saya harap, dan filem-filem yang masuk ke negara kita ini, kita harus tapis dan lihat. Filem Barat, anak tidak menghormati emak bapa dia. Bila anak-anak itu umur sekian tahun, dia pergi dan emak bapa dia, dia tinggalkan dah. Dia tidak ada budaya kasih sayang, tidak ada.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sampai anak-anak kita kecil di rumah bercakap bahasa Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis, hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kalau kita lihat keanggotaan Majlis Belia tadi, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa ada perundingan dengan kementerian-kementerian lain yang bertanggungjawab mengenai pembangunan modal insan, tetapi bila saya lihat dalam keanggotaannya, dalam Fasal 37 ini, antara kementerian yang penting bagi saya dari segi pembangunan modal insan dan juga yang melibatkan belia ialah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Nampaknya kedua-dua kementerian ini tidak disenaraikan dalam keanggotaan Majlis Perundingan Belia. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini dan bagaimana mereka boleh dimasukkan ke dalam akta ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia ada hak, menteri boleh lantik ini. Boleh lantik, dia boleh lantik daripada Kementerian Tenaga pasal dia jaga filem-filem semua. Dia jaga pasal filem, Kementerian Penerangan, dia kena main perananlah. Semua agensi memainkan peranan dalam ini untuk hendak membangunkan.

Saya harap bahawa..., lagi satu kita hendak Majlis ini macam mana kita hendak memajmukkan belia kita ini. Macam mana kita hendak memajmukkan masyarakat belia kita ini di bawah satu gabungan India, Melayu, Kadazan, Bajau atau siapakah di Malaysia ini supaya kita jadi satu bangsa yang silaturahimnya ataupun hubungan kita rapat.

Kita tidak mahu kadang-kadang kumpulan India cara India. Kumpulan Cina cara Cina. Belia adalah sama, mereka adalah insan yang akan mengisi dan membangunkan negara kita ini. Dengan belia ini juga kita boleh mengeratkan dan memahami bahawa kita ini negara majmuk. Sebab itulah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dia balik. Kita boleh bercakap pasal kita hendak bagi tahu kerana belia kalau tidak didik hari ini, kita tengok kadang-kadang kumpulan, saya cukup tertarik berapa kali saya cakap.

Saya tertarik iklan *Straits Times* di TV dan iklan Petronas, bagaimana tiga anak Malaysia bermuafakat berseimbang dan berkawan dan menolong di antara satu sama lain. Inilah yang saya hendak, cara-cara yang kita hendak. Contohnya anak India itu dia luka kerana tangkap ikan datang anak Melayu tolong bantu, sekejap anak daripada Tionghua datang menolong sama. Tiga orang hendak naik bas dalam hujan lari, pasal hendak menggunakan perkataan mengasyikkan dia tidak faham, tetapi mereka bertiga. Inilah kita hendak acuan macam ini.

Barulah tak lama, tak adalah timbul macam Yang Berhormat bagi Kepong minta suara azan jangan dibunyikan, bang jangan gunakan pembesar suara..., tak akan timbullah benda ini bukan, kerana kita majmuk, kita memahami dan menghormati. Ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah Yang Berhormat. Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Menghormati kaum adalah penting dan harus kita bina dalam dari segi belia. Kalau kita tak bina di sini, maka belia inilah yang akan mengamuk suatu hari nanti. Kita kena pakat. Majlis ini saya berharap kalau boleh khabar dekat menteri bubuhlah semua wakil-wakil rakyat. Tak bagi elaun. Kita bukan mahu elaun, kita mahu duduk, hendak bagi pandangan. Bagi tahu dekat menteri, bagi mana-mana yang terlibat macam Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Padang Terap ini semua bekas belia yang berpengalaman, bubuhlah di situ. Yang Berhormat bagi Kepong dia tak dan pasal dia jaga klinik. Tak bubuh dia pun tak apa, dia tak dan, dia hendak jaga klinik, hendak cucuk jaga kulit. Yang Berhormat bagi Kepong ini pakar kulit.

Jadi, saya harap itulah kepada Kementerian Belia dan Sukan dengan kelulusan ini, misi dan tanggungjawab telah kita beri. Ahli Dewan Rakyat sudah bagi Yang Berhormat Menteri hak ini dan juga kepada kementerian. Kalau gagal bermakna bukan salah kami, salah pihak Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk menjalankan amanah yang kita akan lulus ini. Amanah ini adalah amanah besar. Kalau kita mahu negara Malaysia terus maju, maka kita kena jaga modal insan. Modal insan kita ialah belia yang akan datang.

Inilah harapan saya Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong serta berharap dengan kelulusan ini kita akan lihat yang merempit sudah tidak merempit lagi, yang 'mendadah' akan hilang dan yang merayau-rayau tiada hala tujuan mereka ini akan ada tempat untuk mereka pergi. Kita mahu belia Malaysia adalah belia yang bersatu padu, belia yang sayang dan cintakan tanah air kita ini. Sekian, terima kasih. Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.
6.21 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di dalam perbahasan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini, secara peribadi saya lebih memihak kepada satu perspektif yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin sentimen yang saya luahkan ini berlainan daripada perspektif yang telah

pun disebut oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini. Ini kerana apabila saya membaca Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini saya dapati kesemuanya wujudnya 125 seksyen, tetapi apabila saya habis baca rang undang-undang ini, saya rasa suntikan satu konsep yang telah pun diberikan kepada saya, pengawalan belia adalah lebih banyak daripada pembangunan belia.

Apabila saya lihat 125 seksyen dalam rang undang-undang ini, cuma seksyen 34 sahaja yang menyatakan, apakah itu dasar berhubung dengan pembangunan belia. Selain daripada itu, wujudnya 28 seksyen yang menghuraikan susun lapis ataupun susun atur berkenaan dengan pentadbiran pertubuhan belia berdaftar, berkenaan dengan pendaftaran mengikut senarai sepertimana yang dihuraikan dalam rang undang-undang ini. Kesemuanya sebenarnya merupakan satu pengawalan ke atas satu pertubuhan belia. Di samping itu, wujudnya 22 seksyen yang lain berkenaan dengan penalti dan juga kesalahan jika dilakukan oleh mana-mana pegawai di bawah seksyen ini iaitu pegawai dalam pertubuhan belia berdaftar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apabila kita lihat begitu banyak peruntukan undang-undang yang mengawal pembangunan belia ini, ia sebenarnya memberitahu kita satu konsep dasar belia dalam negara kita. Sepatutnya saya rasa belia mereka mempunyai... Saya tidak gunakan perkataan hak tetapi kadang kala belia apabila disebabkan oleh kekurangan pengalaman sosial dalam negara kita dan mereka seharusnya diberi peluang supaya mereka belajar daripada pendedahan itu.

Ini kerana Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini, ia merupakan satu akta yang bercorakkan kemasyarakatan. Kita memberikan pendedahan dan juga pengalaman kepada belia dalam negara kita supaya jika pun mereka melakukan apa-apa kesalahan tetapi haruslah mereka belajar daripada kesalahan-kesalahan itu. Apabila saya melihat seksyen-seksyen yang berkenaan Tuan Yang di-Pertua, saya bandingkan rang undang-undang ini dengan undang-undang ataupun akta yang sedia ada, misal kata Akta Pertubuhan 1966.

Dalam rang undang-undang ini, wujudnya jauh lebih banyak kesalahan jenayah jika dibandingkan dengan undang-undang yang lain yang mempunyai *nature*, dengan izin, yang sama dengan undang-undang ini. Misal kata seksyen 80, pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang. Ini salah satu daripada kesalahan jenayah yang telah pun diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini dan ia akan menjadi akta jika kita luluskan.

Seksyen 81 - penalti kerana mengurus pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

Seksyen 82 - penalti sekali lagi kerana menghadiri mesyuarat pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

Seksyen 83 - penalti bagi orang yang membenarkan pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang dalam premis dikenakan juga.

Seksyen 84 - penalti sekali lagi iaitu penalti kerana menghasut seseorang supaya menjadi seorang anggota pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang dalam premis.

Siapa yang menetapkan sama ada sesuatu pertubuhan belia itu menyalahi undang-undang? Mengikut undang-undang ini Pendaftar ataupun Yang Berhormat Menteri.

Selanjutnya seksyen 85 - penalti kerana mendapatkan yuran atau bantuan untuk pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

Seksyen 86 - penalti kerana menyiarkan dakwah pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

Seksyen 87 - penalti sekali lagi kerana bertindak bagi pihak atau mewakili suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

Seksyen 88 - penalti memegang jawatan dalam pertubuhan belia yang pendaftarannya telah pun dibatalkan.

Seksyen 89 - penggunaan bendera, simbol, lambang, lencana dan tanda kebesaran lain bagi pertubuhan belia.

Seksyen 90 - liabiliti pemegang jawatan berkenaan dengan kesalahan oleh pertubuhan belia.

Seksyen 91 - pertubuhan belia yang menggunakan upacara kongsi gelap disifatkan sebagai pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang.

Seksyen 92 – penalti kerana salah guna wang atau harta pertubuhan belia berdaftar.

Seksyen 93 – penalti kerana mempamerkan atau menggunakan perakuan pendaftaran yang telah dibatalkan.

Seksyen 94 – penalti bagi fraud.

Seksyen 95 – penalti kerana memberikan maklumat palsu.

Seksyen 96 – anggapan.

Seksyen 97 – anggapan mengenai keanggotaan pertubuhan belia.

Seksyen 98 – keterangan pakar.

Seksyen 99 – perlindungan pemberi maklumat.

Di bawah seksyen 96 – Anggapan. Subseksyen (c) yang berbunyi, Tuan Yang di-Pertua,

“96.(c) Jika sekiranya suatu pertubuhan belia dikatakan sebagai suatu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang, beban pembuktian yang ia adalah suatu pertubuhan belia yang sah, hendaklah terletak ke atas orang yang dipertuduhkan itu.”

Ini bermaksud apabila seseorang OKT iaitu orang kena tuduh, beliaulah yang mempunyai beban, bukan ke atas pendakwa raya tetapi kita telah pun, *we switch the balance approach, the burden of prove*, dengan izin. Ini bergantung kepada OKT sekarang pula, orang yang kena tuduh pula, yang menanggung beban untuk membuktikan bahawa pertubuhan belia itu adalah pertubuhan belia yang sah.

Apa yang saya cuba ketengahkan kepada Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya lihat semua peruntukan dalam rang undang-undang ini, ia cuma menggambarkan satu kenyataan dalam negara kita pada hari ini iaitu kita telah pun sediakan satu acuan dan kita mengharapkan semua belia supaya menyesuaikan diri dalam acuan itu dan bukannya memberikan satu alam sekitar kepada belia dalam negara kita supaya mempunyai satu fikiran yang bebas dan satu cara pengendalian yang bebas.

Saya rasa itulah sebabnya saya katakan inti pati atau kandungan rang undang-undang ini, ia sebenarnya memihak lebih kepada pengawalan daripada pembangunan belia sepertimana yang kita harapkan. Institut penyelidikan yang dinyatakan di dalam rang undang-undang ini, Majlis Perundingan Belia Negara yang dinyatakan di dalam rang undang-undang ini, ia sebenarnya merupakan badan induk sahaja di peringkat Persekutuan, tetapi setakat manakah kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri ataupun pegawai-pegawai dalam kementerian akan membantu pertubuhan belia di peringkat akar umbi untuk menjalankan aktiviti itu dan memberikan nasihat dari masa ke semasa, saya rasa ia sebenarnya tidak dinyatakan secara terperinci. Apa yang terperinci dalam rang undang-undang ini ialah dari segi undang-undang pengawalan, bukannya dari segi pembangunan ataupun percambahan fikiran bagi orang-orang muda dalam negara kita. Satu lagi...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya, silakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Saya juga mendapati rang undang-undang ini lebih berbentuk kepada mengawal belia.

Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya ada banyak juga seksyen-seksyen dalam rang undang-undang ini yang memberi kuasa kepada menteri yang saya dapati terlalu melampau. Menteri melantik Ketua Pengarah, menteri melantik bila-bila masa bilangan Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah, Pendaftar Pertubuhan Belia dan juga seksyen 37, Yang Berhormat Menteri menjadi Pengerusi kepada majlis, Yang Berhormat Menteri juga melatih 10 wakil agensi, Yang Berhormat Menteri juga yang menentukan pegawai kementerian, Yang Berhormat Menteri juga melantik 20 orang pada pandangannya menyumbang secara berkesan kepada pertubuhan belia. Apakah Yang Berhormat setuju pihak kementerian kalau mahu satu pembangunan kepada belia yang sihat, yang daya kreativiti, patutlah ada lebih kebebasan kepada mereka untuk menjalankan aktiviti dan bukan menteri enggan melepaskan kuasanya.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Apa yang saya cuba utarakan kepada Dewan ini bukanlah satu konsep bahawa hanya kerana Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa untuk melantik sesiapa ini akan menjadikan pergerakan pemuda dalam negara kita itu tidak sihat, tetapi apa yang saya cuba ketengahkan dalam Dewan ini ialah kita harusnya mewujudkan ataupun melahirkan satu institusi sama ada dilantik oleh Yang Berhormat Menteri atau sesiapa sahaja, tetapi institusi itulah yang hendak menggalakkan pembangunan dan juga percambahan fikiran di kalangan belia dalam negara kita tetapi bukannya wujud begitu banyak undang-undang ataupun peruntukan yang mengawal mereka yang tidak sepatutnya wujud dalam rang undang-undang yang dikatakan pertubuhan belia dan pembangunan belia.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pada hal apabila kita katakan pembangunan belia, Dasar Pembangunan Belia, ia hanya wujud di seksyen 34, satu seksyen sahaja yang menyatakan dasar pembangunan belia. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya, silakan Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kota Melaka selaku orang yang berpengalaman dalam perundangan dapat menghuraikan seksyen 33 cadangan Akta ini, setakat manakah Yang Berhormat bagi Kota Melaka melihat seksyen 33 ini boleh diguna pakai dan sesuai untuk dikuatkuasakan di bawah konteks ucapan ataupun perbahasan Yang Berhormat bagi Kota Melaka terutamanya seksyen 33.(1) di peringkat hujung sekali, *line* kedua atau mana-mana bahagiannya sebagai menyalahi undang-undang. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Petra Jaya daripada soalan itu memberikan percambahan fikiran kepada saya pada masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di bawah seksyen 33, terutama sekali seperti mana *proviso* dengan izin, yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya tadi, saya rasa ini merupakan satu *proviso* yang saya perlu. Mengapa? Kerana ia merupakan satu proviso yang memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri. Jika wujudnya apa-apa keadaan yang boleh memudaratkan ataupun bertentangan dengan ketenteraman awam atau moral dan kepentingan keselamatan Malaysia, saya rasa ini merupakan satu *bottom line* iaitu satu penanda aras bagi negara kita supaya dalam pembangunan belia ini wujudnya kuasa...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tunggu sekejap..., wujudnya kuasa kepada orang-orang belia dalam negara kita tetapi pada masa yang sama, kita tidak akan *compromise* dengan izin, ke atas....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Tuaran, sila duduk.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: ...Ke atas keadilan sosial dan juga ketenteraman masyarakat kita. Yang Berhormat bagi Tuaran dahulu.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Dalam soal kuasa ini, pertubuhan belia akan didaftarkan oleh pendaftar. Pendaftarnya bukan Yang Berhormat menteri. Jadi siapa yang sepatutnya berkuasa untuk mengisytiharkan satu pertubuhan itu diisytiharkan tidak ini, adakah pendaftar ataupun Yang Berhormat Menteri? Jadi bagaimana kita kena selaraskan di sini? Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ada

kemungkinan bahawa percanggahan pendapat di antara pendaftar dengan Yang Berhormat Menteri jika sekiranya tidak dapat diselaraskan, mohon pandangan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuan. Sebenarnya bagi saya, saya rasa kuasa mutlak sebenarnya dalam tangan Yang Berhormat Menteri. Tidak mungkin wujudnya percanggahan kerana wujudnya percanggahan pendaftar itu mungkin akan ditukar oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya rasa, tidak ada wujudnya keadaan bahawa wujudnya percanggahan pendapat di antara pendaftar dengan Yang Berhormat Menteri.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Pandangan saya berbeza dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengenai seksyen 33. Ini sangat bahaya kerana ia bakal akan disalahgunakan oleh Yang Berhormat Menteri dan akan mengakibatkan belia-belia kita dipecahbelahkan kepada kategori yang pro-kerajaan atau yang pro-pembangkang. Kita tahu dalam seksyen ini, kuasanya terlalu luas yang boleh memasukkan kalau pertubuhan belia mempunyai pandangan yang berbeza dengan kerajaan atau mengadakan protes terhadap polisi atau undang-undang yang kerajaan bentangkan itu. Yang Berhormat Menteri boleh menggunakannya dan menyatakan pertubuhan ini mengadakan aktiviti bertentangan dengan ketenteraman awam. Saya rasa ini bahaya, dan boleh meletakkan pertubuhan belia yang mempunyai perbezaan pendapat terhadap polisi kerajaan ini akan dibatalkan pendaftaran. Saya risau Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Kota Melaka....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...ia akan mungkin menimbulkan geng-geng...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanya Yang Berhormat bagi Kota Melaka, dia setuju tidak.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Yang mungkin lebih bahaya dan mesti ada ruangan kepada belia kita berbeza pendapat. Jadi apa pendapat Yang Berhormat, saya tidak setuju kalau Yang Berhormat kata ini seksyen yang baik.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bertoleransi jika ada sesiapa yang mempunyai pendapat yang berlainan dengan saya. Ini sama juga, dalam soal politik, dalam soal budaya, soal dasar ekonomi dan sebagainya, dalam negara kita tidak mungkin semua orang mempunyai satu pendapat yang sama, satu pendapat yang stereotaip dalam negara kita tetapi apa yang saya percaya ialah sekurang-kurangnya kita mesti mempunyai dalam sistem pentadbiran negara ini, kita mesti mempunyai satu keyakinan yang minimum kepada pihak kerajaan bahawa apa yang dilakukan, apa yang diusahakan oleh Yang Berhormat Menteri itu ialah untuk kebaikan semua rakyat dalam negara kita.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Jika kita tidak ada keyakinan ini minimum pun, tidak ada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Saya rasa kita akan sebenarnya berucap dalam pentas komunikasi yang berlainan sama sekali.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ya, silakan Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Pandangan Yang Berhormat begitu menarik, tetapi cuba kita bayangkan dari segi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, kita ada Pejabat Pendaftar. Kita juga ada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan termasuk pertubuhan politik Yang Berhormat juga daftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan. Bagaimana kalau Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan, pertubuhan ini tidak betul, tidak moral dan sebagainya. Siapakah yang bertanggungjawab, apakah Yang Berhormat Menteri atau Pendaftar?

Memang betul ada tugas Yang Berhormat Menteri, tetapi dalam hal ini bagaimana? Apakah ini berpatutan dari segi pentadbiran atau bagaimana dan kalau berpatutan seperti *argument* yang dibawa oleh Yang Berhormat, bagaimana pula dengan pentadbiran, pertubuhan yang ada sekarang? Apakah yang kita amalkan sekarang ini tidak sesuai, apakah kita perlu beri kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengisytiharkan sebuah pertubuhan itu? Kenapa dengan belia sahaja, kenapa dengan ini tidak?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Yang Berhormat bagi Tuaran telah pun membangkitkan satu isu yang menarik, satu isu berkenaan dengan bidang kuasa. Sebenarnya di bawah rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan belia haruslah didaftarkan di bawah undang-undang ini apabila ianya telah digazet, diluluskan oleh Parlimen, digazet, tetapi bagi pertubuhan-pertubuhan lain, ia kekal di bawah Akta Pertubuhan tahun 1966. Cuma pertubuhan belia yang menjalankan aktiviti belia seperti mana yang dihuraikan di bawah rang undang-undang ini, mereka dimestikan, diwajibkan untuk menjalankan pendaftaran mereka sekurang-kurangnya dalam masa 12 bulan apabila berkuat kuasanya rang undang-undang ini.

Jadi dari segi pertindihan undang-undang ataupun pertindihan kuasa dari segi pemantauan ataupun pelaksanaan undang-undang....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:Saya rasa dari konsep memang tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ang Berhormat bagi Kota Melaka, panjang lagi?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Sebab banyak celahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi tumpukan kepada perbahasan Yang Berhormat sendirilah.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Boleh tapi saya kena *dispel* dulu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir Yang Berhormat bagi Petra Jaya, adakah nanti Yang Berhormat akan mohon berucap.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Tidak, tidak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran tadi akan timbul satu percanggahan. Setakat ini apa yang berlaku ialah realitinya pertubuhan belia sekarang ini berdaftar di bawah *Registrar of Societies Act*. Bila ada akta yang baru ini maka mereka dikehendaki untuk berpindah pendaftaran di bawah akta yang baru.

Jadi di sinilah akan timbul konflik yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran ialah kalau mereka masih berdaftar di bawah *Registrar of Societies Act* dan tidak berpindah sini maka dari segi penalti mereka akan dikenakan penalti ataupun liabiliti sebab tidak berdaftar di bawah akta ini. Ini yang dimaksudkan akan timbul pertindihan dari segi kuasa antara dua badan yang mengawal pertubuhan. Bagaimana pula pandangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka dalam konteks ini. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Mungkin jawapan itu di bawah seksyen 124 iaitu peruntukan peralihan iaitu apakah peralihan itu yang dimaksudkan di bawah Rang Undang-undang ini iaitu peralihan daripada satu pertubuhan belia yang sudah pun didaftarkan di bawah akta pertubuhan tahun 1966 dan apakah proses itu yang menjadikan pendaftaran itu berlaku di bawah undang-undang yang baru ini.

Saya rasa di bawah seksyen 124 yang menghuraikan ke atas peruntukan peralihan apakah kesan undang-undang itu. Mungkin kegagalan untuk berdaftar dan juga apakah kesan selepas pendaftaran di bawah undang-undang ini dan juga seksyen 125 pencegahan anomali seperti mana yang dihuraikan di bawah Rang Undang-undang ini.

Satu isu yang lain yang ingin saya kemukakan Tuan Yang di-Pertua ialah saya dapati hanya pertubuhan belia berdaftar yang dimasukkan yang mana badan induk kebangsaannya akan diberi pemberian sumbangan ataupun bantuan kewangan secara langsung oleh pihak kementerian. Tetapi Rang Undang-undang ini apabila diluluskan dia sebenarnya telah pun mengabaikan satu kumpulan dalam komuniti Tionghoa iaitu sayap belia. Sayap belia yang dimiliki oleh satu badan induk, badan induk itu berdaftar tetapi sayap belia ini bukan berdaftar kerana sayap belia ini cuma merupakan satu sayap sahaja kepada badan induk yang berdaftar ini.

Misal kata Pemuda MCA. Pemuda MCA merupakan satu sayap belia bagi MCA tapi MCA itu badan induk berdaftar tapi sayap belia MCA iaitu Pemuda MCA tidak berdaftar. Saya rasa keadaan yang sama juga diguna pakai dalam kes melibatkan Pemuda UMNO juga. Ia merupakan satu sayap

belia kepada UMNO, UMNO itu berdaftar tetapi sayap belia itu tidak berdaftar. Sama juga dengan keadaan *Hainan Association* dengan *Toe Chew Association*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam komuniti Tionghoa dia unik sedikit, dia lain daripada komuniti Melayu dan juga komuniti India. Saya sebenarnya saya mempunyai sentimen ini kerana saya sebenarnya daripada NGO. Saya masuk politik sejak tahun 2004 tapi sebelum ini saya sebenarnya daripada NGO dan NGO-NGO inilah saya rasa dalam komuniti Tionghoa ini yang sebenarnya menyumbangkan pergerakan belia dalam komuniti Tionghoa lebih kurang 75%, tetapi malangnya saya-sayap belia ini ataupun sayap-sayap wanita ini mereka sebenarnya bukan merupakan satu pertubuhan yang berdaftar dan badan-badan induk ini seperti yang saya katakan Persatuan Hainan, Persatuan Toe Chew, Persatuan Hokkien dan sebagainya.

Badan-badan induk ini tidak akan membenarkan sayap belia ini untuk didaftarkan kerana jika mereka dibenarkan untuk didaftarkan ini bermaksud dia sama-sama *senior* dengan badan-badan induk itu kerana ia hanya merupakan satu sayap belia dan ia sebenarnya satu sayap belia yang menggerakkan pergerakan bagi persatuan induk dan dari semasa ke semasa dia menggerakkan pergerakan belia dalam komuniti Tionghoa.

Bagi kumpulan ini iaitu sayap-sayap belia yang tidak sendirinya didaftarkan mereka telah pun diabaikan dalam rang undang-undang ini dan mereka walaupun merupakan salah satu daripada kumpulan yang banyak menyumbang dalam soal kebudayaan ataupun kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan dalam komuniti Tionghoa dalam negara kita tetapi sayap-sayap belia ini, kumpulan-kumpulan ini tidak diberi bantuan oleh pihak kerajaan. Dan saya rasa ini sebenarnya....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:Haruslah wujudnya satu kepekaan yang lebih tinggi dalam pihak kementerian supaya kita memberikan bantuan kewangan dalam apa jua bentuk kepada sayap-sayap belia yang dimiliki oleh badan-badan induk yang berdaftar. Ya, silakan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Point* yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka adalah *point* yang sangat *valid* dan saya percaya dalam masyarakat Cina hampir 9% daripada aktiviti-aktiviti belia adalah dikendalikan oleh sayap-sayap belia di bawah pertubuhan persatuan dan oleh kerana itulah Rang Undang-undang ini dibentangkan oleh seorang pemuda MCA. Ketua Pemuda MCA.

Soalan yang saya ingin tanya sama ada, ada konsultasi dengan pemuda-pemuda MCA atau pemuda-pemuda di kalangan masyarakat Cina sebelum rang undang-undang ini didrafkan dan dibentangkan kerana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Soalan ini dituju kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka atau kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka kerana kalau ada konsultasi ia akan di *consult* dan nampaknya langsung tidak di *consult*. Dan oleh itu saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bererti bau politik tak masuklah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Kota Melaka sama ada ia telah di *consult* dan nampaknya *The Youth Of Chinese Association* langsung diabaikan dalam Rang Undang-undang ini. Kenapa ini boleh berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh berucap tetapi bukan mengambil kesempatan untuk meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tahu, saya tahu. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kota Melaka kerana kita semua tahu apa-apa yang kita cakap hari ini, Rang Undang-undang akan diluluskan dan apa yang harus dibuat adalah sebelum ia dibentangkan satu konsultasi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:Harus diadakan. Saya ingin tanya sama ada *any consultation been done*.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja *consultation* telah pun dibuat tetapi saya difahamkan sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini sebenarnya telah wujud lima atau empat draf dan saya telah pun mengambil bahagian dalam *consultation*.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bandar Kuching saya naib presiden bagi Majlis Gabungan Belia Negeri Melaka atau MGBM, dan saya juga merupakan seorang ahli dalam majlis perundingan peringkat negeri dan sebenarnya saya telah pun mengambil bahagian dalam *consultation* seperti mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Cuma apa yang saya lihat sebenarnya dia lain sedikit daripada draf-draf yang terdahulu tapi apa yang saya cuba ketengahkan kepada Dewan yang mulia ini sebenarnya ramai pemuda-pemudi telah pun mengambil bahagian dalam *consultation* itu dan mereka masing-masing telah pun memberikan pandangan yang berlainan. Jadi dari segi penggubalan undang-undang saya cuma meluahkan kekhuatiran saya tetapi saya tidak boleh *insist* dengan izin, bahawa kesemua peruntukan dalam rang undang-undang ini haruslah menggambarkan apa yang saya fikirkan....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh saya.....

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:Dan saya rasa ini merupakan satu, *I have to draw the line somewhere*, dengan izin...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I know, draw the line, draw the line...*

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tangga Batu dulu. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat saya tidak hendak menyebutlah tetapi oleh sebab Yang Berhormat telah menyebut tentang perkara ini, sebagai Naib Presiden Majlis Gabungan Belia Melaka yang juga Ahli Majlis Rundingan Belia Negeri Melaka, saya yakin Yang Berhormat telah pun membawa isu-isu yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching kepada Yang Berhormat sendiri sebentar tadi di peringkat yang lebih tinggi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat bagi Kota Melaka, kebimbangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi sama dengan apa yang telah digusarkan oleh pihak Majlis Belia Malaysia dan juga terdiri daripada berbagai-bagai komponen, berlatarbelakangkan budaya, kaum dan sebagainya. Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya berpandangan seperti kebimbangan Yang Berhormat sebagai contoh satu Pertubuhan Gerakan Belia 4B yang juga merupakan gerakan belia pelbagai kaum dan kita juga mempunyai sayap remaja yang juga mempunyai masalah seperti Yang Berhormat sebut sebentar tadi.

Dan saya yakin perkara ini dapat diselesaikan dengan kebijaksanaan kementerian. Kementerian itu pun begitu cantik susunannya, menterinya daripada kaum Melayu, timbalannya daripada kaum Tionghoa, dan setiausaha parlimennya daripada kaum India dan ketiga-tiga *key personnel* ini, orang-orang utama di dalam kementerian ini akan berbincang dan seterusnya dapat memberi manfaat, melimpahkan kemakmuran itu kepada warga belia di seluruh negara. Apa pendapat Yang Berhormat tentang itu? Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang sebenarnya daripada penjelasan beliau tadi merupakan kesinambungan kepada saya untuk beralih kepada isu perpaduan yang ingin saya ketengahkan kepada Dewan yang mulia ini.

Satu isu yang saya rasa cukup penting kerana kualiti dan juga konsep orang-orang muda dalam negara kita pada hari ini, ia akan menentukan masa hadapan negara kita dan apa yang kita katakan perpaduan. Kita tidak mahu hanya perpaduan di antara saya dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batu ataupun saya dengan Yang Berhormat bagi Petra Jaya tetapi perpaduan antara warganegara-warganegara kita, 6 juta warganegara berbangsa Cina dengan lebih kurang 10 juta ataupun 11 juta warganegara Melayu dan sebagainya dengan Kadazan, Bajau dan sebagainya.

Saya rasa selama ini dalam negara kita, wujudnya satu kecenderungan iaitu kumpulan ataupun pertubuhan belia berbangsa Melayu, mereka akan mengadakan aktiviti dalam kalangan mereka sendiri sahaja. Pada masa yang sama, belia yang saya maksudkan, mereka akan mengadakan aktiviti dalam kalangan orang-orang Cina sahaja. Begitu juga dengan bangsa-bangsa India. Saya rasa ini bukan satu perkembangan kemasyarakatan yang sihat dalam negara kita. Bukankah wujudnya satu peruntukan dalam rang undang-undang ini yang memberi kuasa kepada menteri untuk memberikan bantuan kewangan?

Tidak bolehkah kita menggunakan ataupun bolehkah kita menggunakan peruntukan ini iaitu kuasa daripada menteri sebelum memberikan bantuan kewangan, mensyaratkan supaya pertubuhan belia ini, mereka haruslah sekurang-kurangnya mengajak ataupun menjemput kumpulan belia yang lain daripada bangsa lain untuk mengambil bahagian dalam kertas kerja mereka. Bagi dulu kepada pihak kementerian setakat manakah penglibatan bangsa-bangsa ataupun pemuda-pemuda, belia-belia daripada bangsa lain untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti mereka sebelum menteri boleh menentukan sama ada boleh ataupun tidak ataupun kita bagi sedikit, bukan terlalu banyak.

Kalau *you* libatkan lebih ramai warga lain berbangsa lain kita akan memberikan lebih peruntukan sebagai satu insentif kepada pertubuhan-pertubuhan belia berdaftar ini. Itu yang ingin saya ketengahkan kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya ini merupakan salah satu daripada rang undang-undang yang kita bincang, yang kita ingin luluskan pada petang ini tetapi kesan dalam jangka masa panjang, dari segi susun lapis, dari segi pelaksanaan undang-undang ini, ia akan menentukan secara langsung Tuan Yang di-Pertua, secara langsung masa hadapan negara kita.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

6.55 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Saya bangun untuk menyokong setelah dibuat pindaan dalam Jawatankuasa iaitu seksyen 34(1). Tanpa pindaan ini, yang sudah dibentangkan, saya sebenarnya sukar untuk menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana akhirnya berjaya membentangkan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini setelah sekian lama telah dibuat perundingan dalam proses mendraf undang-undang. Sehingga pada hari ini jelas bahawa, masih lagi ada perbezaan pandangan-pandangan, pendapat tentang perkara pokok yang telah diutarakan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, belia kalau kita tengok dari segi perundangan, dia tidak tersenarai dalam Senarai Persekutuan dan juga ia tidak tersenarai dalam Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dalam keadaan yang demikian, maka soal belia ini dikatakan termasuk dalam *residual* dan apabila *residual*, ia akan menjadi hak negeri. Oleh sebab itu ia sebenarnya dalam hal-hal belia ini, ia menjadi hal negeri dan dalam satu ketika dulu apabila kita mengutarakan perkara ini dan juga telah diberi pandangan daripada pihak kerajaan negeri dalam hal ini saya merujuk kepada Kerajaan Negeri Sabah, telah dinyatakan bahawa sebenarnya rang undang-undang ini lebih memfokuskan kepada soal penubuhan Majlis Perundingan Belia dan juga soal Penubuhan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan sebagainya.

Selepas itu dikatakan bahawa rasional keseluruhan rang undang-undang ini lebih berfokus kepada soal pendidikan. Soal pendidikan, soal perundingan belia dan bukan hal belia itu yang khusus

kepada belia. Itu rasional yang mengatakan akhirnya pihak Persekutuan telah membuat rang undang-undang ini tetapi setelah kita melihat perincian dalam rang undang-undang ini, kita lihat bahawa belia juga ditakrifkan belia yang ditakrifkan dengan khusus dan juga telah melahirkan pelbagai pandangan iaitu di mana telah ditakrifkan sekarang belia adalah mereka yang berumur di bawah 40 tahun dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, pengalaman dalam mendraf undang-undang ini adalah suatu pengajaran bagi kita dalam soal perhubungan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Kita lihat bahawa sepatutnya pindaan terhadap sub seksyen 34(1), sepatutnya telah diambil kira lebih awal tetapi setelah diberi taklimat setelah ada di kalangan kita memberi pandangan dan sebagainya, setelah kerajaan negeri berpandangan, setelah Kabinet Negeri Sabah membuat keputusan dan kedua-dua AG berbincang dan sebagainya barulah dibuat pindaan. Itu pun setelah rang undang-undang ini sebenarnya sudah dibentangkan, sudah diserahkan di Dewan yang mulia ini.

Dalam hal ini, perkara seperti ini sepatutnya dapat dielakkan lebih awal jika sekiranya pandangan-pandangan semasa perundingan itu diambil kira. Sebab semasa dalam perundingan Majlis Belia, pandangan daripada Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah sudah pun diutarakan tetapi akhirnya tidak dimuatkan, tidak diambil kira dan setelah dirujuk balik dan dibincangkan, barulah diambil kira. Kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana akhirnya pandangan itu telah diambil kira walaupun telah mengambil satu proses itu pun kita, dengan mengambil kira pengalaman-pengalaman seperti Akta Sukan, di mana pada hari ini Akta Sukan sukar dilaksanakan di negeri Sabah kerana pandangan-pandangan negeri Sabah tidak membolehkan dan sebagainya. Jadi kita berterima kasih dalam hal ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya, kenapa sebagai contoh seolah-olah tidak ada keyakinan di pihak kementerian dalam soal, bagaimana nanti pertubuhan-pertubuhan belia ini akan menerima rang undang-undang ini setelah diluluskan. Contoh

kita ada dua definisi, takrifan. Pertubuhan belia lain. Selepas itu ada lagi, "pertubuhan belia berdaftar". Pertubuhan belia berdaftar adalah pertubuhan belia yang berdaftar di bawah seksyen 91 dalam rang undang-undang ini. Ini bererti bahawa dari mula lagi, pihak kementerian sudah menerima bahawa akan ada pertubuhan belia yang tidak bersetuju, tidak menerima pakai.

Di sini perkara pokok yang kita mahu lihat, sedangkan rang undang-undang ini telah dibentangkan untuk menyelesaikan satu masalah besar, kelesuan dalam kegiatan pertubuhan belia. Dia lesu. Penyelesaiannya inilah rang undang-undang ini iaitu semua pertubuhan belia akan didaftarkan di bawah pendaftar, di bawah kementerian, tetapi kenapa sedemikian rupa? Kenapa masih lagi tidak ada keyakinan bahawa semua pertubuhan belia ini akan berdaftar, akan diurus tadbir melalui akta ini, menggunakan akta ini. Jadi saya mohon penjelasan dalam hal itu.

Satu lagi ialah ya, memang begitu mulia dia punya objektif. Apabila kita lihat dalam takrif "aktiviti belia", makna dia merujuk kepada pertubuhan belia yang mempunyai objektif-objektif yang ada beberapa yang tertulis di sini iaitu dalam takrifan aktiviti belia. Walau bagaimanapun, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, oleh kerana rang undang-undang ini

lebih menekankan soal penguatkuasaan, lebih kepada *control* daripada *facilitating*, persoalan saya di sini ialah, bagaimanakah objektif-objektif aktiviti yang baik-baik ini?

Sebagai contoh, saya sebut di sini, membina peribadi belia untuk meningkatkan kesetiaan kenegaraan di kalangan belia, menyebarkan prinsip-prinsip Rukun Negara, mewujudkan kesedaran di kalangan belia terhadap unsur dan nilai negatif dan sebagainya. Dalam akta ini, tidak dinyatakan, bagaimana perkara ini dapat dicapai, bagaimana dalam akta ini dapat di *facilitate* kan soal ini. Malah yang dibuat di sini lebih kepada kontrol seperti mana tadi yang kita berbahas dalam soal kuasa Yang Berhormat Menteri yang pada pandangan saya kuasa Yang Berhormat Menteri dan kuasa Pendaftar.

Saya masih berpegang kepada pandangan saya bahawa terdapat percanggahan sedikit, kuasa Yang Berhormat Menteri, satu, selepas itu yang Pendaftar. Seolah-olah Yang Berhormat Menteri ini *overall*. Dia terlalu besar kuasa. Maksudnya, dia terlalu besar, kuasa Yang Berhormat Menteri dalam soal ini. Dia boleh isytiharkan satu pertubuhan itu. Terlalu besar kuasa dan pada ketika itu entah bagaimana pula pandangan pendaftar, selepas itu bagaimana pula dengan Majlis Perunding Belia dan sebagainya.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah setelah mengalami proses draf rang undang-undang dan telah melihat keunikan apa yang berlaku di negeri Sarawak dan negeri Sabah dalam soal urus tadbir belia dan sebagainya, maka saya bercadang walaupun tidak termasuk, tidak diletakkan secara khusus dalam akta ini, saya ingin mencadangkan supaya dalam lembaga pengarah nanti, Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia ini, pastikanlah supaya ada perwakilan dari Sarawak dalam lembaga pengarahnya.

Ini bukan soal *parochial* tetapi seperti juga dengan Suruhanjaya Pilihan raya dan sebagainya, dikehendaki sebab keunikan dia. Ini bererti ini juga satu pengalaman, satu pendidikan kepada mereka yang terlibat dalam mendraf undang-undang ini bahawa kita hendaklah sentiasa memikirkan mereka, orang-orang yang kita kena *facilitate*, yang kita kena bina ini, penyertaan mereka. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Lipis dalam pertanyaan awal beliau tadi bahawa penglibatan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam Majlis Perunding Belia itu, saya ingat amat penting.

Kenapakah mereka ini amat penting dan kenapakah mereka ini, kedua-dua kementerian ini tidak dimasukkan di situ lebih awal dalam akta ini, sedangkan sebenarnya kementerian inilah yang tonggak dalam pembinaan belia ini. Kita ambil satu contoh lagi. Barangkali ini sebab kenapa, kalau kita lihat dalam objektif di sini, tidak dinyatakan tentang menyebarkan nilai-nilai murni, kalau kita dalam Sistem Pelajaran Malaysia, kita ada Tonggak 12. Tonggak 12 ini ada nilai-nilai murni yang diterapkan kepada pelajar kita melalui sistem pelajaran kita, tetapi tidak dimasukkan di sini. Ini bererti bahawa, dari mula lagi pihak kementerian tidak terfikir soal mendidik, soal menyerap nilai-nilai murni...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...Yang baik tadi. Silakan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa Yang Berhormat bagi Tuaran, ada dua kementerian yang saya berpendapat, wajar ada dalam Majlis Perundingan Belia ini, selain daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pelajaran iaitu Kementerian Sumber Manusia sebab individu tanpa kerjaya, sebenarnya individu tidak ada maruah dan penghormatan. Ini kalau boleh di situ sewajarnya kerana kepentingannya. Ia harus menjadi satu jawatankuasa yang tetap. Begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebab bila sebut wanita itu, golongan belia termasuk di situ. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Pandangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kita ambil jadi sebahagian daripada ucapan saya sebab saya pun memang bersetuju. Satu lagi dalam objektif belia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Pendek lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya punya pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab sebut banyak kali, "Lagi satu, lagi satu lagi" Saya hendak tanya, berapa banyak lagi?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya faham tetapi ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang ini penting. Apabila kita ingin menerapkan prinsip-prinsip, nilai-nilai yang baik dalam kalangan belia ini dan dilihatkan aktiviti-aktiviti dalam rang undang-undang ini, jadi ceritakan tentang koperasi, tetapi seperti mana kita bahaskan semasa meluluskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi baru-baru ini, bahawa pemahaman prinsip-prinsip koperasi itu dan nilai-nilai koperasi itu adalah amat penting termasuklah dalam belia. Dalam objektifnya di sini, aktiviti belia tidak dinyatakan di sini. Jadi saya ingin mencadangkan supaya diletakkan di sini, antara aktiviti belia ini menyebarkan nilai-nilai dan prinsip-prinsip koperasi sebab ini amat penting.

Yang terakhir, ini sudah yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal laporan tahunan. Amat menarik. Dalam rang undang-undang dinyatakan bahawa pertubuhan belia ini dikehendaki untuk menghantar laporan tahunan kepada pihak Yang Berhormat Menteri sebelum melayakkan dia barangkali untuk mendapatkan bantuan, peruntukan dan sebagainya. Saya bersetuju, tetapi sejauh manakah keberkesanan laporan ini? Dalam bentuk apa? Apakah kandungan laporan itu? Ia harus diperincikan. Ertinya dari segi pemantauan kita terhadap belia-belia ini, apakah yang kita ingin tahu? Terlalu umum dia punya laporan dan saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh buat sahaja satu borang, dan apa di situ dan diisi.

Kalau dikehendaki menulis dan sebagainya, memang payah. Sedangkan ini, *written* untuk sebab contoh, daripada mesyuarat agung, ada laporan setiausaha dan sebagainya pun sudah payah. Sudah payah dihantar oleh pertubuhan-pertubuhan belia dan ini di antara lain, menyebabkan belia ini susah ditadbir. Apa lagi hendak tulis laporan tahunan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, dalam soal pemantauan ini, haruslah ada kriteria-kriteria pemantauan dari segi kemajuan belia sebab akhirnya matlamat rang undang-undang ini untuk memastikan supaya belia kita yang dikatakan lesu ini, harus ada pemantauan dan pemantauan inilah saya kira yang kita boleh bandingkan dengan laporan tahunan yang dicadangkan itu. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, panjang kah?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sikit sahaja, dua sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minitlah, boleh ya?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Eh, bukan dua minit. Dua perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, baiklah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, kerana sayangkan belia maka kita bangun di sini. Jadi yang pertama, saya sangat berharap perkara ini telah disuarakan oleh teman-teman Ahli Parlimen mengenai data dan statistik belia ini yang harus dikongsi dengan pimpinan khususnya wakil-wakil rakyat kerana kita hendak turut membantu mereka. Jadi oleh kerana itu, data ini harus diambil daripada peringkat bawah, daripada peringkat kampung, peringkat mukim dan peringkat daerah di satu-satu kawasan. Jadi kerana itu Sabak Bernam sangat menyokong pewujudan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang kita yakin akan membantu perkara ini.

Perkara yang kedua, ini sebagai pengiktirafan kepada belia yang keahliannya lebih daripada 10 juta. Seharusnya kewajarannya ialah suatu dana yang besar kepada belia, kementerian ini harus diberikan sebagai pengiktirafan kepada kepentingan mereka ini. Dana ini harus disalurkan secara strategik supaya dapat membantu secara khusus belia-belia ini sama ada melalui pertubuhan belia itu sendiri ataupun institusi-institusi yang lain yang turut membantu belia. Khususnya kalau dari segi kepimpinan seperti Ahli-ahli Parlimen ini, kita ingin turut secara khusus untuk membantu belia. Jadi satu bentuk dana boleh diturunkan kepada Ahli-ahli Parlimen ini untuk membantu menghidupkan aktiviti belia. Yang paling akhir sekali, belia ini harus ada kalender aktiviti bulanan yang akan menjadi tumpuan dan yang akan menjadi fokus kepada setiap individu belia yang ada di peringkat daerah, mukim dan kampung. Terima kasih, Sabak Bernam menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching nak berucap? Baik, beberapa minit sahaja boleh ya. Jadi kita boleh selesaikan hari inilah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sambung esoklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

7.12 mlm.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa perkara saya ingin bangkitkan dan tadi saya ada dengar juga ada banyak masalah di kalangan belia dan saya fikir ini adalah kerana pucuk pimpinan negara tidak menunjukkan satu *example* yang baik kepada belia dan salah satu contoh adalah penyalahgunaan kuasa oleh Timbalan Menteri. Saya akan sebutkan kenapa saya cakap begitu, kerana ini adalah kepimpinan melalui teladan. Kalau Timbalan Menteri boleh menyalahgunakan kuasa mereka dan ini menunjukkan satu contoh yang tidak baik kepada belia-belia kita seperti juara-juara badminton kita yang digunakan oleh MCA untuk menjalankan kempen tolong dalam kempen di Machap. Bukankah ini satu hakikat dan selepas itu, selepas mereka menolong dalam kempen pilihan raya kecil di Machap, mereka kalah juga.

Seorang Ahli: Dua kali.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sudah dua kali. Oleh itu, saya fikirlah sebagai seorang pemimpin, kita mestilah menunjukkan satu teladan yang baik kepada belia-belia kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana Yang Berhormat boleh kaitkan dengan rang undang-undang ini?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Rang undang-undang yang ada ini ialah untuk membangunkan belia. Ini ada berkaitan bagaimana cara kita nak membangunkan belia.

Seorang Ahli: Sifat kepimpinan penting.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sifat kepimpinan penting. Inilah Ketua Pemuda MCA dan Ketua Pemuda UMNO juga tidak menunjukkan satu teladan yang baik. Melayang-layangkan keris dalam Perhimpunan Agung UMNO Belia.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Seorang Ahli: Surat khabar lama.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Walaupun ini surat khabar lama tetapi ini satu teladan yang negatif.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa pula negatif Yang Berhormat bagi Bandar Kuching? Duduk dahulu. Penjelasan, penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ia adalah simbol keganasan.

Seorang Ahli: Bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Tangga Batu!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak habis-habis. Ini surat khabar lamalah, Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh cakap macam itu lagi. Nak cerita pembangunan belia, kita cerita pembangunan belia. Kenapa nak kaitkan Ketua Pemuda MCA, Ketua Pemuda UMNO?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat minta penjelasan kah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat yang bagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Siapa bagi? Kalau saya tak bagi, awak cakap juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, kalau tak ada apa bahan lain, boleh gulunglah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau tak ada apa, tak payah nak sibuk-sibuk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa sibuk-sibuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, tak apa. Tak apa.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa nak kaitkan Ketua Pemuda MCA, Ketua Pemuda UMNO? Apa kena mengena dengan pembangunan belia ini? Kita cerita pembangunan belia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah. Dia akan gulunglah. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini kenyataan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Apa Yang Berhormat bagi Tangga Batu kata tadi? Awak boleh duduk. Biar saya...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk, baru saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I'm holding the floor.* Yang Berhormat bagi Tangga Batu kata tadi Ketua Pemuda MCA, Ketua Pemuda UMNO tidak berkaitan dengan pembangunan belia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini kenyataan yang dibuat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya kata apa kaitan dengan Akta Pembangunan Belia, itu yang saya kata.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia nak kaitkan dengan pilihan raya. Ini kecewa ini. Tuan Yang di-Pertua, ini orang kecewa. Kalah dekat Machap, kalah dekat Ijok. Dia kecewa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak ada yang baik untuk dikemukakan, cukuplah. Gulunglah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, suruh dia duduk dan jangan bisung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu duduk. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching nak gulung.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya duduk, saya duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat tak dapat dengar apa ketua kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching untuk gulung.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya belum habis, saya belum habis. Saya baru mula sahaja.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia banyak lagi. Tak payah tergesa-gesa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya baru mula sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mana cukup!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab nampaknya Yang Berhormat tidak ada apa-apa nak bangkit.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ada!

Seorang Ahli: Tiada kaitan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kedua-dua belia yang paling berkuasa dalam negara kita. Saya sekadar mengkritik *behavior* mereka.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini tak ada berkaitan dengan belia?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bercakap pasal belia, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dia tak tahu langsung. Dia tak ada langsung pengetahuan tentang pembangunan belia negara kita.

Seorang Ahli: Ya betul!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita ada Majlis Belia Malaysia, presidennya, kita tahu naib presidennya. Majlis Belia Negeri-negeri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa? Saya tahulah itu. Duduk, duduk!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tak tahu sama ada dia tahu atau tidak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau dia mahu ucap, awak berdiri ucap lah dan jangan mencelah di sini tanpa izin daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu sudah banyak cakap tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [*Menyampuk*] 'Kucing' pun pandai gaduh kah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk, saya duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kucing gaduh dengan anjing.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia memang tak ada apa-apa *point*, Tuan Yang di-Pertua. Tengok kertas dia pegang pun kosong itu sebenarnya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia auta, auta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak boleh, tak boleh. Tak boleh macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gulunglah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini satu contoh. Salah satu contoh bahawa polisi-polisi yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional tidak mewujudkan satu alam sekitar bahawa untuk menggalakkan belia untuk bersatu padu. Ini adalah penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya akan berikan contoh. Kenapa tergesa-gesa, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi saya berikan peluang kepada Yang Berhormat cakap awal kerana saya telah cakap saya nak selesaikan perbahasan pada hari ini. Cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak boleh tergesa-gesa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak payah tergesa-gesa kerana apa yang saya akan ucap adalah berlainan dengan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, saya benarkan berucap. Jangan buang masa Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tidak buang masa. Ada orang liar yang jerit-jerit di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat memang sukalah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa dia kata? Ulang balik. Orang liar?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya. Yang tidak mengikut Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Termasuk Yang Berhormat sendiri tak ikut Peraturan Mesyuarat. Cakap tak serupa bikin ini.

Seorang Ahli: Ya, contoh dialah... *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Keadaan yang...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Lari tajuk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa lari tajuk?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *You* jangan ganggulah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Baru sebut keadaan, lari tajuk sudah. Itu Yang Berhormat bagi Pasir Puteh mana Islam Hadhari? ... *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mana Islam Hadhari?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu, saya fikir. Saya berpendapat jikalau kita mahu belia kita membangun dengan mempunyai sifat-sifat yang positif. Pemimpin-pemimpin yang harus mengamalkan teladan yang baik untuk menunjukkan satu contoh. *Point* yang kedua yang saya ingin sebutkan adalah saya berasa amatlah kesal.

Seorang Ahli: Apa kesal?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, saya akan sebut apa kesal. Kerana rang undang-undang ini walaupun ia dibentangkan oleh Timbalan Menteri, seorang pemuda MCA.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ha, sebut lagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa masalah? Itu kebenaran.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu MCA tak boleh disebut di sini kah? Ada masalahkah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya jawab ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak payah. Awak tak payah jawab. Okey, seorang pemuda MCA yang...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia tanya saya, saya jawablah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Seorang pemuda MCA yang kononnya mewakili belia masyarakat Cina tetapi pada hakikatnya, semua persatuan-persatuan belia masyarakat Cina adalah digabung di bawah sayap *the youth wing*, di bawah persatuan induknya.

Oleh itu rang undang-undang walaupun ia diluluskan, ia tidak akan ada apa-apa implikasi terhadap sayap-sayap belia di masyarakat Cina dan oleh itu saya merasa kesal, kenapa orang yang membentangkan rang undang-undang ini yang sepatutnya mewakili masyarakat Cina tetapi rang undang-undang langsung tidak ada kaitan dengan persatuan-persatuan Cina, belia Cina. Ini ada implikasi yang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bandar Kuching...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nanti, nanti, duduk, duduk. Nanti saya akan beri. Duduk, sekarang duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk][Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa].*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sekarang duduk, sekarang duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inilah budi bahasa...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini perangai belia, belia... Ini belia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh duduk, duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kerana dia tidak bersopan, dia kata Kuching... *[Ketawa]* Kalau, kalau Yang Berhormat sebut baik-baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Bandar Kuching, saya akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Saya akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Bandar Kuching, saya minta penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bandar Kuching....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, okey, okey, boleh, boleh... *[Ketawa]*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat tidak faham. Sebenarnya apabila Timbalan Menteri mengemukakan, dia bukan mengemukakan atas belia tiga kaum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat..., dia tak mahu tahulah, cukuplah. Tak payah tanyalah. Biar dia teruskan ucapannyalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya. Saya nak beritahu Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan tentang belia negara. Belia negara Malaysia. Bila belia negara Malaysia, termasuk semua kaum. Bukan Yang Berhormat bawa bentang belia pasal bumiputera Melayu atau belia Cina atau belia India, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia belia Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bandar Kuching dia fahamlah. Dia faham. Dia sengaja..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia faham, tapi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sengaja tak faham.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia sengaja tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betullah, baiklah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya faham, saya faham. Memang saya faham, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat faham, Yang Berhormat tidak boleh menuduh. Yang Berhormat Timbalan Menteri..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ... Hanya membentangkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Belia ini! Kaum lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa dia sudah dekat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Untuk menjawab Yang Berhormat bagi Jerai...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini perkauman Yang Berhormat, perkauman...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini bukan perkauman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bandar Kuching, *point* yang ketiga. Sila.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya mesti jawab. Ini satu tuduhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah jawab, tak payah jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan tuduhan. Satu pembetulan...

[Disampuk].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah jawab.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Minta penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya..., nanti, nanti dulu! Saya jelaskan apa yang dibangkitkan. Nanti saya akan jelas. Ini menunjukkan mungkin Yang Berhormat bagi Jerai tidak baca baik-baik apa yang ditulis dalam rang undang-undang itu atau dia tidak faham apa itu *structure association* di kalangan masyarakat Cina...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa Yang Berhormat. Menteri akan jawab nanti, Yang Berhormat Menteri akan jawablah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, okey.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak, ini penting. Pasal hendak bagi kefahaman untuk Yang Berhormat Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat telah berucap. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, dia ikut cakap Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Kalau...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Batu Gajah..?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Batu Gajah / cakap, bukan Tangga Batu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab dua-dua Batu, saya minta dia bagi laluan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, bukankah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching melihat adanya peluang dan ruang apabila berlaku pendaftaran pertubuhan belia ini di dalam Kementerian Belia dan Sukan, satu hari nanti apabila akta ini digazet, diluluskan, persatuan-persatuan induk Tionghoa ini masih boleh berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Di sini ruang dan peluang diberikan kepada *youth wing*, sayap-sayap belia ini untuk berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan. Bukankah ini satu peluang? Janganlah mengatakan benda ini tak baik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ..Dan ini mungkin akan mendapat keizinan daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Kepimpinan persatuan Induk Tionghoa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, okey. Peluang, peluang, peluang mesti tertakluk di dalam akta-akta yang diluluskan. Silalah Yang Berhormat bagi Tangga Batu rujuk kepada seksyen 7(2);

“7.(2) Every youth society shall register with the Registrar except –

(a) any society that is establish under any Acts as prescribe.... ; and

(b) any youth wing to any society other than youth societies...”

Oleh itu yang mengecualikan langsung sayap-sayap belia, persatuan Cina, persatuan Hainan, persatuan Melaka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga telah bangkitkan perkara ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tahu, tetapi dia... Yang Berhormat Tangga Batu itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri akan jawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, dan implikasi...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia tak faham. Saya, saya mudah. Maksud saya ialah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya, saya akan memajukan di peringkat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Dua minit, dua minit.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ..Implikasi-implikasi dua minit Tuan Yang di-Pertua. Tak apa, duduklah, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, tak apa. Yang Berhormat.. Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak, saya nak beri penjelasan. Dia tak faham saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia, 'kucing', dia tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung, sila gulung..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini adalah implikasi yang penting. Kerana kalau ia tidak diiktiraf di dalam akta, maka *legitimacy of the society* dan ia akan ada implikasi terhadap haknya untuk mendapat peruntukan. Haknya untuk mendapat peruntukan daripada kerajaan kerana dia bukan satu persatuan yang diiktiraf oleh kerajaan.

Oleh itu saya kata tadi, saya berasa kesal kerana Timbalan Menteri tidak mengambil kira perkara ini dan walaupun tadi Yang Berhormat bagi Kota Melaka ada sebut, apa yang disebutkan

despite the consultation, his view was totally reject and worst of all, yang paling teruk lagi, masyarakat Cina, belia Cina akan dikecualikan daripada akta ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu, itu, itu tidak betul Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mahu tambah lagi kah? ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bandar Kuching...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Sila Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

7.27 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Apabila saya melihat rang undang-undang ini, ia mengandungi 10 bahagian, 125 fasa, 87 muka surat, ini satu benda yang penting. Saya tahu pihak kementerian bersama AG, Penasihat Undang-undang buat ini betul-betul. Saya perlu ambil peluanglah untuk beri pandangan saya. Barangkali pandangan saya berlainan daripada pandangan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching sebab Yang Berhormat bagi Bandar Kuching banyak lari tajuk. Sebab saya tahu kalau kita berjalan tidak atas rel...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini belia, bukan Islam Hadhari ya, Yang Berhormat...*[Ketawa]*.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya, ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita berjalan mesti di atas rel... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Yang Berhormat Pasir Mas tidak ada, saya kena ganti dia. Siapa berjalan tidak di atas rel, dia tidak akan sampai ke kemuncak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Pasir Puteh pakai songkok macam Tuan Yang di-Pertua.. *[Ketawa]*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Atas rel, mana boleh berjalan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak tanya, kenapa dia pakai songkok hari ini?... *[Ketawa]* Ha, macam bakal Menteri Besar Kelantan...! *[Ketawa]*.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, mana pun undang-undang yang bergelar akta ini untuk menubuhkan atau untuk membangunkan belia, saya yakin sekiranya dengan modal insan yang ada di pihak jentera, jentera yang menjalankan ini. Yang kedua ialah *delivery system*. Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu ulang. Teras-terras yang pertama, yang kedua ini modal insan. Yang kedua ialah *delivery system*. Saya ambil masa singkat.

Kita boleh berjaya sebab ialah kerana kita hendak bangunkan belia. Belia adalah sebagai aset negara. Belia kah, pemuda kah, samalah. Dialah sebagai aset negara yang terpenting. Lemah

belia remaja, lemah negara. Ini bukan semangat Tuan Yang di-Pertua. Saya memang *style* saya begitu. Bangkit belia saya semangat selalu. Apabila lemah belia, lemah negara, hancur...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, umur berapa?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Umur baru 50 lebih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik... *[Dewan riuh][Ketawa]*.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Belia lagi.

Hancur belia dalam negara kita, hancurlah negara. Ke mana lagi kita hendak letakkan kepimpinan dalam masa hadapan? Yang Berhormat bagi Jerai tak apalah. Yang Berhormat bagi Tangga Batu tak apalah. Dia pegang hebat-hebat dah. Ini, kalau tak ada yang lapisan ini, kepada siapa kita hendak serah? Misal kata Bandar Kuching, minta maaf lah saya tak boleh serah. Hancur!!!... *[Ketawa]*. Kepada rakan saya Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kalau saya serah, tak boleh. Bukan hancur, *'la'it'*.... *[Disampuk]* Jadi sebab itulah saya hendak Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang kita hendak buat ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *La'it* itu apa?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak supaya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *La'it* itu apa?"

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *La'it* itu apa?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Oh *La'it*. *La'it* itu lumat. Lumat terus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada lain hendak berucap?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hancur lumat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada lain bahan hendak sampaikan kah?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak, saya terlupa.... *[Disampuk]*. Saya ingat dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan tadi... *[Ketawa]* Saya balik kepada muka 45 Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Esok, sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, esok pagi datang awal sikitlah. Esok pagi sambung.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya... *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 petang.